

**Jilid III
Bil. 6**



**Hari Selasa
2hb April, 1985**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 817]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 889]**

... ..

... ..

... ..

... ..

...

...

...

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S., (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A. P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar-Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Kinangau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P., (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- Yang Berhormat TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HONG KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S., (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T., (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMAD YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR. NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Martajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LIANG KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kelsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 2hb April, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

(*Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad tidak hadir.*)

GAJI KAKITANGAN
KERAJAAN

2. **Tuan Quah Wee Liam** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan Ekonomi Negara kita pada masa ini dan bolehkah ia membenarkan kajian semula gaji-gaji kakitangan Kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ekonomi Malaysia adalah dianggarkan tidak begitu cerah tahun ini apabila dibandingkan dengan prestasi tahun lalu. Kadar pertumbuhan KDNK dijangka merosot kepada kira-kira 6% berbanding dengan 7.3% pada tahun 1984. Ini adalah memandangkan jangkaan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian akan meleset tahun ini dan justeru itu eksport Malaysia serta hasil Kerajaan

dan tabungan negara akan berkembang dengan lebih perlahan. Perkembangan ini akan menjejaskan usaha Kerajaan mengurangkan beberapa masalah utama ekonomi negara. Masalah-masalah ini ialah:

Pertama, kurangan dalam akaun semasa imbalan pembayaran.

Kedua, kurangan akaun kewangan Kerajaan.

Ketiga, kurangan tabungan negara untuk membiayai pelaburan.

Berdasarkan kepada keadaan ekonomi yang saya nyatakan tadi iaitu negara masih lagi menghadapi masalah kewangan yang rumit, sudah teranglah bahawa Kerajaan tidak dapat memberi persetujuan untuk kajian semula gaji-gaji kakitangan Kerajaan diadakan. Kenaikan gaji kakitangan Kerajaan melibatkan penambahan perbelanjaan pengurusan Kerajaan. Ini bermakna Kerajaan terpaksa mengurangkan peruntukan perbelanjaan pembangunan. Ini juga memerlukan Kerajaan menambahkan pinjamannya yang sudah tentu akan menambah lagi beban hutang negara. Saya percaya keadaan ini sudah tentu tidak boleh diterima dengan baik oleh rakyat negara ini. Soal membayar kenaikan gaji juga akan membawa masalah kewangan yang lebih rumit lagi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri terutamanya negeri-negeri yang kedudukan kewangannya kurang memuaskan.

Di samping itu tambahan perbelanjaan yang timbul dari kenaikan gaji sudah pasti akan memberi tekanan inflasi dalam negara. Walaupun ada cara-cara untuk mengurangkan kesan ini, kenaikan harga mungkin akan menghakiskan apa-apa keuntungan yang didapati dari kenaikan gaji. Masalah ini semakin serius sekiranya sektor swasta juga mengikuti jejak Kerajaan kerana kenaikan kos kakitangan sektor swasta bukan sahaja menambah tekanan inflasi tetapi mungkin membuat sektor swasta tidak bersedia untuk mengambil alih beberapa perkhidmatan Kerajaan. Ini sudah tentu membawa kesan yang buruk ke atas dasar penswastaan. Pada keseluruhannya pada masa ini kita perlulah meneruskan amalan jimat-cermat. Oleh itu segala penambahan perbelanjaan adalah bercanggah dengan dasar Kerajaan untuk berjimat-cermat, mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan dan seterusnya berusaha mengukuhkan ekonomi negara. Di dalam keadaan inilah saya berharap pegawai dan kakitangan Kerajaan dapat bersabar demi kepentingan pemulihan dan pembangunan ekonomi negara.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini status atau kedudukan tuntutan-tuntutan kakitangan-kakitangan Kerajaan melalui CUEPACS untuk kajian semula gaji-gaji kakitangan Kerajaan dan kedua, oleh kerana gaji-gaji kakitangan Kerajaan termasuk element atau unsur pencen, adakah rancangan Kerajaan untuk menghapuskan pension scheme dibincangkan dengan pihak CUEPACS atau dikaji sendiri oleh Kerajaan sahaja.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, seperti telah pun dinyatakan oleh pihak CUEPACS

sendiri mereka telah pun berbincang dengan pihak Kerajaan bahkan berbincang sendiri dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun menjelaskan kepada pihak CUEPACS keadaan yang sebenar serta juga kemampuan Kerajaan untuk menemui desakan kenaikan gaji daripada pihak CUEPACS dan saya ingin memaklumkan pihak CUEPACS telah pun menerima penjelasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Bagi soalan kedua yang melibatkan perkara pencen, seperti mungkin ada disebutkan di dalam akhbar baru-baru ini, saya ingin menyatakan bahawa pihak Kerajaan memang sentiasa sahaja mengkajikan kedudukan perbelanjaan kewangan negara termasuk juga pembayaran pencen, bagaimana mencari langkah-langkah untuk memperbaiki dari segi memenuhi hasrat dua pihak, hasrat Kerajaan untuk mengimbangkan perbelanjaan untuk pembangunan dan bayaran gaji dan pencen dan juga dari segi kepuasan daripada pihak pekerja-pekerja sendiri.

Saya ingin menyatakan di masa ini perkara ataupun berita tentang hendak menghapuskan skim pencen itu adalah di peringkat kajian dan sekiranya berlaku langkah-langkah ataupun rancangan-rancangan yang lebih positif sudah tentu semua pihak akan kita mengambil kira dari segi kepentingan mereka.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai kemerosotan perkembangan ekonomi negara kepada 6% pada tahun ini. Pertama, apakah strategi pengurangan perbelanjaan Kerajaan?

Kedua, adakah benar bahawa Kerajaan akan mengurangkan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang ada sekarang.

Ketiga, Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan soal kelambatan proses pengswastaan yang menjadikan satu beban kepada Kerajaan. Adakah Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji badan-badan Kerajaan yang selalu membuat kerugian kepada Kerajaan. Kedudukannya sama ada hendak meneruskan ataupun menutup badan-badan Kerajaan yang merugikan Kerajaan itu.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, tiga soalan yang memerlukan jawapan yang panjang-panjang belaka, terutama mengenai strategi untuk mengurangkan belanja dan sebagainya, kalau saya ceritakan sudah tentu panjang. Tetapi seperti yang kita telah pun dimaklumkan, Kerajaan sentiasa sahaja meneliti untuk meluluskan kepada mana-mana Kementerian termasuk juga agensi-agensi Kerajaan yang memohon peruntukan ataupun pinjaman yang melibatkan pelaburan jangka panjang yang tidak akan memberi hasil yang cepat kepada Kerajaan. Ini juga akan dikurangkan seperti yang telah dijelaskan.

Kedua, dari segi sama ada Kerajaan bermaksud untuk mengurangkan jumlah kakitangan Kerajaan, saya ingin mengatakan di sini bahawa kajian memang dibuat sama ada kita boleh mengurangkan kakitangan Kerajaan kepada purata yang lebih seimbang dengan keadaan perkhidmatan Kerajaan yang ada di negara-negara yang lain. Memang sudah pun diketahui bahawa dari segi ratio jumlah kakitangan Kerajaan kita di negara ini adalah agak besar jika dibandingkan dengan jumlah penduduk yang ada. Dan dalam hal ini Kerajaan bukanlah mengambil langkah yang tergesa-gesa bahkan satu daripada caranya ialah kita memikirkan melalui pengswastaan umpamanya mungkin juga sebahagian daripada kakitangan ini boleh

ditukarkan perkhidmatannya dan dengan berbuat demikian ini tidak akan merugikan kedua-dua belah pihak sambil Kerajaan tidak terpaksa menanggung beban besar dari segi gaji dan pencen. Dari segi punca pendapatan juga, pekerja-pekerja tidak akan kehilangan apabila mereka dapat meneruskan perkhidmatan di dalam badan-badan yang diswastakan.

Saya ingin juga menyatakan mengenai soalan ketiga mengenai kaedah pengswastaan dan Ahli Yang Berhormat tadi ada menyebut sama ada Kerajaan ingin menyekat perbelanjaan daripada, dengan izin, Off Budget Agencies, jika saya tidak silap maudhuk pertanyaannya. Seperti yang kita selalu jelaskan dan saya ingin menjelaskan sekali lagi di sini Kerajaan sudah pun menubuhkan satu badan di Jabatan Perdana Menteri yang meneliti segala perbelanjaan daripada Off Budget Agency ini. Pada masa yang agak lebih kerap juga kita mengenakan satu sistem amaran awal lebih kurang begitulah strukturnya yang mana sudah tentu kita dapat mengesan sekiranya berlaku apakah kelemahan perkara ini boleh diperbaiki di peringkat yang lebih awal lagi tanpa kita menunggu pada hujung tahun dan sebagainya.

KEKURANGAN PENJARA

3. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) adakah Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri sedar bahawa di Malaysia ini kekurangan penjara-penjara dan penjara-penjara yang ada penuh sesak;
- (b) pada masa yang sama, tidakkah juga Kerajaan sedar bahawa kakitangan Penjara juga

kekurangan dan kejadian banduan-banduan lari daripada Penjara bertambah;

- (c) adakah ini juga bermakna bahawa dengan kekurangan Penjara yang ada sekarang akan menyebabkan tindakan menangkap atau menahan pesalah-pesalah akan berkurangan; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang bagi mengatasi masalah kekurangan Penjara, maka penjara-penjara berbentuk seperti zaman Jepun iaitu Penjara yang menggunakan sistem pagar tali besi digunakan balik.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat tersebut, sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa memanglah berlaku kesesakan di penjara-penjara. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil untuk mengatasi masalah itu seperti membina penjara-penjara baru seperti Penjara Terbuka di Marang, Penjara Terbuka di Penor, Penjara Simpang Renggam dan Penjara Kajang. Tindakan juga akan diambil bagi memindahkan banduan-banduan yang penuh sesak itu ke penjara-penjara baru tersebut.

Menyentuh tentang pelarian banduan daripada penjara tidaklah ada hubungan dengan masalah kesesakan dan kekurangan kakitangan di Jabatan Penjara. Dalam hubungan ini juga Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah tersebut dengan mengetatkan lagi peraturan kawalan ke atas banduan-banduan tersebut oleh pihak Penjara.

Suka juga dimaklumkan di sini bahawa tindakan menangkap dan menahan pesalah-pesalah tidak mungkin dikurangkan atas sebab-sebab kekurangan penjara.

Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk membina penjara yang menggunakan sistem pagar tali besi. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah kesesakan tersebut Kementerian ini telah meluluskan pembinaan beberapa buah penjara yang telah disebutkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah-masalah yang disebutkan dalam soalan ini, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada masa telah tiba bagi Kementerian yang berkenaan untuk mengkaji reformasi di penjara dengan mengambil kira berbagai masalah yang dialami oleh pihak Kementerian dan juga oleh pihak banduan. Dan sekiranya Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan reformasi ini maka saya juga hendak tahu bagaimana pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengkaji masalah-masalah yang dialami oleh penjara di negara kita pada keseluruhannya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sistem penjara di negara kita dikaji dari semasa ke semasa dan kita telah pun menghantar beberapa pegawai ke luar negeri untuk maksud tersebut tetapi ini alam mengambil masa yang panjang dan peranan utama diberi oleh Kementerian ialah untuk melegakan lagi kesesakan di penjara-penjara memandangkan begitu banyak banduan-banduan yang terdapat yang sekarang ini angkanya lebih daripada 14,000 orang.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan

Menteri di akhir-akhir ini didapati penjara-penjara dibina dengan secara rupanya cantik kalau pandangan sepintas lalu seakan-akan tempat peranginan. Satu daripada contohnya penjara di Terengganu. Oleh itu, apakah polisi ataupun hikmat yang dikehendaki oleh Kerajaan membina penjara-penjara begitu cantik seakan-akan tempat peranginan. Adakah tidak itu menggambarkan tidak menggerunkan kepada pesalah-pesalah?

Kedua, kenapakah penjara-penjara itu kebanyakan dibina di tepi-tepi jalan sangat, apakah tujuannya dan apakah muslihatnya?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sistem penjara yang diamalkan di negara kita ialah atas dasar pemulihan. Jadi, jika terdapat penjara-penjara sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat terdapat di Maran sebuah elok dan cantik, ini memanglah disengajakan kerana kita mengamalkan sistem pemulihan. Bermakna siapa yang dipenjarakan bukan hanya untuk disekat kebebasan mereka tetapi diberi ajaran yang sesuai dan pemulihan agar mereka apabila keluar kelak bukan sahaja diterima balik oleh masyarakat tetapi boleh membantu masyarakat menjadi orang-orang yang berguna.

Tentang pembinaan penjara-penjara yang dibina berhampiran dengan jalan-jalan besar, besar kemungkinan Yang Berhormat menumpukan perhatian terhadap penjara yang terdapat di Kuala Lumpur ini iaitu penjara Pudu sebab lain-lain penjara adalah dibina jauh sedikit daripada bandar tetapi tidak menjauhi bandar kerana banduan-banduan yang ditempatkan dalam penjara-penjara ini mesti ada hubungan yang rapat dengan balai-balai polis dan juga mahkamah-mahkamah untuk melicinkan pentadbiran.

Walau bagaimanapun penjara yang terdapat di Kuala Lumpur betul-betul di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur akan dikekalkan buat sementara waktu dan penjara yang sedang dibina di Kajang akan dari semasa ke semasa mengambil alih bilangan banduan daripada penjara Pudu.

PENYERTAAN IBUBAPA DALAM KEGIATAN SEKOLAH

4. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana Kementeriannya bercadang untuk menggalakkan penyertaan yang lebih besar oleh para ibubapa dan masyarakat dalam pembangunan dan kegiatan-kegiatan tiap-tiap sekolah. Adakah Kerajaan akan memberi pengecualian dari cukai pendapatan kepada semua dermawan untuk kemudahan-kemudahan sekolah yang diberi oleh orang awam.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedang berusaha untuk menggalakkan penyertaan yang lebih dari ibubapa dan masyarakat dalam kegiatan-kegiatan memajukan sekolah melalui suatu Jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Sekolah Sebagai Institusi Masyarakat. Di antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan adalah merangkumi bidang-bidang seperti kebajikan masyarakat, memperkukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran kegiatan ko-kurikulum, melengkapkan kemudahan fizikal sekolah dan mendapatkan bantuan kewangan.

Mengenai pengecualian cukai pendapatan ahli-ahli dermawan terhadap pemberian bantuan kewangan kepada sekolah, bolehlah diminta kelulusan dari Kementerian Kewangan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan bagaimanakah Jawatankuasa yang baru ini iaitu Jawatankuasa Sekolah Sebagai Institusi Masyarakat akan menyelaraskan tugasnya dengan PIBG dan juga jemaah pengurusan sekolah? Adakah ini bermaksud PIBG dan jemaah pengurusan sekolah akan dikurangkan bidang kuasanya?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kuasa PIBG tidak akan dikurangkan dan aktiviti atau kegiatan-kegiatan JASIM atau Jawatankuasa Sekolah sebagai Institusi Masyarakat akan diserapkan ke dalam aktiviti-aktiviti PIBG.

Tuan Khadri bin Sabran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai sekolah sebagai institusi untuk masyarakat yang melibatkan PIBG dan Jawatankuasa Jemaah Pentadbiran Sekolah. Jadi saya ingin tahu sama ada jawatankuasa PIBG dibolehkan untuk memeriksa buku murid-murid di sekolah-sekolah.

Yang keduanya saya ingin tahu apakah maksud sebenarnya kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang menyarankan supaya diwujudkan suatu keadaan di mana penglibatan golongan professional di dalam perkembangan dan kemajuan pelajaran di dalam negara kita ini dan adakah golongan professional ini akan terlibat dalam bidang pelajaran dan pembelajaran itu serupa seperti "tutor" di institusi pengajian tinggi. Jika ianya serupa, adakah golongan professional yang akan memberikan syarahan dan pelajaran kepada murid-murid itu akan diberi ganjaran oleh Kementerian Pelajaran?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pentadbiran sekolah-sekolah tidak akan diubah oleh kerana pentadbiran sekolah apabila JASIM dilaksanakan masih di bawah kuasa Guru Besar Sekolah.

Maksud JASIM dan PIBG adalah untuk menjalankan kegiatan di luar masa sekolah iaitu di masa ko-kurikulum atau dalam bahasa Inggeris "extra-mural activities" dan adalah juga benar iaitu golongan professional akan dijemput untuk mencebur diri di dalam kegiatan sekolah itu seperti memberi syarahan, memberi peluang untuk murid mempelajari dari kepakaran yang ada tetapi saya merasa kesal kepakaran ini yang saya harap boleh mendatangkan kemajuan, mereka yang tampil untuk mencebur diri dalam kegiatan-kegiatan sekolah tidak akan diberi ganjaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir)

PASUKAN SIMPANAN TENTERA DARAT

6. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan sedang mengkaji langkah untuk meningkatkan taraf Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) serta menambahkan elaun bagi menarik lebih ramai orang awam menyertai Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD). Jika sedar, setakat manakah dewasa ini pihak Kementerian Pertahanan membuat langkah-langkah tersebut bagi menarik lebih ramai orang-orang awam menyertai Pasukan Simpanan Tentera Darat dan adakah Kementerian Pertahanan mencadang memberi latihan-latihan yang cukup cara-cara peperangan conventional dan peperangan dalam hutan serta latihan-latihan dengan menggunakan kelengkapan-kelengkapan dan senjata-senjata yang sofisticated.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, memang benar Kerajaan sedang berusaha dengan mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan lagi taraf pasukan simpanan tentera darat (PSTD) supaya menjadi satu pasukan yang benar-benar berkemampuan dan berkualiti tinggi. Di antara langkah yang dibuat ialah mengubah sesuaikan silibus-silibus latihan peperangan terbuka atau, dengan izin, conventional warfare dan peperangan hutan atau, dengan izin, counter-insurgency warfare serta kegunaan senjata-senjata dan kelengkapan moden. Buat masa ini beberapa buah pusat latihan tentera di negara ini telah mula mengadakan kursus-kursus menggunakan silibus baru ini.

Berbagai langkah telah, sedang dan akan dijalankan untuk menarik lebih ramai orang-orang awam menyertai PSTD melalui media massa, seperti radio, televisyen, akhbar-akhbar tempatan, pameran-pameran dan juga melalui syarahan, taklimat di sekolah-sekolah dan di pusat pengajian tinggi. Buat masa ini Kementerian Pertahanan sedang giat menjalankan pengambilan anggota-anggota PSTD yang baru. Pengambilan ini diadakan dari masa ke semasa.

Mengenai sama ada Kerajaan akan menaikkan elaun pasukan sukarela ini, perkara ini masih lagi di peringkat kajian.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berapakah bilangan ahli-ahli anggota PSTD dan berapa orang yang telah dikerah dan di manakah kebanyakan mereka-mereka ini bertugas.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita

mempunyai seramai 26,642 orang lain-lain pangkat, 7,671 orang dikerah dan untuk pegawai seramai 1,259 orang, kerahan 168 orang. Kebanyakan mereka berada di lebuhraya Timur Barat dan di sasaran penting.

BENUA ANTARTIKA— EKSPEDISI MALAYSIA

7. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Luar Negeri menyatakan menyedari bahawa kebanyakan masyarakat antarabangsa memberikan sambutan yang menggalakkan terhadap cadangan Malaysia untuk menjadikan Benua Antartika sebagai benua bebas milik manusia sejagat, adakah Kerajaan bercadang untuk menghantar ekspedisi ke benua tersebut untuk membuat kajian-kajian saintifik.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia tidak ada apa-apa cadangan untuk menghantar ekspedisi ke Benua Antartika untuk membuat kajian saintifik. Bagi Malaysia isu yang berbangkit di sini bukanlah soal sama ada Malaysia ingin atau mampu menghantar ekspedisi ke Benua itu akan tetapi soal utama mengenai pengwujudan satu-satunya sistem mengenai Antartika yang lebih saksama dan bertanggungjawab kepada komuniti antarabangsa. Dalam konteks ini Malaysia akan terus berusaha ke arah mencapai objektif ini.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu setakat ini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah kuasa-kuasa besar yang telah menguasai kawasan Benua Antartika setakat ini?

Dan yang kedua sejauh manakah penguasaan oleh kuasa-kuasa tersebut terhadap Benua Antartika yang boleh mengancam keselamatan negara-negara lain terutamanya di kawasan Asia? Terima kasih.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ialah kesemua kuasa-kuasa besar rasa kurang senang di atas inisiatif yang telah pun dimainkan oleh negara kita bersama-sama negara-negara sahabat yang lain mengenai isu Antartika. Namun demikian, kita telah pun sedikit sebanyak mengenai usaha inisiatif kita menyedarkan dunia tentang soal yang begitu penting ini. Maka dengan sendiri oleh sebab inisiatif kita isu Antartika sekarang mula diperbincang-bincangkan dengan hangat oleh masyarakat antarabangsa. Ini juga sudahlah pula satu kejayaan yang besar dengan adanya perbincangan yang begitu hangat mengenai isu ini maka sudah tentulah pada akhirnya kita mengharapkan sesuatu yang baik.

Mengenai soal keselamatan itu, buat masa ini dari segi jangka pendek memanglah segala tindakan dan kegiatan kuasa-kuasa besar di Benua itu tidak mengancam keselamatan antarabangsa. Namun demikian, dari segi jangka panjang, peraturan yang sedia ada mungkin, kecuali diatasi, akan membawa kesan-kesan yang mungkin tidak menyenangkan.

PERKHIDMATAN TELEKOM UTARA SELANGOR TIDAK MEMUASKAN

8. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah beliau sedar bahawa perkhidmatan telekom di utara Negeri Selangor iaitu Sungai Besar, Sabak Bernam dan Sungai Air Tawar sangat tidak memuaskan. Kawasan-kawasan ini

mendapat perkhidmatan dari Negeri Perak, Teluk Intan iaitu Kawasan Utara:

- (i) apakah rational Jabatan Telekom meletakkan ketiga-tiga kawasan tersebut dalam Kawasan Utara; dan
- (ii) tidakkah lebih baik diletak dalam Kawasan Tengah kerana bayaran perkhidmatannya tentulah kurang disebabkan tidak perlu melalui Ipoh apabila orang-orang dalam Negeri Selangor membuat panggilan ke Sabak Bernam, Sungai Besar dan Sungai Air Tawar.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian memang sedar bahawa perkhidmatan telefon, khususnya di kawasan Sungai Besar tidak begitu memuaskan. Ini disebabkan oleh kekurangan litar cawang (junction circuit) yang menyambung ibusawat Telok Intan.

Kekurangan ini mengakibatkan kesulitan untuk membuat panggilan-panggilan kepada atau daripada Sungai Besar. Untuk mengatasi masalah itu, jumlah bilangan litar cawang yang ada sekarang sebanyak 24 buah akan ditambah apabila projek sistem radio yang bermuatan 300 saluran (channels) siap dilaksanakan insya Allah pada bulan Oktober, 1985 ini.

Menjawab pecahan soalan, ketiga-tiga kawasan tersebut diletakkan dalam kawasan pengawasan Telekom Kawasan Utara oleh kerana pusat penyuisan kumpulan (group switching centre) yang paling hampir sekali ke ketiga-tiga kawasan tersebut ialah Ibusawat Telok Intan.

Bayaran kepada panggilan jauh dalam negeri adalah berasaskan kepada jarak jejari atau radial

distance antara kawasan ibusawat pemanggil dan kawasan ibusawat yang dipanggil sahaja. Oleh yang demikian, walaupun panggilan itu disambung melalui beberapa ibusawat jarak jauh antara ibusawat ke ibusawat yang dilaluinya tidak diambil kira dalam pengiraan bayaran untuk panggilan tersebut.

Sebagai contoh, panggilan jauh dari Kuala Selangor ke Sabak Bernam disambung melalui ibusawat-ibusawat Klang, Ipoh dan Telok Intan. Untuk tujuan pengiraan bayaran panggilan hanya jarak jejari antara Kuala Selangor dan Sabak Bernam sahaja yang diambil kira. Bayaran yang dikenakan bagi panggilan jauh ini ialah 90 sen sahaja bagi tempoh 3 minit.

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah tidak lagi di dalam negara kita tempat-tempat, pekan-pekan yang besar ataupun pekan-pekan yang sederhana dan kecil yang menghadapi masalah yang sama seperti masalah yang dihadapi oleh tempat ini dan bolehkah berhubung dengan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan setakat mana liputan perkhidmatan telefon bagi seluruh negara pada masa ini? Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, memang masih ada kawasan-kawasan yang serupa masalahnya dengan kawasan yang saya sebutkan tadi.

Usaha-usaha memang sedang dijalankan bagi seluruh negara yang mana kita sedang belanja sebanyak \$2-\$3 billion waktu ini, secara angka tepat tak dapat saya beri, untuk menyelesaikan supaya mutu panggilan telefon di seluruh negara lebih baik lagi. Terima kasih.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu saya membawa soalan ini ialah kerana dari dua kawasan dalam kawasan Parlimen Tanjong Karang dalam negeri Selangor dari segi telekom satu masuk ke kawasan utara tadi iaitu Sungai Panjang dan perkara yang dipersoalkan ialah dari segi pembayaran. Tadi Yang Berhormat menyatakan 90 sen bagi 3 minit kerana dia berpusing, Kuala Selangor ke Klang, lepas itu ke Ipoh dan ke Telok Intan baru sampai ke Sabak Bernam. Jadi masalahnya ialah kalau pengundi saya dari kawasan Sekinchan, yang mungkin setengah batu sahaja dari kawasan Sungai Pahang membuat panggilan telefon dia terpaksa membayar 90 sen bagi 3 minit. Kalau kawasan Sungai Panjang ini dalam kawasan Tengah atau kawasan Selangor maka dia terpaksa membayar mungkin 10-20 sen sahaja. Itulah yang menjadi persoalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalannya, Ahli Yang Berhormat? Apa soalannya?

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Itulah dia yang menjadi persoalan. Tidakkah boleh diperbuat supaya tidak perlu berpusing berputar-putar begitu jauh sehingga terpaksa membayar 90 sen padahal dia boleh membayar hanya 10 sen sahaja.?

Timbalan Yang di-Pertua: Itulah soalannya.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya barangkali tidak dapat dalam Dewan yang mulia ini menceritakan secara detil, saya kurang faham, tetapi sebagaimana prinsipnya yang saya katakan tadi ukuran bayaran itu mengikut jejari atau radial distance bukan berapa banyak panggilan itu harus melalui exchange tadi. Jadi tak

kira berapa pencawang atau exchange panggilan itu dilalui, yang dikira untuk bayaran ialah berapa jarak jejari (radial distance) sahaja.

Jadi untuk menjawab secara tepat tentang kawasan Ahli Yang Berhormat tadi, saya tak dapat secara pasti, tetapi dari segi prinsipnya, begitulah yang kita tahu. Terima kasih.

AKHBAR DALAM PENDIDIKAN (NIE)—PERLUASAN

9. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan pada masa ini rancangan "akhbar dalam pendidikan" (NIE) sedang berjalan dengan lancar, adakah Kementerian beliau akan luaskan rancangan ini kepada Kumpulan Akhbar yang lain seperti Utusan dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, rancangan "akhbar dalam pendidikan" (Newspaper in Education) bukanlah rancangan yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran. Ianya adalah daya usaha *The New Straits Times* dengan direstui oleh Kementerian Pelajaran untuk memperkenalkan penggunaan akhbar dalam bidang pendidikan khususnya bahasa Inggeris. Ini bukanlah terhad kepada akhbar sahaja ataupun kepada satu-satu akhbar, daya usaha dari akhbar-akhbar lain adalah juga digalakkan.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ini bukan merupakan rancangan daripada Kementerian Pelajaran tetapi direstui oleh Kementerian Pelajaran. Oleh kerana direstui oleh Kementerian Pelajaran, sudah barang

tentu Kementerian Pelajaran juga dianggap bertanggungjawab di atas rancangan ini. Soalan saya ialah sejauh manakah Kementerian Pelajaran bertanggungjawab atas rancangan ini?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan tadi rancangan ini adalah daripada inisiatif atau daya usaha *The New Straits Times* sendiri dan apabila perbincangan diadakan seperti apa yang selalu dipraktikkan oleh Kementerian Pelajaran iaitu kami sentiasa menggalakkan guru-guru menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai atau bahan-bahan bantu mengajar yang sesuai untuk melambangkan kekesanan dalam pengajaran dan pembelajaran dan oleh kerana daya usaha atau inisiatif *The New Straits Times* ini dianggap sebagai suatu alat atau bahan untuk bantu mengajar yang baik yang boleh menambahkan kekesanan, Kementerian Pelajaran telah merestui alat-alat baru ini, tetapi tanggungjawab hanya setakat ini.

POLARISASI KAUM DI SEKOLAH-SEKOLAH

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah konkrit yang telah diambil setakat ini oleh Kementerian untuk mengawasi polarisasi kaum di sekolah-sekolah dan sejauh mana tindakan ini mendatangkan hasil.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawasi polarisasi kaum di sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah melalui pelaksanaan Dasar-dasar Pelajaran Kebangsaan. Di antaranya ialah dengan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Pengantar Utama dan menyediakan satu bentuk kurikulum yang berorientasikan semangat dan aspirasi negara ini.

Di samping itu Kementerian ini juga telah mengambil langkah menubuhkan berbagai jawatankuasa dengan tujuan untuk melibatkan semua murid-murid dari berbilang kaum dalam aktiviti di sekolah khususnya ko-kurikulum.

Bagi meningkatkan lagi penerapan nilai-nilai dan semangat perpaduan di kalangan murid-murid, pihak sekolah-pihak sekolah mengadakan perhimpunan sekolah dengan upacara-upacara menyanyi lagu kebangsaan Negaraku, dan lagu patriotik tanahair seperti Malaysia Berjaya, menaikkan bendera Malaysia dan ikrar Rukunegara. Hasil dari tindakan di atas didapati keadaan polarisasi kaum di sekolah dapat dikawal. Ini dapat dibuktikan dengan wujudnya suasana dan keadaan sekolah yang tenteram dan perhubungan yang baik di antara kalangan murid-murid dan guru-guru dalam sesebuah sekolah yang terdiri dari berbilang kaum. Untuk mendapatkan hasil yang lebih berkesan, penglibatan dan kerjasama yang sepenuhnya serta sumbangan yang lebih positif daripada ibu bapa dan masyarakat adalah juga diperlukan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa salah satu sebab yang menyebabkan polarisasi kaum di sekolah-sekolah ialah oleh kerana asrama-asrama yang dibina untuk murid-murid yang miskin dan yang menduduki jauh dari sekolah, pada masa lalu dihadkan untuk satu kaum sahaja. Dan adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang bahawa mengenai asrama-asrama ini, apabila siap dibina akan dibuka kepada semua kaum?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini asrama-asrama yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sedang mengadakan murid-murid daripada

keturunan-keturunan lain. Saya percaya apabila maksud atau tujuan pembinaan asrama-asrama seperti itu dicapai di masa hadapan ini akan dibuka lebih lagi untuk keperluan lain-lain kaum.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat manakah ko-kurikulum yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, boleh membantu untuk mengurangkan polarisasi kaum ini. Dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila murid-murid ini dapat ke peringkat universiti polirasi kaum ini lebih nyata, lebih serius?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas iaitu melalui kegiatan-kegiatan seperti sukan, seperti lain-lain kegiatan di bawah senarai ko-kurikulum ini, murid-murid dari berbilang kaum dapat peluang untuk interaksi dan kita harapkan dan saya percaya, pengalaman yang didapati adalah melalui interaksi ini, persefahaman yang lebih mendalam didapati dan melalui persefahaman ini kita dapat mempereratkan lagi perhubungan antara satu sama lain.

Mengenai murid-murid atau penuntut-penuntut di universiti, yang mengadakan semangat polirasi, ini mungkin ada, tetapi kejadian ini atau apa yang berlaku ini tidak semestinya timbul atau membangkitkan oleh kerana murid-murid itu telah melalui sekolah-sekolah menengah atau rendah.

PERDAGANGAN DUA HALA DENGAN BURMA

11. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Kewangan menyatakan berkaitan dengan lawatan beliau baru-baru ini ke Burma awal tahun 1985:

- (a) apakah rundingan perdagangan dua hala yang telah diadakan di antara Burma dan Malaysia; dan

- (b) sebelum rundingan ini diadakan, bagaimanakah kedudukan defisit perdagangan di antara kedua-dua negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan Yang Berhormat Menteri Kewangan ke Burma, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berbincang beberapa perkara termasuk perdagangan dua hala dan kerjasama teknik di antara Burma dan Malaysia. Dalam bidang perdagangan, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah minta Burma untuk terus membeli minyak kelapa sawit secara langsung dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Burma telah menyambut baik permintaan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu dan telah pun memberi jaminan bahawa mereka akan terus membeli minyak kelapa sawit secara langsung dari Malaysia. Sebagai satu langkah mempereratkan lagi kerjasama dalam bidang perdagangan, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus membeli beras dari Burma. Perkara ini telah dibincangkan selama lawatan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam ke Burma baru-baru ini.

Selain daripada perdagangan dua hala, Kerajaan Burma akan memberi biji benih kayu jati untuk ditanam di negara kita sebagai satu langkah untuk menambah dan memelihara tanaman kayu jati di Malaysia.

Mengenai kedudukan perdagangan pula, pada masa-masa yang lalu, Malaysia telah mengalami kekurangan dalam imbalan perdagangan dengan Burma. Misalnya pada tahun 1982, Malaysia mengalami kekurangan sebanyak \$25 juta, manakala dalam tahun 1983 kekurangan ini telah meningkat kepada \$42.7 juta. Dalam 10 bulan pertama tahun 1984 kekurangan dalam imbalan perdagangan berjumlah sebanyak \$36.2 juta.

PADI DI DEPO SIMPANAN KEDAH/PERLIS

12. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada benar sebanyak 15,000 tan metrik padi telah rosak dalam bulan Disember 1984, di depo-depo simpanan di Kedah/Perlis, dan jika ya, nyatakan kerugian dalam ertikata kos, sebab-sebab padi itu menjadi rosak dan apakah tindakan yang akan diambil pada masa akan datang untuk mencegah insiden seumpama itu daripada berulang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, peranan LPN sebagai agensi yang melaksanakan harga tawaran padi yang bertujuan mewujudkan kestabilan harga barangan itu mengakibatkan LPN menjadi "pembeli yang terakhir" kepada semua padi yang dibawa kepadanya tanpa mengira mutunya. Oleh yang demikian, sering berlaku padi yang telah dibeli oleh LPN itu kejatuhan mutunya. Ini tidak bermakna padi tersebut telah rosak sepenuhnya kerana padi yang telah jatuh mutu itu masih boleh dikisar bagi menghasilkan beras dari gred yang rendah.

Bagi musim yang lepas yang merupakan tuaian musim basah bulan Julai—Disember 1984, telah didapati bahawa pengilang-pengilang swasta telah membeli padi dalam jumlah yang lebih kecil daripada jumlah yang biasa mereka beli. Dengan itu tekanan ke atas LPN menjadi bertambah untuk membeli padi dengan lebih banyak berbanding dengan keupayaan pengeringan dan pengisarannya. Pemerosesan padi yang sedia basah itu mengakibatkan LPN mengeluarkan beras gred rendah.

Usaha-usaha sedang dijalankan oleh LPN bagi menambahkan kelengkapan pengeringan dengan mengadakan kemudahan "Flat-Bed-Dryer" dan

jentera "Moisture Extraction Unit" bagi mempertingkatkan keupayaan pengeringan di samping membina beberapa buah kompleks sebagai langkah jangka panjang.

Oleh kerana padi yang mengalami kejatuhan mutu ini tidak rosak secara mutlak, maka kos sebentar ke atas kerosakan itu tidak dapat dipastikan. Apa yang dialami oleh LPN akibat dari keadaan ini ialah berlakunya pengeluaran beras dari gred yang lebih rendah yang terpaksa dijual pada harga yang rendah juga.

Tuan Othman bin Abdul: Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyebutkan dua proses jangka panjang iaitu tentang penyeliaan MEU dan juga Padang Chemor yang luas. Sekarang ini soalnya adakah pihak Kementerian bercadang untuk mempercepatkan proses pembelian di kompleks-kompleks pembelian padi sehingga tidak tunggu dua tiga hari. Yang keduanya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk membuka pusat-pusat sementara di musim-musim menuai (peak season) untuk memudahkan ataupun untuk tidak menyebabkan berlakunya kesesakan di semua kompleks-kompleks pembelian LPN.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab kedua-dua soalan sekali. Pihak LPN selain daripada menjalankan langkah-langkah jangka panjang sepertimana yang saya sebutkan tadi, mengambil beberapa langkah untuk jangka pendek. Semasa musim menuai kompleks-kompleks LPN dibuka selama 24 jam. Pembelian padi dijalankan. Walau bagaimanapun, hingga jam 6.00 petang sahaja kerana pengredan padi tidak dapat dibuat pada waktu malam.

Selain daripada itu, pemunggaan padi dari lori-lori, antara lainnya yang menyebabkan lori-lori terpaksa

menunggu dijalankan hingga pukul 11.00 malam dan juga apabila didapati perlu di panjangkan selama 24 jam di masa-masa kemuncak belian padi.

Selain daripada itu, kawasan kompleks-kompleks yang terhad telah digunakan sepenuhnya untuk disimpan padi, misalnya dengan menambahkan tempat simpanan padi sementara yang berbentuk peneduh. Bagi kawasan-kawasan yang tiada berbumbung jika sekiranya padi terpaksa diletakkan di tempat-tempat berkenaan maka tiap-tiap kompleks dibekalkan sekurang-kurangnya dua atau lebih tarpaulin dan ini, Tuan Yang di-Pertua, ada kaitan untuk menyelamatkan padi-padi yang mungkin selepas itu ditanya, apakah usaha hendak dibuat dengan padi-padi yang begitu banyak yang terletak di luar kawasan yang memang terteduh di dalam kompleks LPN.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan peratusan padi yang dibeli oleh pihak swasta dan dibeli oleh LPN.

Keduanya, apakah faktor-faktor yang menyebabkan ketidakupayaan ini bukannya birokrasi yang kekok dan

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup soalan itu Yang Berhormat.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya pihak LPN membeli kira-kira 30% daripada pengeluaran padi tetapi pada musim yang lepas LPN terpaksa membeli sebanyak 41.3% daripada pengeluaran padi. Dan musim ini ditambahkan lagi dengan adanya pengeluaran padi IR42 yang mana pihak swasta tidak begitu berminat untuk membelinya kerana padi ini apabila dihasilkan pada beras tidak begitu menguntungkan.

Bagi soalan yang kedua, soal yang timbul itu bukan soal birokrat tetapi ialah soal-soal yang ada hubungan dengan padi basah, yang ada hubungannya dengan pertambahan pembelian padi dan yang ada hubungan dengan soal-soal lain yang telah saya sebutkan dalam bahagian yang pertama jawapan saya tadi. Terima kasih.

NILAI SAHAM BUMIPUTERA— DISKAUN

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan (A) jumlah nilai saham mengikut harga diskaun khas dikeluarkan kepada orang-orang Bumiputera dalam tahun (i) 1984 dan (ii) sejak pelancaran DEB; (B) amaun dan peratus saham-saham diskaun tersebut yang dijual dalam tahun (i) 1984 dan (ii) sejak DEB dilancarkan dalam tahun 1970; dan sama ada penjualan (dumping) saham-saham Bumiputera itu yang dibeli dengan harga diskaun memajukan matlamat DEB untuk menyusun semula masyarakat.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1970-1984, syarikat-syarikat berhad tercatat selain dari kewangan dan insuran telah menawarkan sebanyak 1,066 juta unit saham bernilai \$1,593 juta kepada Bumiputera melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Di dalam tahun 1984 sahaja, nilai saham yang telah diperuntukkan kepada Bumiputera melalui Kementerian saya ialah sebanyak \$521.8 juta. Dari jumlah yang telah diperuntukkan itu, didapati Bumiputera telah menjual sebanyak 127 juta unit atau kira-kira 11.9% dari jumlah peruntukan dan bagi tahun 1984, jumlah penjualan yang dilakukan adalah di dalam lingkungan 12.3 juta unit atau 3.1% dari jumlah peruntukan di tahun yang sama.

Pada dasarnya sebarang penjualan terhadap saham-saham yang telah diperuntukkan pasti akan mengurangkan pegangan Bumiputera di dalam syarikat-syarikat berkenaan. Menyedari akan hakikat inilah maka Kementerian saya mengenakan syarat kepada pihak Bumiputera menyekat mereka dari menjual atau memindahmilik saham-saham Bumiputera tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Walau bagaimanapun, oleh kerana saham-saham tersebut merupakan saham-saham yang tercatat di Pasaran Saham, penjualan sedikit sebanyak pasti berlaku di kalangan Bumiputera yang ingin mengambil peluang membuat sedikit "capital gain" dan dengan keuntungan yang diperolehi menceburi di dalam lain-lain aktiviti ekonomi yang lebih menguntungkan atau yang bertindak untuk mengurangkan pegangan di dalam syarikat yang memberi peluang yang kurang untuk melabur di dalam aktiviti lain yang lebih berfaedah.

Kementerian saya akan terus mengawasi kedudukan saham-saham yang telah diperuntukkan kepada Bumiputera dari masa ke semasa. Setakat ini, perangkaan menunjukkan tidak berlaku penjualan secara lambakan (dumping) saham-saham Bumiputera sehingga dapat menjejaskan matlamat hak milik Bumiputera di sektor corporate.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa angka-angka baharu-baharu ini menunjukkan tidak ada dumping atau penjualan saham-saham yang dibeli dengan diskaun dalam pasaran saham. Kalau begitu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka-angka ini khasnya untuk tiga bulan tahun ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana angka-angka detail mengikut bulanan tidak saya perolehi tetapi sebagaimana yang saya jelaskan, jumlah unit saham yang telah pun dijual di dalam tahun 1984 ialah sebanyak 12,339,874 unit saham. Jadi ini merupakan 3.09% daripada peruntukan Bumiputera iaitu sebanyak lebih kurang 399,244,139 unit saham. Jadi angka yang diminta oleh Yang Berhormat bagi tempoh tiga bulan yang ditanya tadi saya tidak dapat memberikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Kok Hooi.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Tan Kok Hooi tidak hadir)

LESEN PENGUSAHA BUKAN ISLAM

15. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah lesen-lesen yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha bukan Islam sepanjang tahun 1984 untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan yang lazimnya memerlukan penelitian dari segi halal haramnya makanan-makanan yang disediakan itu. Apakah langkah yang telah diambil bagi mengelakkan keraguan di kalangan orang-orang Islam terhadap makanan yang berkenaan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meluluskan lesen pengilang kepada 26 buah syarikat-syarikat bukan Islam dalam bidang bahan-bahan makanan sepanjang tahun 1984.

Untuk mengelakkan keraguan di kalangan orang-orang Islam terhadap makanan-makanan yang disediakan

dari segi halal haram, pengusaha-pengusaha bukan Islam adalah dibenarkan menggunakan label halal. Pengusaha-pengusaha bahan makanan yang menggunakan label-label halal ke atas barang-barang keluaran mereka adalah bertanggungjawab menentukan bahawa barang-barang keluaran mereka mengikut peraturan-peraturan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan "Halal") 1975. Sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan ini akan dikenakan tindakan dakwaan.

Denda yang terlibat ialah sebanyak \$100,000 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan \$200,000 atau 6 tahun penjara atau kedua-duanya untuk kesalahan seterusnya. Untuk pihak corporate yang melakukan kesalahan denda sebanyak \$250,000 atau \$500,000 adalah terlibat.

Bagi mengelakkan keraguan di kalangan orang-orang Islam tentang halal atau haram terhadap makanan-makanan yang terdapat di kedai-kedai, sebuah Jawatankuasa telah pun ditubuhkan oleh Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Agama) yang dikenali sebagai Jawatankuasa Mengkaji Barang-barang Makanan/Minuman dan Gunaan Orang Islam. Jawatankuasa ini menjalankan penyiasatan dari masa ke semasa ke tempat-tempat jualan dan makanan termasuk hotel-hotel dengan kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan tentang kilang-kilang ini telah mendapat arahan daripada pihak Kementerian tentang barang-barang yang halal itu. Saya ingin tahu cara manakah, sama ada Kementerian atau Jawatankuasa yang telah disebut oleh beliau itu, mengawasi tentang mengenalpasti barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang itu halal.

Sebagai contoh, Kentucky Fried Chicken misalnya, banyak perkara ini timbul, ada setengah mengatakan halal dan ada setengahnya mengatakan haram.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi untuk mempasti dan menentukan sama ada sesuatu makanan yang dilaporkan itu halal ataupun haram, maka tindakan memang ada dijalankan oleh pihak Kementerian dengan kerjasama Jawatankuasa tadi dan daripada tindakan itu kita akan membuat ujian dan juga siasatan sama ada cara memproses makanan itu ataupun mengeluarkan bahan-bahan makanan itu selaras dengan kehendak-kehendak dan aturan Islam.

Kedua, sama ada kandungan-kandungan bahan-bahan yang digunakan itu adalah barang-barang yang sebenarnya halal, dan daripada siasatan itu termasuk juga kajian-kajian bahan melalui sistem saintifik kita dapat mempastikan halal haram sesuatu barangan itu.

BUMIPUTERA DALAM ALAT MOTOR JENTERA

16. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah dasar Kerajaan yang membiarkan syarikat-syarikat bukan bumiputera memonopoli perniagaan alat-alat ganti motor-motor berjentera di negeri Kelantan itu suatu kebetulan sahaja atau yang disengajakan, walaupun bilangan pengguna-pengguna dan bengkel membaiki jentera bumiputera lebih ramai dari bukan bumiputera di Kelantan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar akan kekurangan peniaga-peniaga

bumiputera di dalam perniagaan alat-alat ganti motor-motor berjentera di negeri Kelantan.

Walaupun begitu, Kementerian saya dari masa ke semasa telah berusaha untuk menambah peniaga-peniaga bumiputera menyertai bidang perniagaan alat-alat ganti motor-motor berjentera dengan mendapatkan peluang-peluang daripada syarikat-syarikat pengeluar alat-alat ganti motor berjentera. Setakat ini ada 10 buah syarikat pengeluar yang bersedia melantik bumiputera sebagai pengedarnya.

Peluang-peluang untuk dilantik sebagai pengedar kepada syarikat-syarikat pengeluar alat ganti motor-motor berjentera adalah terbuka luas. Pada masa ini peluang-peluang perniagaan tersebut adalah diedarkan kepada Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Negeri Kelantan, MARA Negeri Kelantan, Unit Penyertaan Bumiputera Negeri Kelantan untuk disebarkan kepada bumiputera yang berminat untuk menjadi pengedar kepada perniagaan alat-alat ganti motor-motor berjentera. Walaupun begitu, sambutan yang diterima hasil penyiaran peluang tersebut nampaknya tidak begitu menggalakkan.

Kementerian saya sememangnya berusaha untuk meramaikan lagi kaum bumiputera di dalam perniagaan alat-alat ganti motor-motor berjentera di negeri Kelantan.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan punca mengapa tawaran-tawaran tadi begitu lembab sekiranya semangat berniaga di kalangan anak-anak Kelantan begitu sekali hangat?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita pun tidak dapat memastikan, walaupun minat ada tetapi semangatnya kurang dan dengan sebab itu walaupun peluangnya banyak tetapi mereka tidak bersedia menerima pelawaan kita.

Keduanya, mungkin dikaji daripada beberapa aspek yang lain bahawa terdapat bidang-bidang perniagaan yang lain yang lebih menguntungkan, umpamanya perniagaan kenderaan mungkin lebih menguntungkan daripada perniagaan alat-alat ganti. Dengan sebab itu walaupun ada peluang, ada tawaran dan ada agensi-agensi yang boleh dilantik, mereka masih belum berminat. Jadi saya fikir Ahli Yang Berhormat mungkin boleh membantu kita memberikan penjelasan dan memberikan semangat supaya mereka yang kurang berminat dapat ditambah semangat untuk berminat dalam bidang ini.

MAS—POTONGAN 50% PENERBANGAN DOMESTIK

17. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang supaya "50% fare discount" yang dikenakan kepada semua penerbangan domestik sekarang ini, juga dikenakan kepada perkhidmatan penerbangan luar bandar (Rural Air Services) memandangkan banyak penumpang-penumpang yang menggunakan penerbangan luar bandar ini adalah orang luar bandar yang miskin dan yang berumur lebih daripada 55 tahun; jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) memberi potongan tambang 50% ke atas semua

penerbangan domestik sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Perlu saya terangkan sedikit di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa potongan (discount) ke atas tambang-tambang domestik yang ada pada masa ini adalah bagi kategori-kategori trafik tertentu ataupun bagi tujuan-tujuan tertentu iaitu seperti tambang murah untuk penuntut-penuntut, kumpulan-kumpulan, keluarga, orang-orang cacat, ahli-ahli akhbar, tambang penerbangan malam, dengan izin, night tourist, tambang murah untuk senior citizens, dengan izin, iaitu penumpang-penumpang yang mencapai umur 55 tahun ke atas. Sungguhpun demikian, potongan-potongan (discounts) ini diberi pada masa-masa tertentu tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Bagi penerbangan-penerbangan luar bandar, MAS tidak mempunyai apa-apa discount tambang murah seperti sektor-sektor domestik tertentu kerana tambang perkhidmatan luar bandar yang ada sekarang ini adalah dianggap rendah. Sungguhpun kos operasi untuk penerbangan luar bandar ini adalah tinggi dan sentiasa meningkat, kadar tambang bagi penerbangan-penerbangan ini hanya dinaikkan sekali sahaja sejak perkhidmatan ini dimulakan dalam tahun 1972.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 5, 14, 18 hingga 46 adalah diberi di bawah ini).

PARLIMEN MALAYSIA— PENGURUSAN PERSIDANGAN

1. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa setelah 27 tahun

merdeka dan 25 tahun wujudnya Parlimen Malaysia masih lagi terdapat pengurusan persidangan dan peraturan mesyuaratnya menggunakan dua bahasa dan pada hakikatnya naskah sahah untuk rujukannya masih berbahasa Inggeris. Jika benar tidaklah sampai masanya berserta sempena menyambut perayaan Jubli Perak Parlimen maka semua pengurusan persidangan Parlimen dan Peraturan Mesyuaratnya hanya menggunakan satu bahasa sahaja iaitu Bahasa Malaysia dengan menitikberatkan ejaan dan kesilapan yang mengelirukan dalam naskah sahah Bahasa Malaysia. Dengan ini bukan sahaja melicinkan persidangan tetapi dapat mengurangkan beban kerja kakitangan cepat tanpa membuang masa dan mengurangkan perbelanjaan Parlimen di zaman kemelesetan ekonomi ini.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Memang benar bahawa dari segi urusan persidangan dan Peraturan-peraturan Mesyuarat Parlimen masih lagi menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Penggunaan dua bahasa ini tidak mempunyai apa-apa muslihat tertentu tetapi adalah untuk faedah orang ramai dan juga pihak-pihak asing yang mengikuti perjalanan Mesyuarat Parlimen sama ada secara terus atau melalui bahan-bahan percetakan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Jabatan Parlimen. Sungguhpun demikian, usaha-usaha sedang dibuat bagi mempertingkatkan penggunaan bahasa Malaysia dalam urusan persidangan dan bahan-bahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Parlimen. Misalnya, naskah bahasa Malaysia adalah menjadi naskah sahah bagi kebanyakan naskah undang-undang melainkan dalam beberapa kes undang-undang yang tertentu sahaja. Oleh itu, adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bahawa naskah sahah untuk rujukan mesyuarat masih lagi naskah bahasa Inggeris.

Berdasarkan dari faedah yang didapati oleh negara terutama dalam mempertingkatkan kefahaman pihak-pihak asing terhadap dasar-dasar Kerajaan dan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di negara ini, maka perbelanjaan yang terlibat untuk mengadakan bahan-bahan terjemahan ke bahasa Inggeris adalah kecil sahaja.

JABATAN KERAJAAN MENYEWAWA BANGUNAN SWASTA

5. Tuan Haji Azharul Abidin bin Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan mengapa masih banyak terdapat Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang menyewakan bangunan swasta dan apakah tindakan yang akan diambil supaya semua Jabatan Kerajaan mempunyai bangunannya sendiri untuk kemudahan orang ramai.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya berterima kasih di atas ingatan Yang Berhormat daripada Batang Padang mengenai kedudukan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang masih menyewakan bangunan swasta. Sebagaimana yang Yang Berhormat telah maklum bahawa Kerajaan sedang menghadapi kesan-kesan daripada keadaan kemelesetan ekonomi negara dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan Kerajaan tidak berkeupayaan untuk membina bangunan sendiri untuk kemudahan Jabatan-jabatan yang berkenaan dan juga orang ramai. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan sekarang di mana banyak bangunan-bangunan swasta telah didirikan di bandar-bandar di Semenanjung ini telah menyebabkan lebihan ruang pejabat dan memberikan peluang kepada Kerajaan di mana kadar sewanya telah pun menurun dan dalam keadaan sekarang hingga beberapa tahun yang akan datang. Kerajaan

menjangka kadar sewa ruang pejabat bangunan-bangunan swasta akan tetap rendah.

Dengan ini jumlah diperuntukkan bagi menyewa ruang-ruang pejabat swasta adalah munasabah dan lebih rendah jika dibandingkan dengan peruntukan bagi membina bangunan Kerajaan sendiri.

Keadaan yang ada sekarang juga adalah menguntungkan Kerajaan dengan terus menyewa daripada bangunan-bangunan swasta memandangkan belanja penyelenggaraan masih juga tinggi begitu juga lain-lain perkhidmatan yang disediakan dalam sesebuah bangunan itu. Oleh yang demikian adalah lebih murah dan munasabah bagi Kerajaan menempatkan Jabatan-jabatan Kerajaan di bangunan swasta untuk beberapa tahun yang akan datang.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang dibuat dalam Rancangan Malaysia Kelima di mana Kerajaan bercadang membina bangunan-bangunannya sendiri bagi menampung sekurang-kurangnya 30% Jabatan Persekutuan daripada jumlah Jabatan-jabatan Kerajaan yang masih menyewa bangunan swasta.

PERUMAHAN PEKERJA-PEKERJA LADANG

14. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau sedar pekerja-pekerja di ladang (estate) menghadapi masalah perumahan. Jika sedar, apa tindakan telah diambil supaya mengatasinya.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Saya sedar bahawa ada pekerja-pekerja ladang yang menghadapi masalah perumahan, dan tanggungjawab menyediakan rumah-rumah untuk pekerja adalah terletak pada majikan-majikan ladang yang berkenaan itu sendiri. Walau

bagaimanapun, Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966 tidak memaksa majikan membekalkan perumahan kepada pekerja-pekerja mereka. Tetapi jika majikan membekalkan perumahan kepada pekerja-pekerja, undang-undang menghendaki pihak majikan mengikuti peruntukan-peruntukan di bawah Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966.

Pegawai-pegawai Kementerian saya sering melihat ladang-ladang bagi tujuan pemeriksaan berkanun ataupun untuk menyasat aduan jika terdapat masalah perumahan seperti atap bocor, lantai pecah, keadaan perumahan buruk atau kotor, bekalan air tidak memuaskan dan lain-lain, tindakan susulan akan diambil mengikut kehendak Akta tersebut. Memandangkan masalah perumahan adalah berbagai jenis maka tindakan mengatasinya secara berkesan hendaklah diambil melalui kerjasama semua pihak yang terlibat secara berterusan.

Kementerian saya akan terus memastikan segala peruntukan Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966 dipatuhi oleh para majikan.

JAMBATAN PULAU PINANG DAN TOL

18. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada Jambatan Pulau Pinang dapat disiapkan tepat seperti yang dijangkakan iaitu pada bulan Julai 1985;
- (b) sama ada Kerajaan telah menentukan jumlah tol yang akan dikutip bagi setiap kenderaan;
- (c) sama ada Kerajaan juga bercadang untuk menambah bayaran yang dikenakan untuk

Feri Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sebaik sahaja Jambatan tersebut siap;

- (d) apakah langkah-langkah yang Kerajaan bercadang untuk mengambil bagi melonggarkan kesesakan lalu lintas setelah Jambatan tersebut siap memandangkan projek jalan susur pantai telah dibatalkan; dan
- (e) sama ada Kerajaan bercadang untuk mendapatkan sebuah parti bebas bagi memastikan keselamatan Jambatan tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Bagi soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, jawapan-jawapannya adalah seperti berikut:

- (a) Jambatan Pulau Pinang akan disiapkan pada bulan Julai, 1985.
- (b) Kerajaan belum lagi menentukan jumlah tol yang akan dikutip bagi setiap kenderaan. Kajian mengenai-nya sedang dijalankan.
- (c) Adalah dimaklumkan bahawa kajian mengenai kadar tol itu juga termasuk kajian mengenai tambang feri yang ada sekarang.
- (d) Projek jalan susur pantai yang dirancang untuk mengatasi kesesakan lalu lintas setelah jambatan Pulau Pinang siap kelak tidak dibatalkan. Oleh sebab kedudukan kewangan Negara sekarang ini, maka hanya sebahagian dari projek jalan susur pantai sedang dilaksanakan serentak dengan projek jambatan Pulau Pinang. Bahagian yang lainnya akan dibina sebaik sahaja keadaan kewangan Negara mengizinkan.

- (e) Kerajaan tidak bercadang untuk mendapatkan sebuah badan bebas bagi memastikan

keselamatan jambatan itu oleh kerana jentera Kerajaan yang ada sekarang adalah mencukupi bagi maksud tersebut.

BADAN BERKANUN—AGENSI LUAR BELANJAWAN

19. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Kerajaan ingin menjadikan semua Badan-badan Berkanun sebagai agensi di Luar Belanjawan kerana tanggungan perjawatan dan pencen yang meningkat.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Pihak Kerajaan tidak ingin menjadikan semua Badan-badan Berkanun sebagai Agensi di Luar Belanjawan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Badan-badan Berkanun tidak dijadikan sebagai Agensi di Luar Belanjawan kerana tanggungan perjawatan dan pencen yang meningkat. Sebaliknya ia adalah kerana sebahagian daripada aktiviti-aktiviti Badan-badan Berkanun yang sedia ada telah mendatangkan kesan yang serius ke atas imbalan pembayaran kerana kebanyakan program pelaburan masing-masing mempunyai kandungan import yang tinggi dan dibiayai dari pinjaman asing. Oleh itu soal kerajaan hendak mengurangkan tanggungan perjawatan dan pencen yang meningkat dengan menjadikan Badan-badan Berkanun sebagai Agensi-agensi Di Luar Belanjawan adalah tidak timbul.

MENANAM POKOK POPI—MENGHENTIKAN

20. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan apakah pendapat Penolong Setiausaha Negara Amerika Syarikat bagi Hal Ehwat Asia dan Pasifik Dr Paul Wolfowitz, terhadap cadangan Y.A.B. Perdana Menteri bagi menghentikan

penanaman pokok Popi secara besar-besaran di seluruh dunia, serta apakah jenis bantuan Kerajaan Amerika Syarikat sanggup memberikan kepada Kerajaan Malaysia dalam segala aspek usaha Kerajaan Malaysia membentaras penyalahgunaan dadah.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Malaysia berpendapat bahawa masalah dadah adalah masalah antarabangsa. Ianya akan hanya dapat di atasi jika terdapat kerjasama di antara negara-negara yang terlibat iaitu negara-negara pengguna dan pengeluar. Usaha ke arah ini akan lebih berkesan jika konsultasi pada peringkat politik tertinggi sekali diadakan di antara negara-negara yang terlibat. Pendapat ini telah disampaikan oleh pemimpin-pemimpin kita kepada Encik Paul Wolfowitz. Beliau bersependapat dengan persepsi Malaysia dan menyatakan bahawa Amerika Syarikat akan terus bekerjasama dengan Malaysia pada peringkat dua hala mahupun antarabangsa.

Kerajaan Amerika Syarikat telah bersetuju pada prinsipnya mengadakan kerjasama dalam hal-hal bersangkutan dengan pencegahan, pertukaran maklumat, pemulihan dan sebagainya.

Butir-butir lanjut mengenai kerjasama ini akan dibincangkan dengan Encik Jon Thomas Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwat Narkotik yang sedang melawat Kuala Lumpur sekarang.

SAEMAUL UNDONG—KONSEP

21. Tuan Omar bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan Konsep Saemaul Undong Korea Selatan memandangkan kejayaan konsep itu.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: "Saemaul Undong" yang bererti "Gerakan Masyarakat Baharu" adalah satu program yang dilaksanakan di Korea Selatan sejak 1971 bagi membangunkan semula negara tersebut dengan usaha mengembelikan tenaga rakyatnya dalam projek-projek sosio-ekonomi. Nilai-nilai penting yang telah disemai dan dipupuk di kalangan rakyat Korea Selatan dengan penuh kejayaan ialah sikap kerajinan, jayadiri atau "Self reliance" dan kerjasama sesama rakyat dan antara rakyat dengan Kerajaan. Kesungguhan rakyat dan Kerajaannya menjalankan program dan kempen Saemaul Undong itu telah membolehkan Korea Selatan mencapai tahap kemajuan yang mengagumkan, terutama dalam bidang pembangunan luarbandarnya.

Oleh itu, beberapa buah negara lain di dunia telah cuba mencontohi pengalaman dari Korea Selatan. Kerajaan kita juga pernah menghantar serombongan pegawai untuk mengkaji aspek-aspek baik daripada Saemaul Undong untuk dimanfaatkan, jika bersesuaian.

Laporan kajian oleh pasukan pegawai-pegawai itu telah pun diteliti dan kebanyakan daripada butiran laporan/perakuannya sememangnya telah menjadi bahan kempen kita sejak portfolio pembangunan luarbandar dilaksanakan pada pertengahan 1960an dahulu. Malahan pada suatu ketika sebelum dibuat perlancongan "Saemaul Undong" di Korea Selatan oleh mendiang Presidennya Park Chung Hee, beliau telah melawat dan diberi taklimat mengenai pembangunan luarbandar di negara ini. Tidak mustahil juga jika diagakkan bahawa program pembangunan luarbandar kita telah menjadi bahan bagi perancangan dan perlaksanaan "Saemaul Undong"nya.

Walau bagaimanapun, apa yang tidak dapat dinafikan adalah kejayaan di Korea Selatan yang nampaknya mengatasi pencapaian program pembangunan masyarakat kita sendiri. Maka Kerajaan kita sekarang akan mencuba menggerakkan masyarakat supaya berusaha untuk menebuskan maruah dan harga diri supaya kurang atau tidak bergantung kepada belas ihsan Kerajaan dengan subsidi-subsidinya di samping membiakkan semangat bekerja rajin secara ikhlas/jujur menurut ethika kerja yang baik, mencontohi negara-negara Timur serta penerapan nilai-nilai mulia dari Quran dan Hadith. Oleh itu, kempen kita adalah melebihi "Saemaul Undong" dan harapan kita adalah lebih besar daripada sebarang kejayaan di Korea Selatan. Niat dan azam ini sememangnya boleh dicapai oleh kita jika lunas-lunas keikhlasan seperti ternyata dari kempen Kepimpinan Melalui Teladan dan cogan Bersih, Cekap dan Amanah benar-benar difahami dan di-amalkan.

HOSPITAL DAERAH KEMAMAN

22. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah perhatian khusus yang diberikan kepada Hospital Daerah Kemaman sejajar dengan perkembangan perindustrian di daerah ini. Bilakah hospital ini hendak dibekalkan dengan ambulan baru terutama sekali ambulan kecemasan bagi menggantikan ambulan-ambulan yang telah pun lama dan kerap kali rosak di tengah jalan.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian memberi perhatian yang berat kepada Hospital Daerah Kemaman dan di dalam Rancangan Malaysia Ke-4 beberapa projek telah pun diminta dan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-4 untuk

memperbaiki hospital ini. Malangnya, projek-projek tersebut tidak dapat dimulakan kerana keadaan ekonomi kita. Projek-projek ini akan ditimbangkan semula dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Saya juga ingin memaklumkan Yang Berhormat bahawa Hospital Daerah Kemaman mempunyai 3 buah ambulan yang mana satu (1) daripadanya tidak dapat digunakan. Dalam tahun 1984 Kementerian saya telah membuat pembelian gantian sebanyak 8 buah ambulan untuk Negeri Terengganu. Salah sebuah kereta ambulan ini telah dibekalkan untuk Hospital Daerah Kemaman.

PETRONAS—CARIGALI MINYAK/GAS

23. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Perdana Menteri menyatakan bilakah usaha carigali selesai dan pengeluaran minyak petrol dan gas akan bermula oleh PETRONAS di kawasan Utara Malaysia.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: PETRONAS pada masa ini sedang menimbang untuk membuat tawaran kepada syarikat-syarikat minyak bagi menjalankan usaha-usaha mencarigali di bahagian barat laut Selat Melaka di bawah Perjanjian Perkongsian Pengeluaran. Walau bagaimanapun PETRONAS masih belum mempelawa syarikat-syarikat tersebut mengenai tawaran ini kerana ianya sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Lembaga Pengarahnya iaitu berhubung dengan syarat-syarat Perjanjian Perkongsian Pengeluaran yang baru. Jika dibandingkan dengan syarat-syarat yang ada sekarang, syarat-syarat yang baru ini adalah lebih menarik kepada syarikat-syarikat minyak luar negeri sekiranya mereka hanya menjumpai lapangan-lapangan minyak yang kecil. Operasi pengeluaran minyak

atau gas di kawasan tersebut hanya akan dijalankan sekiranya usaha-usaha mencarigali menunjukkan adanya simpanan minyak dan gas yang kuantitinya adalah komersial.

IMPORT JUALAN PIL-PIL VITAMIN

24. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah Kerajaan Bercadang melarang pengimportan dan penjualan pil-pil vitamin B15 dan B17 seperti yang diamalkan di Amerika Syarikat dan Eropah.

Dato' K. Pathmanaban: Di antara kedua-dua pil tersebut hanya pil-pil yang mengandungi vitamin B 15 sahaja dipasarkan di Malaysia.

Walaupun beberapa buah negara telah melaporkan akan kemungkinan bahawa kedua-duanya boleh membahayakan kesihatan jika diambil atau dimakan dalam kuantiti yang banyak, sehingga ini tidak ada sebarang kes keracunan dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia ataupun oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah di negara-negara maju.

Buat sementara waktu, Kementerian saya tidak bercadang untuk melarang pengimportan dan penjualan pil-pil tersebut. Tetapi Kementerian akan meneliti perkembangan dalam perkara ini pada masa hadapan.

MAJLIS EKSPORT KEBANGSAAN

25. Dato Hj. Saidin bin Mat Piah meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan benarkah Kerajaan akan membentuk sebuah majlis eksport kebangsaan sebagai sebuah badan khusus bagi

memperluaskan barangan eksport negara dengan tidak hanya tertumpu kepada komoditi sahaja. Jika benar:

- (a) siapakah yang akan menganggotai Badan itu dan bilakah ia dijangka akan memulakan operasinya dan
- (b) apakah perbezaannya dengan matlamat dan peranan Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) yang ada sekarang ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Memang benar Kerajaan akan membentuk sebuah majlis eksport Kebangsaan. Badan ini adalah merupakan sebuah badan penasihat yang bertujuan untuk merancang dan menentukan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan dan pihak swasta untuk meningkatkan lagi eksport negara termasuk mengesan masalah yang dihadapi dan menentukan pendekatan yang perlu bagi menambahkan lagi eksport negara.

- (a) Keanggotaan badan ini adalah terdiri daripada wakil dari badan-badan awam dan juga pihak swasta seperti wakil daripada Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, wakil daripada persatuan-persatuan import dan eksport dan wakil daripada Dewan Perniagaan Kebangsaan. Majlis juga diberi kuasa untuk menjemput mana-mana wakil daripada persatuan-persatuan barangan dan lain-lain badan bila diperlukan ke mesyuaratnya. Majlis ini akan menjalankan operasinya, sebaik sahaja persediaan dan kajian akhir dibuat.
- (b) Dari segi perbezaannya dengan MEXPO, perlu dijelaskan bahawa MEXPO adalah merupakan pusat galakan eksport yang menjalankan

aktiviti-aktiviti galakan eksport, manakala peranan majlis galakan eksport pula adalah lebih menyeluruh kerana ianya merupakan satu badan penasihat yang akan merangka dan merancang segala langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan dan pihak swasta bagi meningkatkan lagi eksport kita. Majlis ini juga merupakan satu badan yang akan membincang, dan meluluskan segala rancangan kerja MEXPO.

TUNTUTAN PERBELANJAAN KTM

26. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dalam tahun 1983 sebanyak \$21 juta telah dibelanjakan oleh KTM bagi perbelanjaan tuntutan (claims). Apakah jenis-jenis tuntutan yang telah dibuat dan dibayar. Apakah rancangan-rancangan KTM bagi mengurangkan perbelanjaan dalam perkara tersebut.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tuntutan-tuntutan yang telah dibayar oleh Pentadbiran KTM dalam tahun 1983 berjumlah sebanyak 124,146 ringgit sahaja dan bukannya 21 juta ringgit seperti dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Jenis-jenis tuntutan yang telah dibuat dan dibayar adalah bagi—

- (a) barang-barang yang hilang atau rosak akibat daripada kegelinciran keretapi;
- (b) barang-barang yang hilang semasa dalam perjalanan (lost in transit);
- (c) barang-barang yang rosak (damaged) semasa diangkut dengan keretapi.

Tuntutan-tuntutan yang dibayar itu adalah akibat daripada keadaan yang tidak dapat dielakkan dan segala usaha sentiasa dibuat untuk menjaga keselamatan barang-barang yang diangkut oleh KTM.

INDUSTRI PELANCONGAN

27. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan industri pelancongan di negara ini, dan apakah Kerajaan sedar bahawa sewa hotel di negara ini dikatakan termahal di Asia yang mengakibatkan kurang minat para pelancong luar negeri berkunjung ke negara ini. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pentingnya industri berkenaan terhadap ekonomi negara terutamanya dari segi pendapatan tak ketara. Untuk tujuan ini Kerajaan telah menubuhkan di dalam tahun 1972, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) bagi memajukan industri pelancongan Malaysia. PKPM telah ditubuhkan dengan objektif dan peranan yang berikut:

- menyelaraskan semua aktiviti-aktiviti berkaitan dengan industri pelancongan yang dijalankan oleh badan-badan Kerajaan serta lain-lain agensi bukan Kerajaan;
- memaju dan menggalakkan Malaysia sebagai destinasi yang menarik untuk pelancong-pelancong antarabangsa dan pelancong-pelancong dalam negeri;

- membantu dan menyertai, di mana sesuai, di dalam pembangunan kemudahan dan infrastruktur pelancongan.

Selaras dengan tugas-tugas ini Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan galakan, pembangunan dan penguatkuasaan. Di antara aktiviti-aktiviti ini termasuklah mengadakan galakkan di luar negeri, membangun dan memperbaiki beberapa tempat-tempat tumpuan pelancongan seperti Tanjong Jara dan Langkawi Country Club dan mengadakan latihan-latihan untuk Pemandu Pelancong.

Di samping itu untuk menyediakan tempat-tempat penginapan yang sesuai untuk pelancong-pelancong, Kerajaan telah pun menyediakan galakan (incentive) bagi industri hotel. Dengan adanya galakan ini banyak hotel-hotel bertaraf antarabangsa telah mula didirikan. Di dalam hal ini, Kerajaan sedar bahawa kadar sewa hotel di negara ini terutama di bandar besar boleh dikatakan termahal di rantau ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat keadaan ini adalah sementara sahaja. Ini adalah kerana kadar sewa bilik hotel adalah sensitif kepada kuasa-kuasa pasaran iaitu penawaran dan permintaan. Pada masa ini, kadar sewa bilik hotel yang tinggi, terutamanya di Kuala Lumpur, adalah disebabkan oleh jumlah penawaran bilik hotel yang belum mencukupi. Keadaan ini akan berubah bilamana jumlah bilik hotel bertambah, setelah hotel-hotel baru siap dibina kelak. Selain dari itu yang diberi galakan untuk pembinaan hotel betaraf ekonomi akan menghasilkan lebih kepada bilik yang mempunyai kadar sewa yang lebih berpatutan.

PENYAKIT KELAMIN

28. Tuan Ibrahim Azmi Hassan minta Menteri Kesihatan menyatakan berkaitan dengan kes penyakit kelamin yang sedang merebak dan meningkat di negeri Perak:

- (a) bolehkah ia merebak ke negeri-negeri lain di Malaysia ini; jika ya, apakah suatu langkah untuk mengatasinya dan jika tidak; apakah suatu jaminan sekatannya yang meyakinkan; dan
- (b) adakah ia berpunca dari hubungan-hubungan jenis sahaja ataupun boleh disebabkan kekurangan langkah-langkah kesihatan yang lain; jika ya, maka apakah nasihat-nasihat kesihatan terhadap rakyat jelata supaya boleh berjaga-jaga dan menjauhi dari terkena penyakit-penyakit kelamin yang tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Penyakit Kelamin adalah endemik (sentiasa berlaku) di Malaysia. Keadaannya berubah dari masa ke masa dan dari negeri ke negeri, bergantung kepada kekerapan laporan yang diterima.

Di Negeri Perak, kes-kes Penyakit Kelamin yang telah dilaporkan telah meningkat sedikit daripada 81 kes pada tahun 1980 ke 122 kes pada tahun 1984.

- (a) Penyakit Kelamin boleh merebak dari satu negeri ke negeri lain di Malaysia. Untuk mengatasi jangkitan itu, Kementerian Kesihatan telah membuat satu rancangan yang lengkap untuk mencegah dan mengawal Penyakit Kelamin. Ianya sedang dilaksanakan

secara beransur-ansur dan termasuklah aktiviti-aktiviti berikut:

- (1) Pengawasan Penyakit Kelamin.
 - (2) Menubuhkan Klinik Kulit dan Kebersihan Masyarakat di Hospital-hospital Besar.
 - (3) Meningkatkan kemudahan Klinik-klinik Kebersihan Masyarakat di Jalan Sultan, Kuala Lumpur dan di Jalan Mac Alister, Pulau Pinang.
 - (4) Meluaskan perkhidmatan bantuan makmal bagi Penyakit Kelamin untuk doktor-doktor.
 - (5) Memberi latihan untuk kakitangan yang berkaitan di dalam bidang pencegahan, pengawasan dan penguatkuasaan.
 - (6) Memperkembangkan struktur pengesanan "contacts" dan "defaulter".
 - (7) Mengadakan Program Khas untuk menapis (screening) dan mengubat kumpulan yang tinggi risikonya.
 - (8) Memberi Pelajaran Kesihatan tentang Penyakit Kelamin untuk pesakit-pesakit dan orang ramai.
 - (9) Kerjasama dua hala dengan Singapura dan Negeri Thai.
- (b) Cara yang paling utama dan biasa untuk mendapat Penyakit Kelamin ialah menerusi perhubungan jenis dengan orang yang ada penyakit tersebut dan yang tidak mengamalkan kesihatan diri dan mengambil langkah pencegahan. Perlu ditekankan bahawa penyakit kelamin adalah satu penyakit sosial dan cara-cara mencegahnya bukan

hanya melalui program-program kesihatan. Kedudukan penyakit kelamin banyak bergantung kepada soal-soal peribadi, keluarga dan nilai-nilai sosial. Cara yang paling baik untuk menjauhi Penyakit Kelamin ialah dengan menjauhi perhubungan jenis dengan sesiapa yang mungkin ada penyakit tersebut, misalnya, pelacur. Juga, jika sesiapa berasa bimbang atau menyakiti diri sendiri ada Penyakit Kelamin, mereka haruslah minta nasihat doktor dengan segera. Pengubatan sendiri adalah satu yang merbahaya.

KAD PENGENALAN BARU

29. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggantikan Kad Pengenalan yang ada kepada Kad Pengenalan yang berbentuk baru. Sekiranya ya, adakah akan dicatatkan nama agama pemegang kad pengenalan itu di samping butir-butir lain di dalam Kad Pengenalan itu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri pada masa ini sedang mengkaji cadangan untuk menukar kad pengenalan yang ada sekarang kepada kad pengenalan yang baru dan akan mengambil kira cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu.

PENGENALAN TUDM DI SUNGAI BESI/BUTTERWORTH

30. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan Lapangan Terbang Tentera Diraja Sungai Besi dan di Butterworth ke suatu kawasan lain yang lebih jauh dan selamat, jika tidak, adakah Kerajaan menyedari

bahawa kedua-dua lapangan terbang itu terlalu terdedah dengan ancaman dan keselamatan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa: Kerajaan belum bercadang untuk memindah pengkalan TUDM Sungai Besi dan Pengkalan TUDM Butterworth ke kawasan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya nyatakan di sini iaitu sebelum sesebuah pengkalan tentera dibuat, kerajaan terlebih dahulu mengambil kira tentang keadaan keselamatan dan kesesuaian tempat tersebut. Untuk memastikan pengkalan-pengkalan tersebut sentiasa selamat, langkah-langkah keselamatan yang rapi dan ketat sentiasa dijalankan. Selain dari itu rancangan keselamatan di Pengkalan-pengkalan seringkali diulangkaji sesuai dengan keadaan yang diperlukan.

KAPAL NUKLEAR ARMED/ NUKLEAR POWERED

31. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada gerakbalas Amerika Syarikat kepada dasar New Zealand dalam mengharamkan kapal-kapal "nuklear armed" dan "nuklear powered" yang datang ke pelabuhan-pelabuhan pertahanan kita di bawah peraturan pertahanan lima kuasa kerana gerakan Amerika Syarikat terhadap New Zealand akan pasti melemahkan perikatan ANZUS dan sungguhpun tiada perhubungan perundangan atau politik antara Peraturan Lima Kuasa dan ANZUS kecuali bahawa New Zealand adalah bersama-sama dalam kedua-dua perjanjian ini dan di bawah keadaan-keadaan dahulu, sebarang serangan ke atas New Zealand akan juga menghidupkan perjanjian ANZUS.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Perselisihan faham antara New Zealand dan Amerika Syarikat tentang soal pengharaman kapalperang-kapalperang yang berkuasa nuklear dan membawa senjata nuklear menempuh perairan atau berlabuh di New Zealand adalah hal yang patut, dan seharusnya diselesaikan oleh kedua buah negara yang berkenaan. Saya percaya kedua buah negara tersebut tidak mahu keruncingan berlaku di dalam pakatan ANZUS yang juga melibatkan sebuah negara yang lain, iaitu Australia. Oleh yang demikian, tentunya semua pihak yang terlibat akan berusaha untuk menyelesaikan masalah yang timbul di antara mereka dengan cara yang baik. Adalah menjadi hasrat kita untuk melihat bahawa suatu persefahaman yang menguntungkan akan dapat dicapai antara kedua buah negara dalam masa yang singkat.

Sungguhpun New Zealand adalah juga anggota dalam Rancangan Pertahanan Lima Negara (FPDA) yang juga melibatkan Malaysia, Singapura, Australia dan Britain, saya yakin bahawa apa-apa perselisihan faham antara New Zealand dengan negara-negara lain tidak akan menjejaskan komitmennya terhadap FPDA. Keanggotaan New Zealand dalam FPDA tidaklah seharusnya dikaitkan sama sekali dengan ANZUS. Di samping itu, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, baru-baru ini Encik David Lange, Perdana Menteri New Zealand sendiri telah memberi kepastian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa negaranya tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya sebagai anggota FPDA. Ahli-ahli Yang Berhormat juga tentu sedia maklum bahawa pertahanan negara kita adalah tanggungjawab utama kita sendiri. Oleh yang demikian, kita tidak harus bimbang sama ada masalah yang timbul antara kedua buah negara lain yang akan menjejaskan

keupayaan antara satu daripada negara-negara tersebut memberikan bantuan pertahanan kepada kita jika diperlukan.

RUMAH KAKITANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DI SARAWAK

32. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membasmi masalah kekurangan rumah untuk kakitangan Persekutuan yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sarawak lebih-lebih lagi di peringkat daerah. Sekarang kakitangan Persekutuan sangat susah mendapat rumah Kerajaan oleh kerana rumah-rumah Kerajaan yang ada di daerah-daerah adalah rumah-rumah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Jadi kebiasaannya keutamaan adalah diberi kepada kakitangan Negeri untuk menduduki rumah berikut.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Kerajaan memang sedar akan masalah kekurangan rumah untuk kakitangan Persekutuan yang berkhidmat di negeri Sarawak lebih-lebih lagi di peringkat daerah dan pendalaman. Pada tahun ini Jabatan Perdana Menteri sedang mengkaji masalah kekurangan rumah yang dihadapi oleh kakitangan Persekutuan di Sarawak dan Kerajaan akan cuba sedaya upaya untuk membina mengikut keutamaan rumah-rumah yang sesuai di peringkat daerah dan juga pendalaman Sarawak.

Jabatan Perdana Menteri juga sedang menyelaraskan rancangan-rancangan perumahan ini di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Kelima yang mana pada masa ini sedang dalam peringkat pemeriksaan Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat dari Julau, bahawa ke semua pegawai dan kakitangan Persekutuan yang berkhidmat di negeri Sarawak adalah

diberi subsidi perumahan mengikut kelayakan masing-masing dan inilah caranya yang dapat dilakukan pada masa sekarang ini bagi membantu kakitangan Persekutuan mendapatkan rumah-rumah swasta untuk disewa dan menjadi tempat kediaman mereka semasa berkhidmat di Sarawak.

KAD PENGENALAN PALSU— TANGKAPAN

33. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes yang melibatkan kad-kad pengenalan palsu yang dikesan setakat ini, jumlah penangkapan yang dibuat setakat ini dan apakah tindakan yang diambil untuk mencegah berulangnya kejadian-kejadian seumpama itu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Setakat ini, Kementerian Dalam Negeri telah mengesan 68 kes pemalsuan dan penipuan Kad Pengenalan di seluruh negara. Pecahan kes-kes ini adalah seperti berikut:

- (i) 57 kes yang melibatkan kad-kad pengenalan yang dipinda ubah atau dengan izin "tampered with" dengan cara menukarkan gambar orang sebenar dengan gambar orang yang cuba menipu.
- (ii) 11 kes yang melibatkan pindaan palsu kepada butir-butir dalam Kad Pengenalan seperti nama dan tarikh lahir.

Sungguhpun kejadian ini berlaku secara berasingan atau dengan izin "isolated" pihak Kementerian Dalam Negeri mengambil perhatian serius dan menyiasat dengan rapi setiap kejadian yang dikesan untuk diambil tindakan undang-undang mengikut Peraturan Pendaftaran Negara 1960 terhadap mereka yang terlibat.

Kementerian Dalam Negeri senantiasa menyemak dengan teliti setiap permohonan baru atau gantian Kad Pengenalan demi menjamin kebenaran maklumat dan keterangan yang dikemukakan itu. Kad Pengenalan yang dikeluarkan sekarang juga mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sesuai untuk mencegah usaha-usaha memalsukannya.

PADI—POTONGAN JUALAN PEMBELI

34. Tuan Abdul Raman bin Suliman minta Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah pihak LPN berkemampuan untuk menentukan bahawa cara potongan jualan padi oleh pembeli-pembeli padi tidak akan membebaskan pesawah-pesawah padi. Jika mampu bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah persediaan yang sepatutnya yang ada di pihak LPN;
- (b) adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa terdapat banyak rungutan dari pihak pesawah-pesawah di Kedah dan Krian iaitu orang tengah telah mengenakan potongan yang tidak adil (berlebihan dari sepatutnya). Apakah ianya yang lebih berkesan untuk mengurangkan ketidak-adilan ini; dan
- (c) apakah Kerajaan akan mengenakan syarat-syarat lebih ketat kepada pembeli-pembeli padi yang kurang bertanggungjawab dari segi potongan jualan padi.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Harga tawaran padi LPN pada peringkat \$46.30 bagi kelas sederhana

dan \$49.60 bagi kelas panjang untuk setiap 100 kg. padi adalah ditetapkan atas padi-padi yang baik, bersih, cukup masak dan kering (wap basah tidak melebihi 14%) yang dibeli di pintu klian. Oleh itu sekiranya padi-padi yang dijual oleh petani-petani tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti di atas seperti telah rosak, kotor, mengandungi padi muda dan mengandungi wap basah melebihi 14%, maka potongan ke atas berat akan dikenakan.

Peraturan belian dan asas-asas potongan yang dilaksanakan oleh LPN adalah juga diikuti oleh pembeli-pembeli padi lain yang terdiri dari pengilang-pengilang swasta, pelesen-pelesen membeli padi dan agen-agen pembeli padi. Adalah menjadi tanggungjawab kepada pembeli-pembeli padi yang diberikan lesen membeli padi mematuhi peraturan tersebut. Walau bagaimanapun petani-petani mempunyai pilihan bagi menjual padi mereka sama ada kepada pihak swasta atau LPN kerana pemasaran padi dijalankan sebagai pasaran terbuka.

Dalam menentukan kadar potongan wap basah LPN menggunakan alat "Moisture Meter", manalaka potongan untuk kotoran, padi muda, hampa, padi rosak dan lain-lain ditentukan melalui sistem analisa sampel. Sampel padi akan diambil secara rawak (random) dari sejumlah padi yang hendak dijual oleh petani. Analisa ke atas sampel dibuat dengan diperhatikan oleh penjual. Kadar potongan akan dikenakan berdasarkan keputusan analisa.

PERDAGANGAN NEGARA-NEGARA ASEAN

35. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan betapa teguhnya pendirian beliau dalam perkara

memperbaiki lagi taraf kerjasama dan isipadu perdagangan antara negara-negara ASEAN; dan menyatakan bila dan bagaimanakah tindakan ini akan dilaksanakan. Apakah peraturan pertambahan dalam perdagangan yang akan menjadi sasaran projek ini. Selain daripada hasrat Y.A.B. adakah minat dan keikhlasan lain-lain negara ASEAN untuk berbuat demikian.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Malaysia menganggap kerjasama serantau dengan negara-negara ASEAN adalah penting dan mendapat keutamaan yang tinggi di dalam dasar luar negara. ASEAN bukan sahaja memberi peluang kepada negara-negara ahli untuk bekerjasama di bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan, malahan telah menyumbangkan kepada usaha mewujudkan kestabilan serantau melalui kerjasama di bidang politik. Sebagai sebuah pertubuhan yang terkenal dan diiktiraf di seluruh dunia, ASEAN juga telah memberi peluang kepada negara-negara ahli untuk bermaufakat bagi mengembangkan lagi kerjasama serantau ini dengan negara-negara membangun dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Malaysia menganggap usaha-usaha ke arah mempertingkatkan perdagangan antara-ASEAN sebagai daya penggerak utama bagi merapatkan lagi kerjasama ASEAN di bidang ekonomi. Unsur penting untuk menjayakan pendekatan tersebut ialah kemahuan politik (political will) untuk membebaskan (liberalize) perdagangan antara-ASEAN. Malaysia percaya negara-negara ASEAN mempunyai potensi pasaran yang besar untuk memberi peluang kepada negara-negara ahli menyumbang ke arah satu masyarakat ASEAN yang bersepadu.

Sebagaimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah mengadakan mesyuarat ke 17nya pada 7hb-9hb Februari, 1985 di Kuala

Lumpur. Di Mesyuarat tersebut, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju bahawa perdagangan intra-ASEAN perlu dipertingkatkan lagi. Mesyuarat telah mengarahkan Jawatankuasa ASEAN mengenai Perdagangan dan Pelancongan (COTT) mengkaji langkah-langkah baru untuk menggalakkan perdagangan intra-ASEAN. Kajian tersebut hendaklah mengenalpasti barang-barang yang boleh diperdagangkan di kalangan negara-negara ASEAN dan juga menimbang langkah-langkah tambahan bagi membantu Skim Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (PTA).

Antara keputusan-keputusan lain yang telah dipersetujui di Mesyuarat tersebut ialah untuk memberi potongan tarif 25% ke atas barangan bernilai import yang melebihi US\$10 juta berkuatkuasa mulai 1hb April, 1985. Mesyuarat juga telah mengarahkan sejumlah 31 jenis barangan tambahan untuk diberi layanan istimewa di bawah skim ASEAN PTA. Selanjutnya Mesyuarat telah mengarahkan supaya COTT membincang permintaan Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN (ACCI) supaya barangan perabot yang dipamerkan di "ASEAN Furniture Fair" dikecualikan daripada cukai import.

Berdasarkan kenyataan bahawa perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN masih lagi di peringkat yang rendah lebih kurang 20% dari jumlah perdagangan ASEAN keseluruhannya, adalah menjadi hasrat kita dan juga ASEAN untuk melihat supaya peratusan tersebut meningkat dari masa ke semasa. Saya yakin rakan-rakan kita di dalam ASEAN juga bersependapat dengan kita untuk melihat jalinan perdagangan yang lebih jitu dan menyumbang ke arah menempatkan lagi kerjasama ekonomi serantau.

LEMBAGA ODIT—PENUBUHAN

36. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan pendirian Kerajaan berhubung dengan seruan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Nordin, supaya ditubuhkan sebuah Lembaga Audit, untuk memeriksa akaun kira-kira 950 syarikat milikan Kerajaan supaya memastikan terdapat akauntabiliti awam.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang pada 4-4-1985.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Lembaga Audit untuk memeriksa akaun kira-kira 950 buah syarikat milik Kerajaan sebagaimana yang disyorkan oleh Ketua Audit Negara. Sejak beberapa tahun lalu, urusan dan prestasi syarikat-syarikat tersebut diawasi dan dikawal oleh beberapa Kementerian mengikut bidang kuasa masing-masing dan akta-akta tubuh badan-badan tersebut. Di samping itu juga, Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan pembentukan satu sistem Amaran Awal untuk mengetatkan lagi pengawasan serta pengawalan terhadap syarikat-syarikat tersebut. Sistem ini adalah di bawah pengawasan Kementerian Kewangan.

PETRONAS—PERBELANJAAN/ GAJI PEKERJA

37. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan perbelanjaan PETRONAS bagi tahun 1984 dengan memberikan perpecahan bagi berbagai butir perbelanjaan dan juga nyatakan jumlah pekerja-pekerja yang digaji oleh PETRONAS sejak lima tahun yang lalu dan jumlah emolumen yang terlibat.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Perbelanjaan PETRONAS yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 1984, berjumlah sebanyak \$4.62 ribu juta. Pecahan perbelanjaan tersebut adalah seperti berikut:

<i>Perkara</i>	<i>Jumlah (Ribu Juta Ringgit)</i>
(a) Cukai Pendapatan Petroleum dan Cukai Pendapatan "Corporate"	2.26
(b) Duti Eksport	1.13
(c) Bayaran Royalti .. .	1.08
(d) Perbelanjaan Pengurusan	0.15
	<hr/>
Jumlah Perbelanjaan .. .	4.62

Jumlah kakitangan PETRONAS yang bergaji serta jumlah perbelanjaan emolumen yang terlibat bagi tahun-tahun kewangan dari 31 Mac 1980 hingga 31 Mac 1984 adalah seperti berikut:

<i>Tahun Kewangan</i>	<i>Jumlah Kakitangan Yang Digaji</i>	<i>Jumlah Emolumen Terlibat (Juta Ringgit)</i>
31 Mac 1980 .. .	1,293	13.2
31 Mac 1981 .. .	2,385	32.3
31 Mac 1982 .. .	3,254	40.3
31 Mac 1983 .. .	4,436	54.0
31 Mac 1984 .. .	5,308	63.2
	<hr/>	<hr/>
Jumlah Emolumen .. .		203.0

BANK BUMIPUTERA— AKAUNTABILITI

38. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada demi kepentingan akauntabiliti yang tegas, Bank Bumiputera kini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan dan tertakluk kepada Akta Bank dan Kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan bank yang biasa.

Dato' Sabbaruddin Chik: Sekarang ini sebahagian besar iaitu 90% saham-saham dibayar Bank Bumiputera Malaysia Bhd (BBMB) dimiliki oleh Petroleum Nasional Bhd (PETRONAS). Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab PETRONAS untuk mengawasi supaya Bank itu ditadbir dan diuruskan sebaik-baiknya. Sebagai sebuah bank, BBMB memang tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Bank 1983 dan kaedah-kaedah serta peraturan-peraturan biasa yang ditetapkan oleh Kerajaan.

SINDIKET PELACURAN

39. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada beliau sedar dan memahami rasa bimbang para ibu bapa terhadap anak perempuan mereka yang bekerja di kilang-kilang di bandar kerana ada berita disiarkan bahawa sebilangan gadis-gadis dari kawasan desa sentiasa tertipu oleh sindiket dan menjadi pelacur di bandar besar; jika ya; apakah langkah-langkah pencegahan yang telah/akan diambil untuk melindungi gadis-gadis kumpulan ini dari perangkap pelacuran.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Kementerian Kebajikan Masyarakat sememangnya sedar dan memahami rasa bimbang para ibu bapa terhadap anak perempuan mereka yang bekerja di kilang-kilang di bandar besar dan mungkin boleh ditipu oleh sindiket dan menjadi pelacur. Sehubungan dengan itu, Kementerian saya sentiasa mengingatkan ibu bapa melalui media massa dan lain-lain cara supaya mengambil tahu tentang anak-anak gadis mereka yang meninggalkan kampung halaman untuk berhijrah ke bandar-bandar mencari pekerjaan. Ini boleh diperbuat dengan cara melawat tempat tinggal anak mereka dan juga

menyoal anak mereka tentang pekerjaan mereka jika didapati amaun wang yang diberi sebagai sumbangan oleh anak mereka ialah terlalu besar jika dibandingkan dengan pendapatan seorang pekerja kilang. Mereka juga diseru menasihatkan anak-anak gadis mereka supaya berwaspada dan tidak mudah terpedaya oleh anasir-anasir jahat di bandar-bandar.

Kementerian Kebajikan Masyarakat juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kebajikan Budak-Budak Daerah di bawah Akta Mahkamah Juwana 1947 di hampir semua daerah di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri dari pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan yang berminat dalam kerja-kerja masyarakat dan salah satu tanggungjawab mereka ialah berusaha mengadakan kegiatan pencegahan masalah-masalah juwana. Dengan kerjasama masyarakat setempat diharap dapatlah memberi kesan terhadap pencegahan masalah di kalangan anak-anak gadis.

Kementerian Kebajikan Masyarakat juga telah mengambil langkah-langkah yang berikut untuk membantu pekerja-pekerja gadis kilang:

- (a) Bekerjasama dengan Majlis Pusat Kebajikan menyediakan tempat tinggal di Kelang, Ipoh dan Alor Setar;
- (b) Dalam bulan Februari, 1983 di bawah Projek ASEAN "Women in Development" pegawai-pegawai dari Kementerian ini telah memulakan satu pilot projek untuk gadis-gadis yang bekerja dengan Kilang Radio Corporation of America (RCA) di Kampung Dato' Keramat. Di bawah program ini, latihan diberi kepada majikan serta pekerja-pekerja untuk

membantu pekerja-pekerja baru dari kampung menyesuaikan diri di bandar besar. Dalam bulan Julai, 1984 rancangan ini telah diperluaskan untuk meliputi dua buah kilang lagi, iaitu Johnson and Johnson dan ESSO; dan

- (c) Di Seremban, Negeri Sembilan, Pejabat Kebajikan Masyarakat menyediakan tempat tinggal di Senawang bagi pekerja-pekerja gadis kilang, khususnya bagi mereka yang menghadapi masalah ini.

Di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, Kementerian Kebajikan Masyarakat memberi perlindungan dan pemulihan bagi:

- (a) Orang perempuan di bawah umur 21 tahun yang telah tercedur dalam pelacuran atau terdedah kepada bahaya moral;
- (b) Orang perempuan di bawah umur 18 tahun yang tidak dapat dikawal oleh ibu bapa/penjaga dan mungkin terdedah kepada bahaya moral; dan
- (c) Di bawah Akta yang sama, seorang perempuan tidak kira umurnya, boleh memohon perlindungan kepada Pelindung jika ia dipaksa atau ditipu oleh sindiket atau orang perseorangan untuk menjadi pelacur.

Di bawah Akta Mahkamah Juwana 1947, Kementerian Kebajikan Masyarakat memberi jagaan dan perlindungan kepada seorang kanak-kanak atau seorang muda di bawah umur 18 tahun yang memerlukan perlindungan. Di bawah Akta yang sama, ibu bapa/penjaga yang tidak

dapat mengawal anak mereka boleh menggunakan perkhidmatan ini dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

PINJAMAN PERUMAHAN MENGIKUT HUKUM ISLAM

40. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Perdana Menteri menyatakan adakah rancangan Kerajaan hendak melaksanakan pinjaman perumahan dan kenderaan Kerajaan mengikut hukum-hukum Islam. Jika ada, setakat mana peringkat kemajuannya, dan bila dijangka dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamed Yusof bin Mohd. Noor): Kerajaan pada masa sekarang belum lagi membuat keputusan hendak melaksanakan Skim pinjaman perumahan dan kenderaan Kerajaan mengikut lunas-lunas Islam. Walau bagaimanapun, Badan Perunding Islam yang ditugaskan bagi menapis dan menilai cadangan-cadangan berkenaan unsur-unsur Islam yang boleh dijadikan asas dan pegangan kepada Pentadbiran Negara telah menubuhkan sebuah Badan Petugas bagi meneliti cadangan meminda Skim Pinjaman Perumahan dan Kenderaan Kerajaan mengikut lunas-lunas Islam. Kerajaan akan membuat keputusan rasmi mengenai perkara ini setelah meneliti perakuan yang akan disiapkan oleh Badan Perunding Islam itu.

KAMPUCHEA—PENYELESAIAN

41. Tuan V. Govindaraj minta Meteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah Kerajaan Malaysia dan Negara-negara ASEAN secara khas dan negara-negara di dunia secara amnya, dapat mengambil serta mencapai persefahaman untuk soal keselamatan serantau ini, bagi mencapai penyelesaian terhadap isu Kampuchea.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ingin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun diberi semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman pada 26hb Mac 1985. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

PINJAMAN KERAJAAN— BAYARAN BALIK

42. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan dan jumlah wang pinjaman Kerajaan yang jadual pembayaran baliknya bermula dari 1985; dan
- (b) apakah tanggungan Kerajaan dari segi pembayaran balik bagi tahun 1985 tahun-tahun yang seterusnya.

Dato' Sabbaruddin Chik:

- (a) Sebanyak 24 pinjaman mempunyai jadual bayaran balik yang bermula dari 1985 dan melibatkan jumlah sebanyak \$2,861 juta.
- (b) Jumlah pembayaran balik hutang Kerajaan Persekutuan bagi pinjaman-pinjaman yang telah dibuat sehingga 31hb Disember, 1984 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Pinjaman Dalam Negeri M\$ juta</i>	<i>Pinjaman Dalam Negeri M\$ juta</i>	<i>Jumlah M\$ juta</i>
1985	1,421	1,526	2,915
1986	734	1,218	1,952
1987	911	1,484	2,395
1988	323	2,502	2,825
1989	729	2,357	3,086
1990	354	2,511	2,865

KOMPUTER DI PEJABAT- PEJABAT TANAH

43. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat ini berapa buahkah pejabat-pejabat tanah yang dibekalkan dan menggunakan komputer dalam menyelesaikan hal ehwal tanah, dan apakah pihak Kementerian ini menyatakan masalah-masalah dan kelemahan Kementerian serta menerangkan cara-cara mengatasinya kepada Y.A.B. Perdana Menteri semasa taklimat kepada beliau baru-baru ini.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Rancangan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dalam usaha untuk melaksanakan sistem pentadbiran tanah berkomputer pada peringkat permulaannya bertujuan untuk mewujudkan pertama: Sistem Maklumat Tanah, Kedua: Aspek-aspek tanah khususnya kutipan hasil tanah. Rancangan ini hanya dijalankan dengan cara Kerajaan Persekutuan membekalkan komputer mikro kepada semua pejabat-pejabat tanah di seluruh Semenanjung yang memerlukannya. Rancangan pembelian peralatan komputer mikro ini dijalankan di dalam dua peringkat iaitu peringkat pertama pada tahun 1985 dan peringkat kedua dijadualkan sebelum akhir 1985 ini. Urusan pembelian 26 komputer mikro pada peringkat pertama telah pun ditentukan.

Dalam hubungan ini Pejabat Tanah Bentong di Pahang, Dungun di Terengganu, Bachok, Machang dan Pasir Mas di Kelantan akan mula menggunakan komputer mikro pada 15hb April, 1985 ini. Sementara itu 21 lagi pejabat-pejabat tanah yang mengikut jadual akan menggunakan perkhidmatan komputer mikro pada tahun 1985 ini akan dibekalkan

sebelum akhir April, 1985. Pejabat-pejabat Tanah berkenaan adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>		<i>Pejabat Tanah</i>
Pahang	—	Temerloh
Perak	—	Manjung Perak Tengah
Pulau Pinang		Barat Daya Seberang Prai Selatan
Johor	—	Johor Bahru Muar Batu Pahat Kota Tinggi Penggarang Rengit Kluang Mersing Tangkak Labis
Melaka	—	Melaka Tengah Alor Gajah Jasin
Negeri Sembilan		Jempol Port Dickson
Terengganu	—	Kuala Terengganu

Pejabat-pejabat Tanah yang lain akan memulakan perkhidmatan komputer mikro dalam peringkat kedua rancangan Kementerian ini iaitu mulai 1-1-1986.

Saya juga suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa penggunaan komputer kerangka utama (main frame) di dalam pentadbiran tanah sedang diuruskan secara berasingan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang melibatkan pejabat-pejabat tanah disekitar Lembah Kelang dan sebagai permulaan Pejabat Tanah Gombak telah memulakannya pada 2hb Januari, 1985. Di Pulau Pinang, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang juga telah menggunakan perkhidmatan komputer dalam pentadbiran tanah dengan menumpukan perhatian dalam sistem kutipan hasil diseluruh negeri Pulau Pinang.

Pada keseluruhannya persiapan untuk mengadakan sistem pentadbiran tanah berkomputer ini telah berjalan dengan lancar. Masalah-masalah yang dihadapi ialah usaha-usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan penggunaan sistem ini sepenuhnya mengikut jadual. Di dalam hal ini di antara langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian ini ialah bagi memastikan kemahiran kakitangan-kakitangan tanah di dalam penggunaan komputer, mengujudkan sistem komputer yang berkesan dan pengumpulan maklumat-maklumat tanah diperingkat daerah dapat dibuat cara kemaskini. Oleh yang demikian, Unit Bank Data Tanah, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah Senantiasa memberi bantuan-bantuan dalam bentuk nasihat khidmat dan teknikal kepada pihak pentadbiran tanah di negeri-negeri. Pada kebiasaannya masalah-masalah yang dihadapi dalam hubungan untuk mengadakan sistem pentadbiran tanah berkomputer ini dapat diselesai diperingkat pegawai di antara Kementerian ini dengan Pentadbir-pentadbir Tanah di negeri menerusi persidangan Pengarah Tanah dan Galian Negeri-negeri yang diadakan dari semasa ke semasa.

SYARIKAT SOGOSHOSHA

44. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan sogoshosha atau rumah-rumah perdagangan yang sedia ada, dan kejayaan yang dicapai oleh sogoshosha-sogoshosha tersebut dalam menggalakkan perdagangan khasnya penjualan barang-barang dan produk-produk Malaysia di seberang laut.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini kita mempunyai lapan buah sogoshosha iaitu:

- (1) Malaysian International Trading Corporation Sdn. Bhd. (MITCO);

- (2) Sime Darby Pernas Trading Corporation Sdn. Bhd.
- (3) Malaysia Overseas Investment Corporation Sdn. Bhd.
- (4) Perdama Corporation Sdn. Bhd.
- (5) Malaysia Transnational Trading Corporation Sdn. Bhd.
- (6) Mulpha International Trading Corp. Bhd.
- (7) Pernas Trading Sdn. Bhd. dan
- (8) Guthrie Malaysia Trading Corporation Sdn. Bhd.

Memandangkan bahawa syarikat-syarikat tersebut baru beroperasi lebih kurang 2 hingga 3 tahun maka kejayaan mereka ketika ini masih tidak begitu ketara tetapi pada keseluruhannya pencapaian mereka adalah memuaskan. Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Dewan bahawa taraf pencapaian syarikat-syarikat sogoshosha adalah berbeza. Ini berkemungkinan disebabkan ada syarikat-syarikat sogoshosha yang lebih agresif berbanding dengan yang lain-lain. Oleh yang demikian, Kementerian saya berpendapat adalah wajar bagi syarikat-syarikat tersebut untuk menjalankan kegiatan dan aktiviti-aktiviti eksport dengan lebih agresif serta meningkatkan modal dan menubuhkan pejabat perwakilannya di luar negeri untuk meneroka peluang-peluang pasaran. Di samping itu syarikat-syarikat sogoshosha mestilah mengambil usaha-usaha untuk menentukan mutu barangan eksport itu adalah "competitive" dengan barangan eksport negara-negara lain.

JENAYAH DI SABAH

45. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar penambahan seramai

300 anggota polis di Sabah seperti diumumkan olehnya tahun lalu menunjukkan bahawa keadaan keselamatan di negeri Sabah telah bertambah buruk; jika ya, betapa seriuskah situasi keselamatan di negeri Sabah dan apakah langkah-langkah lanjutan yang akan diambil untuk menjamin keselamatan negeri Sabah.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Adalah benar bahawa terdapat sedikit pertambahan kadar jenayah di negeri Sabah tetapi keadaan itu bukanlah bermakna keselamatan di negeri Sabah telah bertambah buruk. Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan penambahan 300 anggota PPH itu telah diatur dengan tujuan untuk melipatgandakan lagi usaha-usaha mencegah jenayah di negeri tersebut.

SEKOLAH TIGA SESSI

46. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah keupayaan sekolah dalam Wilayah Persekutuan dapat menjalankan tiga sesi sehari di Sekolah dengan berjaya. Adakah rancangan ini akan menjejaskan kedua-dua murid sekolah dan skim pelajaran. Bagaimanakah pendapat-pendapat guru-guru sekolah, para ibubapa dan murid-murid terhadap cadangan ini. Apakah masalah-masalah yang didugakan dan bagaimanakah pihak Kementerian akan menyelesaikannya.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk mengadakan sekolah tiga sesi di Wilayah Persekutuan. Projek-projek pembangunan sekolah di Wilayah Persekutuan akan terus diusahakan supaya berjalan mengikut rancangan dan masalah sekolah tiga sesi ini tidak harus timbul pada masa sekarang.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D. Y. M. M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zahil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Keenam.” (1hb April, 1985).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini dan besok diperuntukkan untuk Dewan mendengar jawapan-jawapan daripada hujah-hujah yang dibangkitkan dalam perbahasan yang telah dijalankan minggu yang lalu, mendengar jawapan-jawapan daripada pihak Kerajaan. Mula-mula saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

3.38 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi

pandangan dan teguran yang membina terhadap perkara-perkara di bawah bidangkuasa Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan mengenai Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya hanya akan menyentuh beberapa perkara yang perlu dijelaskan, sementara teguran-teguran dan cadangan-cadangan lain yang dibangkitkan akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berkenaan dengan tuduhannya bahawa Parlimen telah menjadi sebuah Jabatan kecil di Jabatan Perdana Menteri. Saya menafikan sekeras-kerasnya tuduhan yang tidak berasas itu. Institusi Parlimen adalah sebuah badan bebas seperti yang termaktub dalam Perlembagaan dan pentadbirannya pun adalah terasing daripada Perkhidmatan Awam.

Berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa kedudukan Parlimen Malaysia dalamacamata rakyat telah menjadi semakin rendah, saya suka menegaskan iaitu ini adalah pendapat Ahli Yang Berhormat itu sendiri dan bukannya pendapat sebahagian besar rakyat Malaysia. Sebagai seorang Ahli Parlimen, Ahli Yang Berhormat tersebut patut berasa bangga dengan adanya sistem demokrasi berparlimen yang telah memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat berucap dan kadangkala telah digunakan untuk melemparkan tuduhan-tuduhan melulu kepada Kerajaan.

Saya ingin juga menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu perdebatan dalam Dewan yang mulia ini adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat. Demokrasi berparlimen yang telah kita amalkan semenjak lebih 25 tahun telah mendapat kejayaan dan mendapat persetujuan rakyat. Oleh itu tidak ada

sebab mengapa sebuah Suruhanjaya Diraja perlu ditubuhkan untuk apa yang dikatakan satu pemeriksaan semula.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membuat tuduhan bahawa Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat telah dipinda secara 'piecemeal' dengan tujuan menyekat kebebasan Ahli-ahli Parlimen sekarang. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu iaitu pindaan-pindaan tersebut adalah dibuat oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat yang mana seorang daripada ahlinya adalah daripada parti DAP sendiri. Pendapat Ahli Yang Berhormat itu adalah sukar untuk saya terima.

Berkenaan dengan bilangan soalan-soalan yang boleh dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen di dalam sesuatu sidang telah ditetapkan mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat No. 22 (4). Sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang telah lama duduk di dalam Dewan ini, sudah tentulah Ahli Yang Berhormat itu dapat melihat iaitu dalam tempoh satu jam waktu soal jawab pada lazimnya hanya antara 15-20 soalan-soalan sahaja sempat dijawab. Oleh itu, tidak memberi peluang kepada lebih ramai Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan. Maka sekatan-sekatan tersebut perlu diadakan. Dalam amalan demokrasi berparlimen, Parlimen telah memberi banyak peluang kepada pihak Pembangkang untuk menyuarakan pandangan-pandangan mereka di Dewan yang mulia ini walaupun bilangan mereka adalah sangat kecil berbanding dengan bilangan penyokong-penyokong Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong pula telah membangkitkan yang pada pandangannya sikap acuh tak acuh di kalangan Menteri-menteri di dalam menjalankan tanggungjawab mereka dalam Dewan ini. Sukalah ditegaskan bahawa Menteri-menteri menjalankan

tugas-tugas secara "collective" dan apabila seorang Menteri tidak hadir dalam Dewan ini oleh kerana perlu melaksanakan tugas-tugas yang lain, maka seorang Menteri lain ataupun Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen boleh menjawab bagi pihak Kerajaan. Ini adalah mengikut peruntukan dalam Perlembagaan. Dalam rangka menjawab, saya ingin menyatakan bahawa semua Menteri menjawab dengan serius kerana hakikat memberi penekanan kepada apa yang dibahas dan dibangkitkan oleh Ahli-ahli. Tuduhan yang melulu dari Ahli Yang Berhormat itu adalah sebenarnya tidak wajar.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan mengenai Aturan Urusan Mesyuarat Dewan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai terlalu rumit. Sebenarnya semua Ahli-ahli Yang Berhormat perlu membaca Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat serta prosedur Parlimen supaya memahaminya. Jika ada cadangan-cadangan untuk membaiki Peraturan-peraturan yang sedia wujud sekarang ini, maka saya jemput Ahli Yang Berhormat silalah kemukakan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Soal perlantikan dan kedudukan Ahli-ahli Dewan Negara juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya suka menegaskan bahawa Dewan Negara bukanlah satu Dewan "rubber stamp". Dewan ini berfungsi sebagai sebuah Dewan yang mana Ahli-ahlinya menjalankan tanggungjawab yang tertentu dalam proses demokrasi berparlimen. Kita tidak perlu meniru sistem yang diamalkan oleh negara-negara lain. Kerajaan berpuas hati dengan sistem Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang wujud pada masa ini seperti yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Pelancaran Perayaan 25 Tahun Parlimen Malaysia baru-baru ini, iaitu kita di Malaysia tidak perlu merasa terhina dan

apologetic, kerana sistem demokrasi di negara ini berbeza dengan amalan di negara-negara lain. Sistem kita adalah untuk keadaan di negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah menyarankan di mana Ahli Yang Berhormat meminta supaya Wakil-wakil Rakyat diberikan kemudahan-kemudahan seperti pejabat dan juga kakitangan serta peralatan pejabat. Suka saya menarik perhatian bahawa pada masa ini terdapat jentera pentadbiran Kerajaan di peringkat daerah dan Majlis Daerah yang boleh membantu Wakil-wakil Raluat. Selain daripada itu masalah mengadakan pejabat, kakitangan dan alat-alat melibatkan perbelanjaan kewangan Kerajaan yang besar. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak dapat menimbangankan saranan tersebut pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka juga berhubung dengan apa yang didakwanya sebagai politik wang di Sabah adalah perkara yang berbangkit daripada, mungkin perasaan hampa (frust), dengan izin, bahawa partinya menerusi politik yang menggambarkan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua: 'Frust' tidak boleh dengan izin Yang Berhormat, 'frustrated' bolehlah.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya setujuah 'frustrated' itu, terima kasih. Bahawa partinya menerusi politik yang menggambarkan perkauman tidak dapat menawan hati rakyat Sabah untuk memilih DAP sebagai alternatif kepada parti yang memerintah Sabah pada masa ini. Setelah hampa, sekarang ini DAP cuba pula merendah-rendahkan kebolehan rakyat Sabah untuk berfikir dan menilai sendiri wakil-wakil mereka.

Pada sangkaan Ahli Yang Berhormat itu, rakyat Sabah boleh dibeli dengan wang ringgit supaya memilih mana-mana pihak dan tidak dapat. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat hendak memberi jalan? Yang Berhormat telah pun memberi jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat tadi bermaksud hendak memberi peluang untuk Yang Berhormat dari Kota Melaka pergi ke Sabah semasa ini memandangkan beliau begitu confident mengenai keputusan pilihanraya itu?

Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, setelah saya memberi jalan dan mendengar hujah daripada Yang Berhormat tadi, nampaknya tidak ada kaitan dengan apa benda yang saya hendak buat. Jadi tidak semestinya saya menjawab.

Pada sangkaan parti DAP, saya sudah katakan tadi rakyat Sabah kononnya boleh dibeli dengan wang ringgit supaya memilih mana-mana parti dan tidak dapat berfikir sendiri untuk menilai siapakah yang layak untuk memerintah negeri Sabah, kononnya. Tuduhan mengenai politik wang dalam pilihanraya sebenarnya sering dibuat oleh pihak Pembangkang. Tuduhan umum seperti itu boleh dibuat oleh sesiapa sahaja dan badan-badan yang bertanggungjawab seperti Suruhanjaya Pilihanraya, pihak Polis dan sebagainya tidak akan dapat mengambil tindakan semata-mata berdasarkan kepada tuduhan-tuduhan liar tanpa bukti-bukti yang nyata mengenai perbuatan-perbuatan membeli undi sepertimana yang didakwa itu. Jadi kalau tidak ada, jangan dakwalah. (*Ketawa*).

Sebagaimana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri Sabah sekarang telah dapat melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang pesat untuk rakyat. Dalam usahanya meningkatkan taraf hidup rakyat dalam bidang ekonomi dan sosial, Kerajaan Negeri Sabah telah berusaha bersungguh-sungguh. Saya yakin dan percaya bahawa rakyat negeri Sabah tanpa mengira keturunan akan terus berkehendakkan supaya usaha-usaha pembangunan dipertingkatkan. Dalam hal ini Kerajaan Persekutuan akan terus memberi perhatian kepada pembangunan di Sabah. Sudah tentulah bahawa usaha-usaha pembangunan bagi rakyat Sabah sebagaimana juga dengan rakyat-rakyat kita di negeri lain akan menjadi lebih mudah sekiranya Kerajaan yang memerintah di negeri itu mempunyai hubungan yang rapat dengan Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang wujud sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal perpaduan dan polarisasi kaum telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Bukit Mertajam dan Kuala Lumpur Bandar. Dalam hubungan ini perlu saya nyatakan bahawa kita semua tidak seharusnya terlalu ghairah membuat kenyataan-kenyataan bahawa masalah polarisasi kaum di negara ini semakin genting sehingga sukar diatasi dengan memberi berbagai-bagai alasan berdasarkan kepada tanggapan persendirian. Sebaliknya, kita harus insaf bahawa kenyataan-kenyataan kita itu sebenarnya boleh menimbulkan tanggapan-tanggapan yang salah di kalangan orang ramai. Memang benar bahawa perbezaan kaum dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia ini tidak dapat kita elakkan. Namun demikian, yang penting bagi kita semua ialah berusaha supaya polarisasi ini dikurangkan ke tahap yang paling minima. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat ini. Usaha ini sebenarnya

telah bermula semenjak pemimpin-pemimpin kita menggubal Perlembagaan Negara di mana rundingan-rundingan telah dibuat antara semua kaum yang ingin tinggal menetap di negara ini apabila negara ini mencapai kemerdekaan.

Persetujuan yang telah dicapai dalam perundingan itu telah menjadi asas kepada Perlembagaan negara seperti yang ada sekarang ini. Usaha dan dasar yang lebih tegas telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mencapai perseimbangan antara kaum selaras dengan cita-cita kita untuk membina sebuah negara yang bersatu-padu. Dasar-dasar ini sebenarnya adalah untuk melaksanakan perjanjian persefahaman yang menjadi asas kepada Perlembagaan negara. Oleh itu dasar-dasar ini tidak harus dipersoalkan lagi.

Di samping melaksanakan dasar-dasar yang bertujuan mewujudkan perpaduan negara, usaha-usaha sentiasa dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan untuk mengurangkan polarisasi kaum. Beberapa program untuk menggalakkan perpaduan dirancang dan dilaksanakan untuk semua lapisan masyarakat termasuk golongan belia. Kekurangan kesedaran mengenai pentingnya perpaduan kaum atau amalan yang berasaskan semangat polarisasi kaum bukan hanya terdapat di kalangan golongan bawahan sahaja, di kalangan golongan atasan dan pertengahan juga terdapat tanda-tanda kekurangan kesedaran dan commitment untuk mewujudkan perpaduan kaum malah golongan diperingkat inilah yang dianggap kritikal kerana tindakan-tindakan mereka boleh meningkatkan atau sebaliknya menjejaskan semangat perpaduan kaum.

Usaha kita sedang dilipatgandakan bagi mengatasi kekurangan kesedaran di kalangan golongan atasan dan pertengahan ini. Bagi golongan bawahan program-program

dilaksanakan bagi mewujudkan peluang untuk mereka berintraksi bagi memupuk semangat kerjasama, saling mengenali dan menghormati antara kaum. Yang penting bukannya bilangan program yang banyak tetapi program yang dilaksanakan hendaklah benar-benar berkesan ke arah meningkatkan semangat perpaduan.

Mengenai cadangan penubuhan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat masalah polarisasi di negara ini, Kerajaan telah pun menjelaskan di Dewan ini bahawa keadaan polarisasi di negara ini tidaklah sebegitu serius sehingga memerlukan penubuhan sebuah Suruhanjaya Diraja.

Bagaimanapun kerajaan menghargai tawaran pihak-pihak tertentu untuk sama-sama membantu Kerajaan mengatasi masalah polarisasi kaum di negara ini. Dalam hal ini sekiranya pihak-pihak tertentu dapat menghentikan kegemaran mereka membangkitkan sesuatu perkara itu sehingga menjadi isu perkauman maka tindakan itu sidaj merupakan satu bantuan ataupun sumbangan besar kepada Kerajaan dalam mengatasi masalah polarisasi kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat daripada Padang Rengas supaya kajian dibuat untuk mengadakan satu pusat latihan yang khusus bagi melahirkan tenaga pengurusan yang cekap dalam badan-badan berkanun di negara ini adalah satu cadangan yang baik. Sungguhpun demikian, soal latihan bagi badan-badan berkanun boleh dilihat dari dua aspek. Pertamanya ialah latihan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan di peringkat rendah. Bagi golongan ini adalah dianggap bahawa latihan yang paling sesuai ialah latihan yang diadakan di peringkat satu-satu badan berkanun itu sendiri kerana memandangkan bilangan kakitangan yang terlibat dan juga pengkhususan

tugas-tugas dan perkhidmatan yang diberi oleh suatu badan-badan berkanun itu adalah berbeza jika dibandingkan dengan badan-badan berkanun yang lain.

Bagi pegawai-pegawai badan-badan berkanun di peringkat atasan pula, pada masa sekarang ini mereka juga menyertai program-program latihan yang diadakan di INTAN dan institusi-institusi swasta yang terdapat di negara ini. INTAN sendiri sedang berusaha untuk meningkatkan latihan bagi pegawai-pegawai dari badan-badan berkanun itu. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan perlulah dikaji dengan teliti terlebih dahulu untuk menjamin bahawa segala sumber kewangan dan tenaga yang bakal diperlukan bagi menubuh dan mengendalikan satu pusat latihan khas bagi pegawai-pegawai badan-badan berkanun digunakan dengan penuh optima dan berkesan. Lebih-lebih lagi dalam keadaan dalam mana Kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menjimatkan perbelanjaan negara.

Perlaksanaan dasar, "Bersih, Cekap dan Amanah" telah juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk dari Bukit Mertajam dan Baling.

Sukalah ditegaskan di sini bahawa dasar "Bersih, Cekap dan Amanah" bukanlah suatu slogan bahkan satu kezaman di pihak Kerajaan. Ia telah mendapat sambutan yang baik daripada rakyat dan dengan itu ia menjadi satu mandat dan commitment yang utama kepada Kerajaan. Dasar ini memang sentiasa diberi tekanan oleh Kerajaan, baik kepada pegawai-pegawai pentadbiran Kerajaan mahupun kepada rakyat. Di pihak pentadbiran Kerajaan, berbagai-bagai program sedang dijalankan untuk menambah sifat-sifat bersih dan cekap pegawai-pegawai seperti melalui

Program Perkhidmatan Cemerlang, Kepimpinan Melalui Teladan, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan lain-lain.

Bagi masyarakat amnya, Program-program Kepimpinan Melalui Teladan dan usaha menambahkan penyertaan mereka dalam semua projek-projek pembangunan sedang dipertingkatkan. Di samping itu kursus-kursus kesedaran sivik dan perpaduan negara juga sedang dipergiatkan di mana unsur-unsur sifat "Bersih, Cekap dan Amanah" adalah diutamakan.

Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan perkhidmatan pada keseluruhannya juga adalah bertujuan untuk membina sifat-sifat tersebut. Memanglah mustahil bagi usaha-usaha itu mendatangkan kesan serta-merta di semua lapisan pekerja dalam perkhidmatan Awam. Ini ialah kerana Perkhidmatan Awam itu sangat luas taburannya iaitu dari ibu kota dan bandar-bandar sampailah ke daerah-daerah dan kawasan-kawasan pedalaman. Kerana itu masih ada anggota-anggota dan agensi-agensi Kerajaan yang belum sebenarnya mematuhi etika-etika kerja baru yang sedang dikuatkuasakan. Tiap-tiap arahan baru memerlukan masa untuk difahami dan dilaksanakan oleh setengah daripada mereka. Apa lagi arahan-arahan yang memerlukan perubahan sikap, amalan dan peraturan-peraturan yang baru daripada yang lama.

Dengan itu Kerajaan sedang bergiat untuk meneruskan usaha-usahnya bagi melaksanakan dasar "Bersih, Cekap dan Amanah" itu. Program-program yang sudah ditaja di peringkat Persekutuan sedang dilanjutkan pelaksanaannya di peringkat Negeri dan Daerah sesudah mendapat persetujuan sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah membangkitkan mengenai garis panduan pakaian semasa bekerja bagi para pegawai dan kakitangan awam.

Sukalah saya jelaskan bahawa garis panduan pakaian semasa bekerja bagi para pegawai dan kakitangan awam yang dikeluarkan oleh kerajaan baru-baru ini mengutamakan pakaian yang sesuai, kemas dan tidak menjolok mata. Sebenarnya peraturan-peraturan mengenai pakaian para pegawai dan kakitangan awam bukan merupakan perkara baru. Peraturan-peraturan berhubung dengan jenis-jenis pakaian yang dibenar dan tidak dibenarkan bagi para pegawai dan kakitangan awam telah pun wujud sejak tahun 1974 lagi.

Memandangkan kepada beberapa perkembangan dalam gaya pakaian pekerja di kalangan para pegawai dan kakitangan awam maka Kerajaan telah mengambil keputusan mengemaskinikan peraturan-peraturan tersebut. Dalam peraturan-peraturan terbaharu ini soal larangan terhadap pakaian para pekerja wanita telah menarik perhatian orang ramai.

Dalam hubungan ini saya ingin menegaskan para pekerja wanita dilarang sama sekali memakai apa-apa pakaian yang menutup muka atau yang lebih dikenali sebagai pakaian purdah yang salah dianggap sebagai pakaian wanita Islam. Sebagaimana termaklum perkara yang penting kepada agama Islam mengenai pakaian ialah menutup aurat. Bagi sebilangan besar para ulamak, muka dan tangan kaum wanita bukanlah aurat. Ini bermakna bahawa kedua-dua bahagian badan itu boleh dibuka. Selain daripada itu, larangan terhadap para wanita dalam Perkhidmatan Awam daripada memakai pakaian yang menutup muka adalah dengan tujuan untuk memudahkan seseorang pegawai atau pekerja itu dikenali terutamanya dalam jabatan-jabatan yang ada

hubungan dengan orang ramai. Saya ingin juga menjelaskan bahawa perkara ini juga telah kita runding begitu mendalam dengan para ulamak kita daripada dalam ataupun di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka bahawa BPR hanya menangkap dan mendakwa ikan-ikan bilis sahaja adalah kurang saya faham maksudnya dan menangkap satu atau dua personality politik menjelang pilihanraya demi untuk kepentingan Kerajaan merupakan satu dakwaan yang liar. Sebagaimana termaklum BPR adalah satu badan yang bertanggungjawab bertindak dengan adil selaras dengan kehendak undang-undang negara.

Semenjak Kerajaan memegang teraju pemerintahan selepas kemerdekaan, sebilangan tokoh-tokoh politik kanan dalam Kerajaan sendiri pun dan banyak pegawai-pegawai kanan Kerajaan ataupun daripada pegawai-pegawai daripada sektor swasta telah dihadapkan ke mahkamah kerana berbagai kesalahan rasuah. Tindakan-tindakan itu jelas membuktikan bahawa BPR tidak mengamalkan pilih kasih dalam melaksanakan amanah rakyat dan akan menyiasat sesiapa sahaja yang disyaki melakukan rasuah.

Untuk makluman Dewan yang mulai ini tidak semua penyiasatan semestinya berakhir dengan pendakwaan di mahkamah. Ada setengah-setengah kes tertentu di mana BPR menyediakan laporan-laporan tatatertib dan memajukan laporan-laporan tersebut kepada Lembaga-Lembaga Tatatertib yang berkaitan dan ianya juga berkesudahan dengan pegawai-pegawai awam itu dibuang kerja atau diambil tindakan tatatertib yang setimpal dengan kesalahan mereka, segala tindakan yang diambil oleh BPR tidak semestinya diheboh-hebohkan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi masih lagi curiga terhadap rancangan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pada 25-3-1985 yang lalu langkah-langkah Kerajaan tidak akan menjejaskan hak asasi rakyat bukan Islam negara ini.

Sesungguhnya mereka bebas mengamalkan kepercayaan agama masing-masing sebagaimana yang dijamin di dalam Perlembagaan, para pemimpin dalam Kerajaan telah berulang kali menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini dan di luar Dewan bahawa penerapan nilai-nilai Islam bermaksud untuk menerapkan nilai-nilai mulia seperti keadilan, hormat-menghormati, kerajinan dan kecekapan bekerja, toleransi dan sifat dedikasi serta amanah.

Adalah menjadi satu hakikat bahawa nilai-nilai yang bersifat universal ini tidak bercanggah dengan keadaan dan alam persekitaran hidup masyarakat majmuk di negara kita ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu benar-benar mahu memahami perkara ini, perasaan curiga yang wujud pada dirinya tidak patut timbul lagi di masa-masa yang akan datang—saya harap.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jerai, sukalah dinyatakan bahawa jurang pembangunan antara kawasan dan negeri serta jurang pendapatan antara golongan berada dengan yang tidak berada memang sedikit sebanyak wujud di negara ini. Perbezaan ini bukan sahaja disebabkan oleh faktor sejarah, tetapi juga kerana pengagihan sumber-sumber alam dan ekonomi yang tidak seimbang antara kawasan dan negeri. Dasar Kerajaan ialah cuba mengimbangkan pembangunan dan agihan pendapatan yang wujud sekarang dengan cara membahagikan

faedah-faedah pembangunan dengan lebih adil. Dengan ini negeri-negeri yang tidak mempunyai banyak sumber-sumber alam tidak terus ketinggalan dan penduduk di negeri-negeri tersebut dapat menikmati faedah-faedah pembangunan sama seperti penduduk-penduduk di negeri-negeri maju. Dasar Kerajaan ini diterjemahkan dalam strategi pembangunan yang ada sekarang seperti strategi pembangunan wilayah iaitu selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang memberi penekanan kepada usaha-usaha pembasmian kemiskinan dan pengurangan jurang pembangunan antara kawasan, negeri dan juga wilayah. Walau bagaimanapun jurang-jurang boleh juga wujud kerana keupayaan pembangunan sesuatu negeri bukan semata-mata bergantung kepada sumber alam, tetapi bergantung juga kepada berbagai-bagai faktor yang saling berkait antara satu sama lain. Apa yang boleh dilakukan ialah mengurangkan jurang tersebut seberapa yang boleh. Ini sedang diusahakan oleh Kerajaan melalui rancangan-rancangan seperti memodenkan sektor pertanian dan juga meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan perkhidmatan-perkhidmatan seperti kesihatan dan lain-lain kepada kawasan-kawasan yang kurang maju. Di samping itu kerjasama antara negeri dan usaha yang kuat daripada penduduk adalah antara faktor yang juga penting diberi perhatian ke arah menjayakan matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah jawapan dan penjelasan yang dapat saya berikan atas perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri. Sementara itu semua teguran-teguran dan semua cadangan-cadangan lain yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya memberi jawapan di sini akan diambil perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan menjawab bagi pihak Kementeriannya.

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menegur dan membangkitkan perkara-perkara di bawah Kementerian Kesihatan.

Saya ingin mengemukakan ulasan-ulasan saya terhadap beberapa perkara yang telah ditimbulkan itu seperti berikut:

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap supaya diadakan sebuah hospital di kawasan Padang Terap itu, saya ingin memaklumkan bahawa sebuah projek hospital daerah baru di Kuala Nerang telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk daerah Padang Terap. Projek ini dirancang untuk mula dibina dalam tahun 1984, tetapi malangnya pelaksanaan projek ini telah ditangguhkan memandangkan kepada keadaan ekonomi pada masa sekarang dan kita harap akan dapat menjalankan projek ini apabila keadaan mengizinkan.

Untuk menjawab teguran dari Ahli Yang Berhormat daripada Padang Rengas, ingin saya menjelaskan di sini bahawa selain daripada morphin dan heroin, Instituit Penyelidikan Perubatan juga mempunyai kemampuan untuk mengesan codeine, barbiturates, alcohol dan juga paraquat, juga pengesanan ganja boleh dijalankan dengan menggunakan kaedah enzyme dengan amono assays. Di samping itu usaha-usaha sedang giat dijalankan untuk mengadakan kaedah

atau teknik untuk mengesan dadah-dadah yang seringkali disalahgunakan di negara barat seperti emphetamines, cocaine dan benzodiazepine.

Ahli Yang Berhormat dari Lambir telah mengesyorkan supaya doktor-doktor yang menggunakan pensil semasa merawat pesakit harus diminta meletakkan jawatan. Kementerian saya bersetuju dengan syor tersebut. Mereka ini seharusnya meletakkan jawatan jika mereka tidak sanggup mematuhi etika perubatan dan memilih jawatan atau kerja yang lain. Berhubung dengan ini juga pada kebiasaannya mahasiswa-mahasiswa perubatan di Fakulti Perubatan di universiti-universiti tempatan adalah diajar dalam bidang etika perubatan, mungkin pengajian etika ini perlu diperkukuhkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Dalam menjawab teguran-teguran yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah, sukalah saya menerangkan di sini bahawa malaria di negeri Sarawak adalah dalam keadaan yang terkawal. Semenjak tahun 1980, jumlah kes tahunan adalah kurang daripada 1,000 tiap-tiap tahun. Daripada jumlah kes ini, 70% daripadanya adalah berlaku di kawasan 16 km sepanjang perbatasan sempadan Sarawak dan Kalimantan di Bahagian-bahagian Pertama, Kedua dan Kelima. Peruntukan yang mencukupi dibekalkan kepada pihak Kesihatan Negeri Sarawak untuk menjalankan tugasnya dengan sempurna. Ibu Pejabat Rancangan Kawalan Penyakit-penyakit bawaan vektor di Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan pihak Pejabat Kesihatan Negeri Sarawak sedang mengawasi rapat (monitor) kedudukan Malaria di Negeri Sarawak pada keseluruhannya. Kementerian Kesihatan juga sedar kedudukan bekalan air dan kemudahan kebersihan di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak dan telah pun mencadangkan

keutamaan yang lebih tinggi terhadap perkara-perkara ini dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Sepang supaya Kementerian membuat perancangan yang tepat sebelum ditubuhkan kemudahan-kemudahan kesihatan seperti pusat kesihatan dan sebagainya, saya suka memaklumkan bahawa perancangan yang teliti memang sentiasa dibuat sebelum sesuatu projek dibangunkan seperti berikut: bilangan penduduk, jarak jauh tempat-tempat berkaitan, kemudahan jalan dan sistem pengangkutan awam dan sebagainya diambil kira. Kementerian juga mengkaji taraf kesihatan penduduk-penduduk dan masalah kesihatan di satu-satu kawasan. Dengan mengkaji perkara-perkara itu, keperluan kemudahan-kemudahan (facilities) yang sesuai akan dapat disediakan. Di dalam perancangan bagi projek-projek, perbincangan juga diadakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Bertindak Daerah dan juga Jawatankuasa Bertindak Negeri. Kementerian juga seterusnya menimbangkan projek itu dari segi keperluan negara. Akhirnya pembangunan projek-projek tertakluk kepada kedudukan kewangan pada satu-satu masa.

Sekian sahajalah teguran saya dan sekali lagi saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Di Raja itu dan menyentuh aspek-aspek Perkhidmatan Kesihatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kementerian Kerjaraya. Kementerian Dalam Negeri.

4.13 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat

Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran masing-masing ke atas isu dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut adalah mengenai perkara berkaitan dengan permohonan kewarganegaraan, masalah pendatang haram, kegiatan-kegiatan pelampau serta hal-hal polis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan soal kelewatan pihak Kementerian Dalam Negeri memproses permohonan kewarganegaraan di mana ada di antara mereka telah memohon sejak 10 tahun yang lalu, tetapi belum menerima apa-apa jawapan. Kepada Ahli Yang Berhormat itu saya sukalah menjelaskan bahawa Kerajaan sememangnya tidak berniat untuk melambat-lambatkan memproses permohonan tersebut, malahan kelewatan itu adalah disebabkan untuk memproses dan menimbang setiap permohonan warganegara adalah dibuat dengan teliti dan mendalam terhadap dokumen-dokumen yang dikemukakan serta latar belakang pemohon itu sendiri. Ini dilakukan demi menjamin bahawa mereka yang layak sahaja diberi taraf kewarganegaraan Malaysia.

Wakil dari Kota Melaka itu juga telah membangkitkan masalah pendatang-pendatang haram dari Burma, Filipina dan Indonesia yang kian bertambah di negara ini di mana ianya telah banyak mendatangkan masalah kepada negara. Untuk pengetahuan Yang Berhormat tersebut, bagi masalah pendatang haram yang masuk ke negara ini Kerajaan sentiasa mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana negara asing yang masuk ke negara ini tanpa memiliki dokumen-dokumen yang sah.

Tindakan mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir keluar akan diambil terhadap mereka tanpa mengira negara asal mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah meminta supaya pihak polis dapat mengawal keselamatan Negeri Sabah, terutama semasa negeri tersebut menghadapi pilihanraya yang akan diadakan tidak berapa lama lagi agar pilihanraya tersebut dapat berjalan dengan aman dan adil. Kepada Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya memaklumkan bahawa keanggotaan pasukan polis akan ditambah di Negeri Sabah bagi menjamin supaya pilihanraya yang akan diadakan di negeri tersebut akan berjalan dengan aman dan lancar. Di samping itu, pasukan polis akan meningkatkan kawalan semasa pilihanraya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Kuala Lumpur Bandar telah menggesa Kerajaan supaya dapat melonggarkan syarat-syarat pergi ke Negeri China, khususnya dalam hubungan perniagaan dan perdagangan dengan Negara China. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar tentang meningkatnya perhubungan dan perkembangan perdagangan di antara Malaysia dan Republik Rakyat China, sungguhpun demikian Kerajaan belum bercadang untuk melonggar apa-apa syarat yang dikuatkuasakan pada masa ini kerana dasar dan sikap Republik Rakyat China yang masih terus mengekalkan sokongan moral dan politiknya kepada Parti Komunis Malaya. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa dan sedang mengkaji supaya syarat-syarat asas peraturan-peraturan perdagangan dan perbincangan antara dua negara dapat dipermudahkan supaya ini akan menyenangkan proses perhubungan tersebut bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru tanpa menjejaskan kepentingan keselamatan dan politik negara.

Wakil dari Pengkalan Chepa pula telah menggesa supaya siasatan terhadap kes bunuh yang berlaku di Padang Terap baru-baru ini disegerakan dan membawa kes pembunuhan tersebut ke muka pengadilan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, kes pembunuhan yang berlaku semasa kempen pilihanraya kecil kawasan Padang Terap baru-baru ini adalah dalam siasatan pihak polis. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang kuat, kes tersebut akan dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pontian telah mencadangkan supaya diadakan satu undang-undang supaya mayat orang Islam yang matinya atas sebab-sebab kemalangan dikecualikan dari dibedah untuk menentukan sebab-sebab kematiannya. Kepada Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menjelaskan bahawa pihak Kerajaan memang sedang membuat kajian tentang kemungkinan mengadakan satu undang-undang supaya mayat orang-orang Islam yang mati akibat kemalangan jalan raya dikecualikan dari dibedah. Bagi pengetahuan Yang Berhormat itu juga, buat masa ini pun peruntukan di dalam Kanun Acara Jenayah tidaklah mewajibkan setiap mayat itu dibedah, kecuali apabila ianya perlu dibuat demikian untuk mendapat kepastian yang sah ke atas sebab-sebab kematian agar tidak timbul sebarang perkara berbangkit kelak.

Wakil dari Matang telah menggesa Kerajaan supaya berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi membenters dadah yang mencancam negara ini. Di samping itu juga, beliau mahukan supaya tidak polis mengambil tindakan tegas kepada sesiapa sahaja yang mengganggu para nelayan, terutamanya di kawasan Matang. Saya suka menjelaskan bahawa pihak Kerajaan sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi membenters ancaman dadah di

negara kita, misalnya Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 yang sedang dalam pertimbangan Dewan ini untuk membolehkan pihak Kerajaan menahan pengedar-pengedar dadah dengan lebih lama lagi.

Menyentuh tentang teguran Yang Berhormat supaya pihak polis mengambil tindakan tegas kepada sesiapa sahaja yang mengganggu para nelayan, terutamanya di kawasan Matang, perkara ini akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pandangan Yang Berhormat dari Padang Rengas yang menggesa Kerajaan mempertingkatkan usaha membenters penggunaan dadah dan menjalankan kajian terhadap semua jenis dadah di negara ini, saya menjelaskan bahawa Kerajaan memang sedar betapa seriusnya masalah dadah di negara ini dan telah mengiktirafkannya sebagai musuh utama negara kita.

Sejak Kempen Anti Dadah peringkat kebangsaan dilancarkan pada 19hb Februari, 1983 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semua tindakan anti dadah dalam berbagai bidang telah diperhebatkan oleh semua agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Orang ramai telah memberi kerjasama yang baik dan sumbangan yang bermakna. Usaha-usaha ini telah membawa kejayaan yang lebih meluas dan sangat menggalakkan. Sebagai contoh jumlah dadah yang dirampas mengikut pecahan jenisnya bagi tahun 1983 dan 1984 adalah seperti berikut:

	1983	1984
Candu Mentah ..	110.73 kg.	870.93 kg.
Candu Masak ..	40.6 kg.	5.88 kg.
Heroin ..	200.08 kg.	242.94 kg.
Morphine ..	9.32 kg.	6.31 kg.
Ganja ..	386.37 kg.	1,766.42 kg.
Pil-pil ..	25.5 biji	917 biji.

Bilangan pengedar dadah yang ditangkap di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, 1952 pada tahun 1983 ialah seramai 363 orang dan pada tahun 1984 ialah seramai 462 orang. Bilangan penagih-penagih ditangkap pula ialah seramai 10,263 orang dalam tahun 1983 dan seramai 10,497 orang dalam tahun 1984. Di samping tindakan penguatkuasa di atas rancangan-rancangan pendidikan, pencegahan yang tersusun telah dan sedang dilaksanakan di seluruh negara oleh Kementerian Penerangan dan Kementerian Pelajaran untuk menimbulkan kesedaran tentang bahaya dadah di kalangan masyarakat umum dan murid-murid sekolah. Usaha-usaha juga telah dijalankan untuk melibatkan secara positif lagi sumbangan orang ramai khususnya melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Rukun Tetangga dan Jawatankuasa-jawatankuasa Pemulihan Dadah Setempat dan lain-lain pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai kajian-kajian dadah di negara ini, adalah dimaklumkan bahawa pusat pengajian mengenai dadah di Universiti Sains, Pulau Pinang telah dan sedang menjalankan kajian-kajian epitomology mengenai dadah iaitu kajian mengenai kandungan bahan-bahan dalam dadah berkenaan dan kesan-kesannya terhadap manusia selain dari menjalankan kajian mengenai program-program pendidikan, pencegahan anti dadah serta rawatan dan pemulihan dadah.

Ahli Yang Berhormat dari Lambir telah mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan satu Pasukan Petugas (Task Force) bagi menjalankan siasatan menyeluruh tentang bagaimana aktiviti-aktiviti ekstrimis berlaku dan siapa yang bertanggungjawab serta sama ada campurtangan asing secara langsung atau tidak langsung wujud. Pasukan

petugas ini harus memberi syor-syor yang berkenaan kepada Kerajaan cara-cara mengatasi masalah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil kesempatan untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian kaum di negara ini dan seterusnya akan membawa kepada ancaman keselamatan negara. Dengan hal yang demikian Kerajaan sentiasa mengambil langkah bagi membendung kegiatan-kegiatan tersebut melalui undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan pada masa ini. Kerajaan juga telah memastikan tidak ada campur tangan asing sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam kegiatan-kegiatan ini. Setakat ini Kerajaan telah melaksanakan berbagai rancangan dan aktiviti bagi menjamin keselamatan dan perpaduan kaum di negara ini. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Lembaga Badan Penyelaras Kegiatan Islam Malaysia seperti menyelaras aktiviti keagamaan dan dakwah di seluruh negara.

Jabatan Perpaduan Negara diwujudkan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan perpaduan dan keharmonian di antara kaum di negara ini. Oleh yang demikian, sehingga ini telah wujudlah badan-badan penyelaras bagi bidang-bidang tersebut dan adalah dirasakan tidak perlu diadakan badan-badan khas bagi menyelaraskan rancangan ini. Sungguhpun demikian Kerajaan akan terus meneliti dan mengkaji kegiatan badan-badan yang sedia ada supaya matlamat yang dikehendaki dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan syor-syor dan pendapat-pendapat pada isu-isu dan masalah-masalah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Bagi mana-mana pendapat dan

cadangan yang tidak sempat saya jelaskan, saya sukalah menyatakan bahawa pendapat-pendapat dan syor-syor tersebut akan dikaji dan diberi perhatian sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua:
Kementerian Luar Negeri.

4.26 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya inginlah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak memberi banyak pandangan mengenai Kementerian Luar Negeri. Ini saya ingin membacanya sebagai suatu bukti penerimaan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada keseluruhannya mengenai direction am Dasar Luar Negeri negara kita dan juga cara-cara ianya dilaksanakan.

Hanya dua sahaja Ahli Yang Berhormat telah pun memberi pandangan mereka mengenai Dasar Luar Negeri iaitu satu, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan keduanya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lipis. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas pandangan mereka itu. Memanglah pada mula-mula lagi Kerajaan kita telah pun menyatakan bahawa kita memang rasa bimbang sangat dengan pencerobohan Vietnam terhadap Kampuchea kerana kita rasakan bahawa pencerobohan itu akan membahayakan keselamatan Tenggara Asia khususnya dan juga keamanan dunia amnya. Kita rasakan ada bahayanya kalau penyelesaian mengenai isu Kampuchea ini tidak diperolehi dengan secepat mungkin maka sengketa itu akan merebak kepada negara-negara jiran. Kita juga rasakan bahawa masalah itu jika tidak diselesaikan dengan secepat mungkin ianya akan membuka pintu kepada

campur tangan kuasa-kuasa besar secara direct kepada pergolakan di dunia di sebelah sini. Maka itulah sebabnya Malaysia dan juga bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain telah pun tumpu perhatian yang begitu banyak terhadap mencari suatu penyelesaian damai kepada isu ini. Maka sedikit sebanyak kebimbangan ASEAN dan juga Malaysia sudah pun terbukti sekarang ini.

Baru-baru ini kita telah pun melihat tentang pencerobohan Vietnam terhadap Thailand iaitu suatu peperangan yang begitu dahsyat yang telah pun berlaku di sempadan Kampuchea/Thailand dan sedikit sebanyak ini hampir membawa Thailand juga memasuki peperangan itu dan syukur Alhamdulillah keadaan itu sekarang sudah pun reda tetapi keadaan ini jelas membuktikan bahawa kalau kita tidak menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin maka ada bahayanya Thailand dan juga negara-negara lain di rantau ini akan ditarik untuk melibatkan diri secara langsung dalam peperangan ini. Oleh sebab itu dan oleh sebab perkara ini adalah begitu penting terhadap keselamatan jangka panjang rantau ini terhadap usaha untuk mencapai keadaan ZOPFAN di rantau ini maka kita Malaysia dan juga negara ASEAN yang lain telah pun menggalak malah telah pun memberi galakan kepada semua pihak yang inagin memberi sumbangan mereka terhadap usaha untuk memujuk Vietnam datang ke meja perundingan. Itulah sebabnya maka kita telah pun menyambut baik usaha Bill Hayden iaitu Menteri Luar Australia untuk mencuba nasibnya memujuk Vietnam supaya datang ke meja perundingan. Itulah sebabnya kita telah menyambut baik kedatangan Perez de Cuellar, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan begitulah juga sebanyak kita telah menyambut baik usaha pihak-pihak yang lain juga mengenai isu ini.

Baru-baru ini pihak Vietnam telah pun menyatakan tentang cadangan barunya iaitu cadangan lima point untuk menyelesaikan perkara ini. Pada hakikatnya setelah mengkaji pada keseluruhannya lima point ini kita nampak tidak ada banyak perubahan mengenai sikap Vietnam, cuma istilahnya sahaja diubah-ubah. Namun demikian, ada satu dua aspek dalam lima cadangan ini yang mungkin perlu kita kaji dengan lebih mendalam lagi. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan pada keseluruhannya setakat ini sungguhpun pada amnya kita nampak sedikit sebanyak perubahan sikap dari segi Vietnam tetapi apabila kita cuba mendapatkan penjelasan-penjelasan mengenai isu-isu yang spesifik dalam cadangan cadangan mereka maka kita dapati apa yang Vietnam masih ingin mencapai adalah supaya Regim Heng Samrin di Phnom Penh ini dapat dikekalkan tetapi konsesi mereka yang ada sedikit sebanyak pun adalah hanya setakat hendak memberi sedikit sebanyak perubahan kosmetik kepada keadaan itu.

Jadi itu sahajalah komen saya terhadap dua pendapat yang telah pun diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan juga Kuala Lipis. Mengenai pandangan yang telah pun diberi dengan panjang lebar oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lipis iaitu bekas Menteri Luar Negeri, ingin saya menyatakan bahawa apa yang sedang diamalkan oleh Wisma Putra setakat ini tidaklah berubah dari apa yang beliau amalkan dahulu sebagai Menteri Luar Negeri. Insya Allah, nasihat beliau supaya kita jangan tolak dengan begitu sahaja cadangan 5 point oleh Vietnam itu kita sedang amalkan dan kita sedang kaji dengan lebih mendalam lagi dan cuba juga mendapat penjelasan lebih dalam lagi mengenai setengah-setengah aspek proposal 5 point ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua:
Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas cadangan dan syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja yang menyatakan bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar perdagangan kita dengan Republik Rakyat China dan isu pengimportan limau mandarin dari negara tersebut. Kedua-dua perkara ini telah saya huraikan dengan panjang lebar dalam Dewan yang mulia ini pada masa saya menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 26hb Mac, 1985 dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus pada 27hb Mac, 1985. Saya tidak bercadang memberi penjelasan-penjelasan tambahan kepada apa-apa perkara yang telah saya jawab dalam Dewan yang mulia ini. Cuma saya tertarik dengan kenyataan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa untuk perayaan Tahun Baru Cina, limau-limau dari lain-lain negara, dan malahan limau dari Cameron Highlands boleh digunakan. Jika ini betul ia bermakna limau dari Republik Rakyat China boleh dianggap bukan barang perlu. Dari itu tidak ada sebab mengapa soal pengimportan limau dari Republik Rakyat China perlu dibangkitkan lagi. Ahli Yang Berhormat

juga telah menyatakan bahawa kempen boikot lima Republik Rakyat China telah dijalankan sebagai bantahan kepada penghakisan hak-hak politik dan ekonomi satu golongan rakyat, seolah-olah perdagangan antara Malaysia dan Republik Rakyat China adalah hak mutlak dan eksklusif satu golongan rakyat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa gembira yang Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sudah sedar bahawa perdagangan kita dengan Republik Rakyat China lebih meningkat dengan menguntungkan Republik Rakyat China, dan Ahli Yang Berhormat juga menganggar bahawa keadaan yang tidak seimbang ini akan menjadi luas jika kita mengambil kira import barang-barang Republik Rakyat China ke Malaysia melalui negara ketiga.

Jika Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sudah mengakui hakikat ini, saya tidak nampak mengapa Kerajaan perlu dituduh sebagai bertindak tidak adil jika hasil dari tindakan-tindakan Kerajaan, pengimportan barang-barang Republik Rakyat China melalui negara ketiga akan berkurangan. Saya juga tidak nampak mengapa Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bersungguh-sungguh sangat meminta Kerajaan supaya melonggarkan lagi peraturan-peraturan yang mengawal pemergian pedagang-pedagang kita ke Pameran Perdagangan Canton, sedangkan kita tahu Pameran Perdagangan Canton itu sendiri adalah sebagai salah satu usaha Republik Rakyat China meluaskan pasaran eksport barang-barang keluaran mereka, dan tujuan utama pedagang-pedagang kita pergi ke Canton adalah untuk membeli lebih banyak lagi barang-barang negara tersebut.

Jika Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sudah betul-betul sedar bahawa perdagangan kita dengan Republik Rakyat China lebih

menguntungkan negara tersebut, sepatutnya Ahli Yang Berhormat mencadangkan kepada Kerajaan mencari jalan meningkatkan eksport kita dan mencadangkan kepada Kerajaan cara-cara mengurangkan pemergian pedagang-pedagang kita ke Canton supaya imbalan perdagangan kita dengan Republik Rakyat China lebih, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, equitable.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lambir telah mencadangkan supaya Kerajaan membentuk satu strategi pengeluaran untuk meningkatkan mutu keluaran barang-barang buatan Malaysia.

Ingin saya menyatakan bahawa Kementerian saya sentiasa memberi penekanan ke atas peningkatan pengeluaran yang bermutu barang-barang buatan Malaysia. Ini adalah penting kerana barang-barang buatan Malaysia bukan sahaja dikeluarkan untuk pasaran dalam negeri tetapi juga untuk pasaran luar negeri.

Jika pengeluar-pengeluar tempatan mahu menembusi pasaran luar negeri keluaran mereka perlu mencapai mutu yang diterima. Di samping peraturan-peraturan yang sedia ada, adalah penting untuk pengeluar-pengeluar tempatan bersikap lebih positif dengan memikirkan pasaran jangka panjang dengan jaminan mutu yang dikekalkan tahun demi tahun untuk meningkatkan kepercayaan para pembeli.

Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian-kementerian lain dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan akan terus berusaha dan menggesa para pengeluar agar mementingkan kawalan mutu penentuan mutu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, quality control and quality assurance dan juga penyelidikan, tidak kira sama ada pengeluar besar atau kecil sehingga kita dapat menimbulkan satu sikap baru yakni apabila kita membeli

barangan buatan Malaysia samalah ertinya dengan membeli barangan yang lebih bermutu.

Dalam hal ini pasukan petugas program kualiti, teknologi dan bahan tempatan di bawah Jawatankuasa Pemandu Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia akan meneliti cara-cara yang lebih berkesan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pengeluar tempatan mengenai mutu keluaran termasuklah kemungkinan memasukkan aspek kualiti sebagai salah satu syarat yang dimestikan menerusi piawai Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia yang tidak mencukupi untuk pengetahuan rakyat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lambir, sukalah saya menjelaskan bahawa Kempen ini adalah masih di peringkat permulaan. Ianya belum lagi dilancarkan secara rasmi.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan kempen ini akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4hb April, 1985. Berbagai program telah disusun rapi dengan kumpulan-kumpulan sasaran meliputi semua lapisan masyarakat.

Saya gembira, walaupun kempen ini belum lagi dilancarkan ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara ini. Ini bolehlah disifatkan bahawa kempen ini adalah disadari. Saya berpuas hati dengan persiapan-persiapan yang telah dirangka. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, hampir setiap hari terdapat laporan-laporan di akhbar-akhbar tempatan, radio dan televisyen mengenai kempen ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menekankan di sini bahawa inilah julung-julung kalinya Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia di peringkat kebangsaan diadakan secara besar-besaran. Kempen ini bukanlah

usaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semata-mata, tetapi melibatkan sebahagian besar jentera Kerajaan seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Kerjaraya, Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan Malaysia dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Manakala badan-badan swasta dan sukarela yang terlibat ialah Dewan-dewan Perniagaan, Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna-pengguna (FOMCA), Advertising Standards of Malaysia (ASAM), Master Builder Association (MBA) dan sebagainya.

Sebuah Jawatankuasa Pemandu Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Muhyiddin bin Mohd. Yassin, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan dibantu oleh lima Pasukan Petugas iaitu bagi:

- (1) program kualiti, teknologi dan bahan tempatan;
- (2) program undang-undang;
- (3) program seranta;
- (4) program publisiti dan pameran; dan
- (5) program pendidikan.

Saya percaya dengan strategi pelaksanaan kempen secara bersepadu melibatkan beberapa kementerian dan agensi Kerajaan, sektor swasta dan badan-badan sukarela dan dengan kerjasama semua lapisan masyarakat, kempen ini akan mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sektor perindustrian di Sarawak yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lambir, sukacita saya nyatakan di sini bahawa

Kerajaan Persekutuan memberi keutamaan dalam usaha-usaha untuk memperkembangkan lagi industri petro-kimia di Malaysia. Tentang penempatan industri ini, memanglah munasabah (logical) untuk ianya ditempatkan di negeri-negeri yang ada dengan izin, comparative advantage iaitu negeri-negeri yang mempunyai minyak dan gas seperti di Sarawak.

Memandangkan hakikat ini, maka projek mengeluarkan urea oleh Asean Bintulu Fertiliser Bhd. dan projek liquified natural gas oleh Malaysia LNG Sdn. Bhd. telah ditubuhkan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Lambir yang telah membangkitkan masalah mengenai perbezaan harga barang-barang petroleum di antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga runcit barang-barang petroleum iaitu petroleum premium dan regular, disel, minyak tanah dan LPG ditetapkan mengikut formula mekanisma harga barang-barang petroleum yang telah mula digunakan sejak 2hb April, 1983.

Mengikut formula ini harga runcit barang-barang petroleum ditetapkan dengan mengambil kira kos-kos seperti berikut:

- (1) kos barangan bahan-bahan petroleum;
- (2) kadar peruntukan matawang (US) Dollar/Ringgit;
- (3) kos operasi industri minyak;
- (4) kadar keuntungan industri minyak;
- (5) komisyen pengedar; dan
- (6) duti (import/eksais).

Kos-kos yang penting dalam formula ini ialah kos membekal barang-barang petroleum ke 'outlet-outlet' runcit

yang didasarkan kepada kos pembekalannya ketiga pusat (base) penting iaitu Kuala Lumpur (Semenanjung Malaysia), Kuching (Sarawak dan Kota Kinabalu (Sabah).

Berdasarkan formula ini, harga runcit barang-barang petroleum dikaji tiap-tiap bulan dengan mengambil kira perubahan-perubahan kos barangan (product posting) dan pertukaran matawang US Dollar/Ringgit. Mungkin ramai di antara kita ingin bertanya mengapa kita menggunakan "product posting" dan matawang US Dollar dalam formula kita. "Product Posting" di Singapura digunakan kerana ia mencerminkan:

- (1) Harga barang-barang petroleum bertapis di rantau ini;
- (2) perubahan-perubahan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa; dan
- (3) kos menapis kilang penapis.

Mengenai matawang US Dollar, ia digunakan dalam formula kita oleh kerana semua dagangan (transaction) petroleum sama ada minyak mentah ataupun bertapis adalah dibuat dalam matawang ini. Tindakan kita ini bukanlah sesuatu yang ganjil oleh kerana negara-negara OPEC sendiri menggunakan matawang US Dollar.

Oleh itu perubahan-perubahan nilai matawang US Dollar akan memberi kesan kepada harga barang-barang petroleum dalam matawang Ringgit atau lain-lain matawang. Sebagai contoh, walaupun harga petroleum sama ada mentah atau bertapis tidak berubah dalam matawang US Dollar, tetapi jika kadar pertukaran matawang US Dollar menjadi kukuh seperti yang terdapat sekarang, ia akan mengakibatkan kenaikan harga dalam matawang Ringgit. Begitu juga, jika matawang US Dollar menjadi lemah berbanding dengan ringgit, ia akan menyebabkan harga barang-barang petroleum menjadi lebih murah dalam matawang Ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah perbezaan harga runcit barang-barang petroleum di antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia, ingin saya menjelaskan bahawa walaupun terdapat kilang penapis di Lutong, kilang itu hanya dapat membekalkan di antara 41% hingga 58% sahaja keperluan pasaran Sarawak dan bagi LPG pula, langsung tiada.

Ini bermakna Sarawak perlu mendapat sebahagian besar bekalannya dari luar Sarawak. Pada masa ini tiga syarikat minyak membekalkan barang-barang petroleum di Sarawak. Begitu juga keadaannya bagi bekalan di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Oleh yang demikian harga runcit di mana-mana bandar harus mengambilkira kos-kos yang perlu ditanggung oleh semua pembekal. Jika tidak, syarikat-syarikat minyak yang perlu mengimport bekalannya tidak akan sanggup menghantarkan bekalan ke bandar-bandar di mana harga jualan tidak dapat membayangkan kos-kos pengangkutan dan pengedaran.

Pada amnya, harga runcit barang-barang petroleum di Sarawak dan juga Sabah adalah lebih tinggi daripada harga-harga runcit di Semenanjung Malaysia disebabkan oleh kos pengangkutan dan pengedaran yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menggesa Kerajaan supaya merangka satu strategi untuk menggalakkan pelancong asing datang ke Malaysia dan penduduk Malaysia sendiri melawat ke seluruh Malaysia.

Saya ingin menyatakan bahawa usaha-usaha pemasaran Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia ialah

untuk mencapai objektif-objektif yang tertentu, di antaranya ialah:

- (i) Menambahkan kedatangan para pelancong asing ke Malaysia.
- (ii) Menggalakkan para pelancong melanjutkan tempoh lawatan mereka ke Malaysia.
- (iii) Menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menghabiskan cuti mereka dengan melancong di dalam negeri sendiri.

Untuk mencapai objektif-objektif tersebut, strategi pemasaran yang digunakan ialah melalui pelaksanaan program-program pengiklanan, publisiti dan perhubungan awam, penggalakkan dan pengedaran risalah-risalah pelancongan. Program-program ini terbahagi kepada dua iaitu untuk pelancong antarabangsa dan juga untuk rakyat Malaysia sendiri.

Usaha-usaha pemasaran bagi pelancongan luar negeri mempunyai dua sasaran iaitu perdagangan dan pengguna. Pemasaran melalui media perdagangan bertujuan untuk mendedahkan keistimewaan destinasi-destinasi pelancongan Malaysia serta cuba untuk menimbulkan kecenderungan para pengusaha supaya menggunakan dan menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi yang akan ditawarkan kepada para pengguna yang berkemampuan dan berkeupayaan untuk melawat Malaysia. Aktiviti-aktiviti yang ditujukan terus kepada pengguna pula dijalankan melalui media massa pengguna yang popular seperti majalah, akhbar dan televisyen.

Mulai bulan Mei tahun ini, pihak TDC dengan kerjasama pihak swasta dan penyedia-penyedia kemudahan pengangkutan oleh agensi-agensi Kerajaan akan menawarkan sejumlah 32 program percutian istimewa dengan harga yang berpatutan.

Program ini akan dijual kepada rakyat Malaysia dan Singapura serta para pelancong antarabangsa yang sudah berada di Malaysia. Untuk membantu rakyat memilih destinasi percutian mereka, risalah-risalah penerangan dalam Bahasa Malaysia, Inggeris dan Mandarin mengenai program itu akan diterbitkan.

Di samping itu, aktiviti-aktiviti pengiklanan, penggalakkan pelancongan tempatan, publisiti dan perhubungan awam akan juga diteruskan. Program-program ini juga akan dilengkapi dengan risalah-risalah penerangan mengenai program percutian ini dalam beberapa bahasa seperti Bahasa Malaysia, Inggeris dan Mandarin.

Kempen-kempen pelancongan tempatan "Malaysia-ku" yang mempunyai dua tujuan iaitu memperkenalkan keistimewaan destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia supaya timbul semangat cintakan negara dan juga mencetuskan motivasi untuk melancong ke destinasi-destinasi berkenaan akan juga diteruskan. Filem dokumentasi "Malaysia-ku" yang memperkenalkan tempat-tempat pelancongan di tiap-tiap negeri di Malaysia akan disiarkan melalui Televisyen Malaysia dan risalah-risalah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga menyentuh tentang Persidangan PATA. Sukacita saya maklumkan bahawa sebagai persiapan awal untuk menarik peserta-peserta industri pelancongan antarabangsa ke Persidangan Tahunan PATA 86 di Kuala Lumpur, TDC telah menyediakan beberapa langkah penggalakkan dan publisiti. Di antaranya ialah mengadakan "hospitality suite", "press luncheon" dan "Malaysia Evening", dengan izin, di mana peserta-peserta Persidangan Tahunan PATA di Auckland New Zealand 1985 akan diraikan dengan

persembahan dan keraian kebudayaan asli, pertunjukan fesyen dan hidangan masakan Malaysia.

Sejurus selepas Persidangan Tahunan PATA di Auckland itu, TDC akan mengetuai ahli-ahli pihak swasta pelancongan Malaysia ke Missi Jualan Pelancongan di Sydney dan Melbourne di Australia, untuk menggalakkan penyertaan pengusaha-pengusaha pelancongan Australia untuk menghadiri Persidangan PATA 1986 di Malaysia.

Semasa Persidangan PATA 1986 pula, berbagai program seperti lawatan untuk para peserta dan ahli keluarga mereka akan disediakan. Para wartawan dan penulis perjalanan dari pasaran-pasaran utama pelancongan negara ini akan dijemput untuk membuat liputan persidangan. Di samping itu, mereka akan diraikan dengan lawatan suaikenal ke destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia di mana mereka akan berpeluang untuk melihat aspek-aspek kebudayaan dan cara hidup rakyat Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga mencadangkan supaya TDC menerbitkan filem dokumentasi yang mendedahkan kawasan atau tempat yang berpotensi untuk pembangunan industri pelancongan. Saya ingin maklumkan bahawa sebagai salah satu aktiviti penggalakan dan publisiti untuk memperkenalkan industri pelancongan di Malaysia, TDC terus menerbitkan filem-filem yang memaparkan nilai-nilai pelancongan di negara ini seperti keindahan alam semulajadi, kebudayaan dan cara hidupnya. Di samping filem-filem, TDC juga menerbitkan pita video dan slaid untuk digunakan oleh semua perwakilan Malaysia di luar negeri.

Pada masa ini TDC mempunyai kira-kira 25 tajuk filem yang juga boleh didapati dalam bentuk video, serta tidak kurang dari 30,000 keping slaid

pelancongan. Alat-alat publisiti dan penggalakan seperti ini adalah diedarkan kepada pihak-pihak yang cenderung untuk menggalakkan pelancongan ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lambir telah menyentuh tentang industri pelancongan di Sarawak dan meminta agar Kerajaan mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk memajukan industri pelancongan di sana.

Kerajaan sedia menyedari bahawa negeri Sarawak mempunyai daya-daya tarikan pelancongan yang istimewa dan menarik seperti juga dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Sungguhpun demikian, usaha-usaha Kerajaan untuk mengembang dan memajukan industri pelancongan di negara ini memerlukan kerjasama dan sokongan semua pihak, tidak kira dari sektor awam mahupun sektor swasta. Ini meliputi semua sektor penyedia kemudahan seperti penyedia infrastruktur asas, superstruktur pelancongan hinggalah penggalakan pelancongan.

Pihak Kerajaan sentiasa merancang dan melaksanakan langkah-langkah pembangunan kemudahan pengangkutan yang diperlukan di seluruh negara. Selain dari itu, Kerajaan juga sentiasa berusaha melengkapkan kemudahan-kemudahan lain seperti bekalan api elektrik, air, telekomunikasi dan sebagainya, bukan hanya untuk kemudahan rakyat, tetapi juga kemudahan pelancongan. Di samping itu, skim insentif pelaburan bagi pembinaan hotel adalah meliputi seluruh negara, dan Kerajaan sedang menimbang untuk memperkemas skim yang sedia ada supaya lebih banyak hotel kelas ekonomi dapat dibina di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, melalui TDC, Kerajaan adalah sentiasa menjalankan langkah-langkah penggalakan supaya

lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negeri melawat negara ini. Seperti negeri-negeri lain, daya-daya tarikan pelancong yang terdapat di negeri Sarawak juga digunakan dalam kegiatan penggalakan yang dijalankan, seperti dalam risalah, poster dan filem. Dalam hal ini, Kerajaan ingin menggesa sektor swasta yang berfungsi sebagai penyedia dan penjual kemudahan pelancong serta "tourism products" negara ini supaya lebih agresif dalam menjalankan kegiatan mereka masing-masing, iaitu untuk melengkapkan dan menyokong usaha-usaha penggalakan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Betong telah menggesa supaya liputan mengenai negeri Sarawak dimasukkan dalam suatu rancangan siri televisyen yang diterbitkan oleh sebuah firma Amerika Syarikat yang berjudul "3-2-1 Contact".

Saya ingin menyatakan bahawa Children Television's Workshop, pengeluar filem TV "3-2-1 Contact" telah dijemput melawat Malaysia untuk merakamkan beberapa segmen dokumentari sains dalam bulan Februari, 1985. Memandangkan kepada skop yang telah sedia ditentukan, rombongan perfileman berkenaan hanya mengadakan penggambaran di Kuala Lumpur, negeri Kelantan dan Sabah. Justeru ianya bukanlah satu filem dokumentari pelancongan, lokasi penggambaran bergantung kepada jenis pelajaran yang akan dikemukakan, seajar dengan objektif siri berkenaan. Oleh hal yang demikian, Sarawak, seperti juga negeri-negeri lain tidak mendapat liputan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lipis telah menyentuh tentang perdagangan antarabangsa khususnya dengan negara-negara sedang membangun. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia sememangnya sentiasa sahaja menggalakkan pihak

swasta negara ini berhubung terus dengan pihak-pihak swasta di negara-negara membangun. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Kementerian saya telah banyak menganjurkan rombongan-rombongan perdagangan ke negara-negara membangun seperti ke Asia Barat, Latin Amerika dan Kepulauan Pasifik. Pada tahun ini pula, Kementerian saya akan menganjurkan rombongan perdagangan ke beberapa buah negara membangun seperti ke Asia Barat dan ke negara-negara Afrika Utara. Di samping itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam membuat lawatan ke negara-negara membangun seperti Papua New Guinea, Maldives, Bangladesh, Pakistan, Mesir dan lain-lain telah membawa bersama rombongan-rombongan yang mengandungi ahli-ahli perdagangan di pihak swasta. Adalah diharapkan hubungan di antara pihak swasta negara ini dengan pihak swasta di negara-negara sedang membangun akan terus terjalin.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Pengangkutan.

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan selama lima hari yang mana telah menyentuh satu dua perkara Kementerian Pengangkutan dan Kementerian-kementerian lain.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari kawasan Betong pada 27hb Mac, 1985 untuk mengadakan tambang dengan potongan (discount)

bagi penumpang-penumpang yang membuat penerbangan berulang-kali dengan MAS, sukalah saya memaklumkan bahawa cadangan tersebut pada masa ini tidak dapat dipertimbangkan memandangkan bahawa MAS telah pun mempunyai tambang-tambang murah (discount) pada sektor-sektor dalam negeri. Tambang-tambang murah yang boleh digunakan oleh penumpang-penumpang adalah seperti berikut:

- (1) Excursion fare yang mempunyai potongan diskaun 10%.
- (2) APEX—Advance Purchase Excursion yang mempunyai potongan diskaun sebanyak 15%.
- (3) Night Tourist yang mempunyai potongan diskaun sebanyak 30%.
- (4) Tambang Keluarga—Family Fare yang mempunyai potongan diskaun sebanyak 25%.
- (5) Tambang Penuntut yang mempunyai potongan sebanyak 20%.
- (6) Tambang Penuntut Domestic Standby yang mempunyai potongan diskaun sebanyak 50%.
- (7) Tambang Senior Citizens yang mempunyai potongan diskaun sebanyak 50%.
- (8) Tambang Khas untuk penumpang-penumpang yang cacat ataupun buta yang mempunyai potongan diskaun di antara 25 dan 50%.
- (9) Tambang Khas Off-Season Affinity Group yang mempunyai potongan diskaun di antara 37 dan 44%.
- (10) Tambang untuk mass media yang mempunyai potongan diskaun 50% hanya untuk para wartawan dari Sabah, Sarawak ke Semenanjung dan balik.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat wakil dari Lambir pada 28hb Mac, 1985 untuk MAS mengadakan satu tambang yang istimewa untuk menggalakkan pelancong-pelancong datang ke Sarawak, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa MAS sememangnya mengadakan berbagai corak tambang istimewa yang dalam bentuk package tours bagi tujuan menggalakkan lawatan pelancong-pelancong ke tempat-tempat tertentu di negara itu termasuk tempat-tempat di Sarawak. Package Tours tersebut yang boleh digunakan oleh pelancong-pelancong termasuk Malaysian Stop Over Programme, Malaysia City Stay dan Golden Holiday Tours.

Di dalam negeri puia MAS telah mengadakan berbagai tambang istimewa untuk menggalakkan pelancong-pelancong khususnya di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak. Tambang-tambang ini termasuk Economy Night Tourist Excursion dan tambang APEX.

MAS juga mengadakan Package Tours seperti Golden Holiday Package di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak. Tambang-tambang istimewa ini dan package tours tidak dihadkan pada musim-musim tertentu sahaja tetapi sebaliknya boleh digunakan pada bila-bila masa sepanjang tahun dengan syarat bahawa tempahan dibuat dengan awal pada tempoh masa yang ditentukan.

Bagi menguruskan perjalanan pelancong-pelancong, MAS senantiasa bekerja rapat dengan agensi-agensinya yang berkenaan dalam bidang pelancongan dan sedia bekerjasama dengan pihak-pihak lain yang berminat untuk menggalakkan bidang ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban, ingin saya memaklumkan bahawa masalah banjir yang berlarutan sejak beberapa lama termasuk banjir yang melibatkan

landasan Keretapi Tanah Melayu Jalan Tampin, Seremban, sedang dikaji oleh Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan pihak pentadbiran Keretapi Tanah Melayu dan beberapa Jabatan lain yang berkaitan, dengan tujuan untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah tersebut untuk jangka masa panjang.

Daripada kajian awal yang telah dijalankan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu, adalah didapati bahawa masalah banjir yang melibatkan landasan-landasan keretapi adalah disebabkan oleh beberapa faktor, khususnya pembangunan yang dijalankan di kawasan-kawasan berhampiran dengan landasan keretapi. Oleh itu pihak Kementerian Pengangkutan sedang merumuskan satu dasar untuk mendapatkan sumbangan daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab bagi membantu mengatasi masalah banjir yang melibatkan landasan-landasan keretapi di seluruh rangkaian Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja jawapan-jawapan yang sempat saya jawab dari Kementerian ini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa syor yang baik yang tidak sempat saya berikan jawapan di sini, insya Allah Kementerian saya akan mengambil tindakan dan ingatan kepada teguran-teguran yang disebutkan itu. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak menyentuh dan tidak memberi

cadangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama sepanjang perbincangan atas Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini. Bagaimanapun, saya akan menjawab perkara-perkara yang telah dibawa oleh Wakil dari Baling dan juga Wakil dari Saratok. Ini menunjukkan bahawa tidak ada perkara-perkara yang dianggap tidak begitu tersusun di dalam Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Baling supaya MARDEC meningkatkan lagi pembelian getah sekerap demi untuk mengurangkan pembaziran di samping meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah, sukacita dimaklumkan bahawa cadangan ini adalah selaras dengan kegiatan yang dijalankan oleh MARDEC sekarang, iaitu MARDEC membeli getah dari pekebun-pekebun kecil dalam bentuk susu getah dan getah sekerap untuk diproses menjadi getah SMR yang lebih bermutu. Dalam hubungan ini, usaha-usaha sedang dibuat dengan meningkatkan pembelian MARDEC di kawasan yang didapati sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan Ahli Yang Berhormat dari Saratok telah membangkitkan mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan eksploitasi pembalakan di Sarawak. Oleh sebab perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Sarawak, saya berpendapat mungkin lebih sesuai jika Ahli Yang Berhormat tersebut membawakan perkara ini kepada perhatian Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Ulu Muda telah membangkitkan masalah ketidakcukupan kemudahan LPN bagi mengendalikan padi yang setiap musim semakin bertambah dijual kepada Lembaga itu. Saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu kepada agensi di bawah Kementerian saya.

Amatlah mudah sekiranya semua keperluan keupayaan mengering dan mengilang padi di negara ini dapat diadakan oleh LPN bersendirian tanpa melibatkan pihak swasta. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak akan dapat dicapai. Pelaburan yang diperlukan adalah terlalu besar manakala industri padi dan beras jika dapat beroperasi secara cekap adalah merupakan satu bidang pelaburan yang menguntungkan. Penglibatan pihak swasta masih lagi diperlukan.

LPN kini mempunyai sejumlah 33 kompleks bersepadu manakala milik swasta berjumlah 269 buah. Pada masa ini 3 buah kompleks bersepadu LPN sedang di dalam proses pembinaan; satu di setiap negeri iaitu Perak, Selangor dan Kelantan. Beberapa projek lagi telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Yang Kelima yang dijangka memerlukan peruntukan sebanyak \$71.092 juta. Setiap satu projek melibatkan pembiayaan sebanyak antara \$10 hingga \$12 juta.

Di dalam keadaan sumber kewangan yang terhad, Kerajaan tidak bercadang untuk mengambilalih industri padi dan beras, sebaliknya pelaburan swasta masih lagi mempunyai peranan di dalam industri ini.

Ahli Yang Berhormat juga ada membangkitkan supaya pegawai-pegawai atasan di satu-satu badan berkanun seperti LPN diisikan oleh

Pegawai PTD (Pegawai Tadbir Dalam dan Luar Negeri) supaya mudah mereka ditukarkan apabila prestasi mereka menurun. Dengan ini tidak timbul masalah penempatan pegawai dari badan berkanun tertentu yang tidak dapat berkhidmat lagi seperti yang berlaku kepada pegawai-pegawai LPN di Kementerian ini sekarang. Dasar penempatan Pegawai PTD bagi mengetahui sesuatu badan berkanun adalah lebih merupakan dasar mengenai perkhidmatan kakitangan awam yang ditentukan oleh JPA. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

5.18 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan cadangan mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sukalah saya dengan ringkas memberi serba sedikit pandangan atau penjelasan mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menyentuh tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh golongan belia di negara ini serta membuat beberapa cadangan untuk mengatasinya. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memanglah sedar terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh belia pada masa kini seperti masalah pengangguran, keruntuhan moral dan kegiatan penyalahgunaan dadah. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengatur rancangan dan strategi yang bersepadu bagi membentuk generasi muda ke arah keperluan pembangunan belia dalam jangka panjang.

Matlamat Kementerian ini dalam hubungan ini adalah untuk membentuk masyarakat belia yang taat setia kepada Malaysia, berdisiplin, berdikari, bersepadu, bertanggungjawab dan produktif. Untuk mencapai matlamat ini, kita telah menentukan beberapa strategi iaitu kepimpinan, ekonomi dan bidang kerohanian yang telah diberi penekanan.

Dalam bidang kepimpinan, banyak kursus kepimpinan di peringkat Daerah, peringkat Negeri, peringkat Kebangsaan dan juga di peringkat Antarabangsa telah dilaksanakan dan akan terus diadakan bagi melahirkan pemimpin-pemimpin belia yang berpengetahuan, berkemahiran dan matang. Melalui kursus-kursus ini maka ramai juga di antara mereka telah menjadi pemimpin-pemimpin yang berkalibar di negara ini.

Dalam bidang ekonomi pula, Kementerian ini memberi perhatian dalam latihan kemahiran seperti kursus-kursus yang dijalankan di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, di Pertak dan di Kuala Terengganu. Di samping itu, Kementerian juga ada program Latihan Sambil Bekerja untuk membolehkan belia-belie yang memerlukan satu-satu kemahiran untuk dilatih di tempat bekerja masing-masing.

Kementerian saya juga ada rancangan untuk menggalakkan belia supaya berdikari serta berkecimpung dalam perniagaan dan perusahaan.

Berkenaan dengan kerohanian pula, Kementerian ini ada menjalankan beberapa kursus mengenai aspek-aspek agama dan tata negara. Di samping itu, Unit Agama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa bekerja rapat dengan Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri dan Persatuan-persatuan Belia untuk menganjurkan kursus-kursus agama. Ceramah-ceramah agama juga diberi di Pusat-pusat Latihan Belia.

Usaha-usaha untuk mencegah belia daripada terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah dan subversif juga diberi perhatian oleh Kementerian saya. Dalam masalah penyalahgunaan dadah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang merancang satu rancangan printis bagi melibatkan belia-belia dalam pemulihan bekas-bekas penagih dadah. Mereka akan dilibatkan dalam aktiviti-aktiviti bersama dengan ahli-ahli Persatuan Belia seperti aktiviti rekreasi, projek-projek kemasyarakatan dan juga projek ekonomi supaya membolehkan mereka balik ke pangkuan masyarakat dan menggunakan kemahiran yang telah diperolehi oleh mereka semasa menjalani rawatan dan pemulihan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pula telah menyentuh tentang perlunya bagi Kementerian ini menyediakan panduan bagi pemuda-pemudi serta mengadakan aktiviti-aktiviti belia yang mengeratkan integrasi antara kaum. Program-program belia di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah terbuka kepada semua kaum dan Kementerian saya juga menganjurkan kegiatan-kegiatan yang boleh memupuk persefahaman di antara ahli-ahli yang berlainan kaum dan penggalakkan keahlihan dalam pertumbuhan berbilang kaum seperti Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, St Johns dan sebagainya. Di antara aktiviti-aktiviti ini ialah kursus bengkel, khemah kerja dan lawatan sambil belajar. Tujuan utama aktiviti-aktiviti ini ialah untuk mencapai matlamat yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat dari Jerai telah menyentuh mengenai perpaduan kaum dan meminta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil perhatian di atas kewujudan Persatuan Belia yang bercorak perkauman. Saya ingin

memberi penjelasan bahawa Kementerian ini tidak menggalakkan pengwujudan Persatuan Belia yang bercorak perkauman. Tetapi sebaliknya Kementerian saya sentiasa menggalakkan Persatuan Belia membuka keahliannya kepada semua belia tanpa mengira kaum dan peruntukan mengenai perkara ini terdapat dalam Perlembagaan Persatuan Belia. Bagi persatuan-persatuan baru, ini merupakan salah satu syarat sebelum ianya dapat didaftarkan.

Oleh kerana sebab-sebab keadaan tertentu di mana satu-satu kaum terdapat di satu-satu kawasan tertentu seperti kebanyakan belia di kampung-kampung terdiri daripada keturunan Melayu, di ladang-ladang dari kaum India dan kampung-kampung baru daripada keturunan Cina, maka sukarlah untuk mewujudkan ahli-ahlinya dari belia-belia berbilang kaum.

Sebagai usaha untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mewujudkan Majlis Perundingan Belia Negara, Majlis Belia Malaysia, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah yang diwakili oleh belia-belia berbilang kaum untuk membolehkan pemimpin-pemimpin belia merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh memupuk perpaduan. Di samping itu Kementerian saya juga seperti yang telah dimaklumkan tadi sentiasa menganjurkan aktiviti-aktiviti untuk belia tanpa mengira kaum bagi mencapai matlamat yang tersebut tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Matang juga menyeru supaya Kerajaan mengadakan lebih banyak kemudahan sukan di kawasan luar bandar. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang ada program-program untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar dan bandar-bandar kecil. Semenjak

program itu dilaksanakan, Kementerian saya telah menyiapkan lebih kurang 236 projek. Oleh kerana kemelesetan ekonomi, Kementerian ini terpaksa menangguhkan pelaksanaan rancangan-rancangan ini untuk sementara waktu. Sekiranya keadaan ekonomi pulih semula, insya Allah Kementerian ini akan meneruskan pelaksanaan rancangan-rancangan seperti ini bagi membolehkan penduduk-penduduk luar bandar dan bandar-bandar kecil menyertai aktiviti-aktiviti sukan dengan lebih meluas. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

5.24 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamad Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja yang mana telah juga menyentuh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta juga agensi-agensi di bawahnya. Rata-rata Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah membangkitkan dan menyentuh soal-soal pembangunan dan pemberian kemudahan asas baik di Semenanjung, mahupun di Sabah dan Sarawak. Kepada pandangan dan teguran serta cadangan-cadangan yang telah diberikan itu saya ucapkan ribuan terima kasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi hasrat Kerajaan dan Kementerian ini untuk sentiasa berusaha bagi memenuhi permohonan dan kehendak rakyat untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Pihak Kerajaan memang

sentiasa memandang tinggi kepada sokongan-sokongan rakyat di kawasan luar bandar kepada Kerajaan dan oleh itu Kerajaan akan cuba sebolehnya memberikan pembangunan dan kemudahan asas kepada kawasan-kawasan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan terutama sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit, Saratok, Padang Terap, Bukit Mas dan Sepang kerana telah menyentuh soal-soal keperluan asas yang harus dibekalkan kepada masyarakat di luar-luar bandar di negeri masing-masing.

Kepada saranan-saranan Yang Berhormat dari Parit agar pihak Kerajaan mengambil berat soal-soal pembangunan asas di luar bandar, inginlah saya memaklumkan di sini bahawa walaupun kedudukan kewangan negara berada di dalam keadaan yang tidak begitu menggalakkan, sebanyak \$2,029.4 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat kepada negeri-negeri untuk melaksanakan program-program bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar, jalan luar bandar dan juga jalan kampung. Ini menunjukkan bahawa walaupun dalam keadaan kewangan negara yang tidak begitu mengizinkan, Kerajaan Persekutuan sebenarnya tidak mengabaikan pembangunan di kawasan luar bandar. Kepada saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perkara-perkara ini, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sedar betapa pentingnya kemudahan-kemudahan asas ini dibekalkan demi pembangunan ekonomi luar bandar dan juga bagi meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Saratok yang mahukan supaya

peruntukan ditambah lagi bagi pembangunan dan kemudahan asas di Sarawak dan juga saranan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap yang mahukan supaya kemudahan asas di kawasan Padang Terap diperhebatkan lagi, ingin saya jelaskan di sini bahawa Kementerian saya akan terus memberikan perhatian agar semua negeri-negeri di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak akan mendapat peruntukan yang lebih lagi bagi melaksanakan program-program infrastruktur di kawasan luar bandar.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan masalah-masalah prasarana di kawasan luar bandar itu, inginlah saya menegaskan di sini bahawa pihak Kerajaan telah menyusun satu strategi baru, iaitu strategi pembangunan kampung dan luar bandar untuk membangunkan kampung-kampung dan juga kawasan-kawasan di luar bandar sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Kaedah dan pendekatan yang baru ini sekali gus akan meningkatkan lagi pengeluaran ladang, pendapatan petani-petani dan penduduk-penduduk luar bandar di samping ianya juga akan meningikan taraf keselesaan dan kesejahteraan hidup yang secara am memodenkan lagi sektor luar bandar dengan penyediaan kemudahan prasarana tanpa melibatkan pembukaan tanah baru dan perbelanjaan yang besar kepada Kerajaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini pihak Kerajaan Negeri sedang merancang dan ada juga yang telah melaksanakan satu atau dua projek printis yang menggunakan hala cara baru ini. Terdapat beberapa agensi Kerajaan yang terlibat mengikut keperluan negeri masing-masing. Projek-projek tersebut adalah diselenggarakan oleh pihak Setiausaha Kerajaan di negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya dengan adanya hala cara baru ini dari segi pembangunan, maka kawasan-kawasan luar bandar akan dapat dibangunkan dengan lebih pesat dan berkesan lagi. Setakat ini kita telah mengenalpasti sebanyak 27 buah kawasan-kawasan untuk dibangunkan dan kawasan-kawasan ini telah dipilih oleh Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok yang memohon kerjasama pihak Kerajaan Pusat untuk melaksanakan prasarana di kawasan beliau sukalah saya menyatakan bahawa peruntukan bagi Sarawak bagi tahun 1985 ini adalah merupakan diantara peruntukan-peruntukan yang paling tinggi diberikan iaitu sebanyak lebih kurang \$21 juta. Bekalan Air Luar Bandar \$1.5 juta; Bekalan Letrik Luar Bandar \$12.5 juta; Jalan Luar Bandar \$3.393 juta dan Projek Jalan Kampung \$3.45 juta.

Dengan adanya hala cara baru pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar ini, kita berharap bahawa peruntukan-peruntukan ini akan dapat digunakan dengan lebih berkesan lagi bagi membangunkan kawasan-kawasan luar bandar. Dengan lain kata, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan lebih memperhebatkan lagi perlaksanaan, kemudahan-kemudahan asas di kawasan luar bandar apabila Kerajaan memulakan Rancangan Malaysia Kelima yang akan bermula pada tahun 1986 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Tampin yang telah menyarankan supaya MARA bekerjasama dengan pihak FELDA bagi mewujudkan peniaga-peniaga kecil setempat agar pengaliran wang keluar daripada kawasan FELDA tidak berlaku. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan ingin

saya tegaskan di sini bahawa MARA adalah merupakan agensi yang telah diberi tanggungjawab khusus bagi membangunkan masyarakat bumiputera di bidang perdagangan dan juga perusahaan. Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MARA bukanlah hanya tertumpu di kawasan-kawasan bandar tetapi juga meliputi kawasan-kawasan di luar bandar termasuk juga kawasan-kawasan FELDA.

Peranan MARA sebagaimana yang telah kita ketahui adalah untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pinjaman perniagaan, khidmat-nasihat dan bimbingan serta perkhidmatan kenderaan bas MARA bagi memajukan perniagaan yang diusahakan oleh usahawan-usahawan di kawasan FELDA.

Saya juga difahamkan bahawa FELDA telah bergiat dalam lapangan perniagaan melalui Perbadanan Niaga FELDA. Badan tersebut telah menumpukan kegiatannya untuk meluaskan rangkaian pengedaran barang-barang pengguna di kalangan peneroka dan mengendalikan gerai-gerai peniaga skim FELDA. Oleh hal yang demikian, kepada saranan Ahli Yang Berhormat dari Tampin itu, inginlah saya menerangkan di sini bahawa pihak MARA memanglah bersedia untuk bekerjasama dengan pihak Perbadanan Niaga FELDA dalam usaha menjayakan perniagaan, agar pengaliran keluar wang peneroka dari kawasan-kawasan berkenaan tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saranan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang dan Parit mengenai Projek Bahagian Industri Kampung, Kementerian ini; inginlah saya memaklumkan bahawa Kementerian saya memang bercadang untuk memperbanyakkan industri-industri kampung di kawasan-kawasan luar bandar supaya pengwujudannya benar-benar dapat memberikan peluang pekerjaan di samping

memberi pendapatan tambahan kepada penduduk-penduduk kampung. Walau bagaimanapun, sesuatu projek industri kampung yang hendak diwujudkan itu perlulah diambil kira dan mempertimbangkan bahawa barang-barang yang dikeluarkan mempunyai pasaran.

Kepada saranan Ahli Yang Berhormat dari Tampin juga inginlah saya jelaskan di sini bahawa Kementerian saya telah pun melancarkan satu kempen kesedaran Rancangan Pembangunan Industri Kampung dan KARYANEKA yang telah diadakan secara besar-besaran pada 27-5-1983 yang lalu yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Semenjak dari tarikh itu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, khususnya Bahagian Industri Kampung sendiri sentiasa mengadakan dialog, ceramah-ceramah dan taklimat-taklimat penerangan di peringkat negeri dan daerah agar peranan industri kampung dapat diketahui oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan projek industri kampung, Kementerian ini memang memberi perhatian yang serius kepada usaha-usaha untuk mempertingkatkan pengeluaran dan pemasaran barang kraft. Kementerian melalui agensi-agensinya mengadakan pameran barang-barang kraftangan di dalam dan luar negeri. Dan di samping itu berusaha memberi semangat kepada penduduk luar bandar supaya mengeluarkan hasil-hasil yang cukup dan bermutu tinggi bagi pasaran-pasaran berkenaan. Oleh itu, pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memang dari masa ke semasa akan berusaha dan berikhtiar untuk menarik dan menanamkan minat di kalangan penduduk-penduduk tempatan dan luar bandar agar menggunakan masa yang terluang bagi mengeluarkan barang-barang

kraftangan di kalangan mereka dengan tujuan dapat memberi peluang-peluang pekerjaan dan juga pendapatan tambahan di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Industri Kampung, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung Sdn. Bhd. (SPPIK) yang telah ditubuhkan kira-kira dua tahun yang lalu telah diberi tugas khusus untuk membangun dan memajukan industri kampung.

Dengan adanya kerjasama di antara SPPIK dan sebuah syarikat dari luar negeri, satu perjanjian telah ditandatangani untuk menubuhkan kilang-kilang di kampung-kampung untuk membantu dalam pengeluaran dan pemasaran barang-barang yang diperbuat dari sumber tempatan. Sebanyak 50 buah kilang akan didirikan pada masa yang akan datang ini melalui tiga peringkat iaitu peringkat pertama sebanyak 11 kilang, peringkat kedua 29 kilang dan peringkat ketiga 10 buah kilang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, program yang telah diatur ini akan dikenali sebagai Projek Mempercepatkan Pembangunan Industri Kampung atau dalam bahasa Inggeris dengan izin, "Accelerated Village Industries Development. Di antara kilang-kilang yang akan ditubuhkan adalah merupakan kilang-kilang yang akan memproses barang-barang tempatan daripada kayu, rotan, buluh dan tanah liat. Adalah diharapkan dengan wujudnya dan berjayanya program-program ini kelak akan dapat memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan di mana kilang-kilang tersebut akan didirikan di samping dapat memiliki saham dalam syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saranan-saranan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di dalam Dewan yang mulia ini yang tidak sempat saya jawab, ianya akan tetap diberikan perhatian yang khusus oleh Kementerian dan insya Allah, perkara-perkara yang dibangkitkan itu akan diambil kira dan perhatian dan sekiranya dapat dilaksanakan ianya akan cuba dilaksanakan oleh Kementerian saya dengan seberapa cepat yang mungkin. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pelajaran.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya memulakan ucapan ini dengan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan pendapat berkaitan dengan pendidikan dan kementerian saya semasa membahaskan usul terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah mencadangkan supaya sekolah-sekolah mengadakan kempen kegunaan barang-barang buatan Malaysia. Dalam perkara ini sukacita saya memaklumkan bahawa kempen yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya sedang dijalankan di sekolah-sekolah.

Kementerian Pelajaran telah dilantik untuk mengetahui Jawatankuasa Petugas Pendidikan Kempen Belilah Barang-barang Buatan Malaysia oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Beberapa peraduan oleh murid-murid

sekolah sedang dianjurkan oleh jawatankuasa, ini di antaranya ialah pertama peraduan melukis poster bagi murid-murid sekolah rendah dan menengah; kedua, peraduan karangan bagi murid-murid sekolah dan menengah dan ketiga, peraduan syarahan bagi murid-murid sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, peraduan-peraduan ini diadakan di peringkat daerah, negeri, zon dan di peringkat kebangsaan. Peringkat akhir peraduan ini akan diadakan pada bulan Jun 1985 dan hadiah-hadiah akan disampaikan dalam minggu Kempen Belilah Barang-barang Buatan Malaysia dalam bulan Ogos tahun ini. Tujuan peraduan ini, Tuan Yang di-Pertua, antara lain ialah untuk menanamkan semangat suka membeli barang-barang buatan Malaysia di kalangan murid-murid sekolah kita.

Selain daripada peraduan-peraduan yang saya sebutkan tadi, murid-murid sekolah juga akan diberi peluang untuk melawat kilang-kilang yang mengeluarkan barang-barang tempatan supaya murid-murid kita akan berpeluang mengenali barang-barang keluaran tempatan. Lawatan-lawatan ini akan dianjurkan dalam Minggu Kempen Belilah Barang-barang Buatan Malaysia. Murid-murid sekolah juga akan digalakkan untuk melawat pameran barang-barang buatan Malaysia yang akan diadakan sepanjang kempen ini dijalankan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh perkara prestasi murid-murid bumiputera dalam peperiksaan SPM tahun 1984.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian saya memang sentiasa berusaha untuk memperbaiki prestasi dan kualiti pencapaian pelajar-pelajar bumiputera.

Kementerian saya juga sentiasa mengikuti perkembangan prestasi mereka dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang dikesan. Di antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran termasuklah penempatan pelajar-pelajar dari luar bandar ke sekolah-sekolah berasrama penuh atau Sekolah Menengah Sains dan ke sekolah-sekolah yang tertentu di bawah rancangan khas. Di sekolah-sekolah tersebut murid-murid ini berpeluang belajar dengan suasana dan kemudahan-kemudahan yang menggalakkan pencapaian yang baik. Di sekolah-sekolah tersebut murid-murid berpeluang belajar dengan suasana dan kemudahan yang baik dan usaha-usaha juga sentiasa dijalankan untuk menemui sistem pembelajaran dan strategi-strategi pengajaran yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah-sekolah luar bandar pula, saya telah mengarahkan pegawai-pegawai saya memberi perhatian dan tumpuan yang lebih dari yang lalu kepada sekolah-sekolah tersebut, dengan ini sekolah-sekolah di luar bandar diberi keutamaan dalam peruntukan kewangan, projek-projek pembangunan dan bekalan guru-guru dan kemudahan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur bandar telah mencadangkan supaya lebih banyak tempat untuk pelajaran tinggi diadakan di negara kita, memandangkan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang hendak melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari akan masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu, oleh sebab itulah maka Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menambahkan pengambilan pelajar-pelajar di universiti-universiti

tempatan serta membuka kampus-kampus cawangan seperti di Sabah, Sarawak dan Kelantan, kursus-kursus baru juga diadakan dari masa ke semasa supaya lebih ramai pelajar-pelajar kita mengikuti kursus tersebut di negara kita sendiri.

Saya akui langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan ini memang tidak dapat menampung kesemua pelajar yang ingin mengikuti pelajaran tinggi dalam negeri kita sendiri, tetapi saya ingin menegaskan bahawa langkah-langkah ini diambil dengan mengambilkira kedudukan kewangan negara kita pada masa ini dan mungkin di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang menyatakan Kerajaan kita bersikap passive terhadap keputusan Kerajaan Australia menaikkan yuran bagi pelajar-pelajar asing. Kerajaan memang memandang berat ke atas kenaikan yuran ini oleh kerana ia menimbulkan kesukaran kepada pelajar-pelajar kita yang terlibat, oleh kerana itu Kerajaan kita telah mengadakan perbincangan pada peringkat Ketua Kerajaan dengan Kerajaan Australia dengan tujuan mendesak mereka menimbangkan semula perkara kenaikan yuran ini. Dengan itu adalah jelas bahawa kita tidak bersikap passive dalam perkara ini, sebaliknya kita telah bertindak dengan sewajarnya.

Kepada saranan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya kita mengambil tindakan ke atas Australia sama ada dengan tindakan kita ke atas Great Britain sama semasa negara tersebut menaikkan yuran bagi pelajar-pelajar asing dahulu, saya ingin menjelaskan bahawa hubungan kita dengan Great Britain dan Australia adalah berlainan. Great Britain mempunyai ikatan

sejarah yang lama dengan negara kita, padahal Australia tidak mempunyai ikatan sejarah yang serupa dengan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Tetap telah menyatakan bahawa kawasan beliau merupakan salah satu daripada 20 buah kawasan yang termundur di Malaysia dan memerlukan di antara lain pembinaan lebih banyak sekolah menengah dan asrama bagi kemajuan penduduk-penduduknya. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa Kementerian saya memang telah memberi perhatian kepada kawasan Ahli Yang Berhormat itu, malah bukan hanya kawasan Ahli Yang Berhormat tetapi kawasan-kawasan yang lain.

Kementerian saya telah mengenalpasti dua tempat di Padang Terap di mana pembinaan 2 buah sekolah menengah dicadangkan dan 2 lagi tempat di mana pembinaan 2 buah asrama sekolah menengah dicadangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Pontian juga ingin mengetahui mengapa pembinaan bangunan sekolah-sekolah secara package deal tergendala di beberapa tempat dan meminta projek ini segera disambung supaya murid-murid dapat belajar dengan sempurna. Saya tidak menafikan bahawa terdapat beberapa projek pembinaan sekolah di bawah sistem package deal telah lewat disiapkan, tetapi ini bukanlah disebabkan oleh sistem itu sendiri, kelewatan ini timbul kerana masalah pengurusan kewangan atau cuaca yang dihadapi oleh beberapa orang kontraktor yang berkenaan, Kementerian Pelajaran akan berusaha meneruskan pembinaan bangunan sekolah-sekolah sehingga siap.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mendakwa Kementerian Pelajaran telah melaksanakan sesuatu dasar

sebelum berunding dengan pihak-pihak berkenaan, dakwaan ini adalah tidak benar.

Dalam melaksanakan sesuatu dasar, Kementerian Pelajaran biasanya menjemput pihak-pihak tertentu serta pakar-pakar dalam bidang-bidang berkenaan untuk berbincang dan mendapatkan pandangan-pandangan mereka sebelum sesuatu dasar diputuskan secara muktamad untuk dilaksanakan. Secara jelasnya sesuatu perubahan yang hendak dibuat telah diluluskan melalui perbincangan beberapa Jawatankuasa bagi memastikan perubahan-perubahan dan dasar-dasar itu dapat berjalan dengan baik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kinta telah meminta Kementerian Pelajaran memberi perhatian kepada guru-guru yang tidak mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM, supaya mereka diletakkan di dalam jawatan tetap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah menjadi peraturan di dalam Perkhidmatan Awam dan juga sebagaimana yang disyaratkan di dalam surat tawaran, seorang pegawai akan disahkan dalam jawatannya setelah mempunyai kelulusan kepujian Bahasa Malaysia di peringkat SPM.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah menyatakan bahawa beliau kurang puas hati dengan pencapaian murid-murid di Sarawak dalam peperiksaan SRP dan SPM. Beliau telah memberikan pendapat tentang timbulnya keadaan ini dan juga memberi beberapa cadangan untuk memperbaikinya.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan peperiksaan SPM di Sarawak menurun sedikit bagi tahun 1984, tetapi bagi peperiksaan SRP keputusannya di Sarawak sebenarnya bertambah baik berbanding dengan tahun 1983.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas atas cadangan beliau itu untuk memperbaiki prestasi pelajar-pelajar di Sarawak. Cadangan-cadangan ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk Kementerian saya dan malah oleh saya sendiri sebagai seorang yang berasal daripada negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pontian yang memberi sedikit penghargaan di atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan pengajaran tulisan jawi di sekolah-sekolah. Kementerian Pelajaran telah pun memastikan tulisan jawi diajar kepada semua murid-murid Islam di tahun 3 KBSR. Kementerian Pelajaran juga telah pun menyediakan buku panduan khas pelajaran jawi untuk kegunaan guru-guru, kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru mengajar tulisan jawi juga diadakan. Langkah-langkah ini secara kebetulan adalah selaras dengan rumusan-rumusan yang telah dicapai dalam kongress tulisan jawi di Kuala Terengganu pada tahun 1984 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengadakan bahawa pusat-pusat pengajian tinggi kita telah menjadi pusat pertentangan antara golongan pelajar dan telah memberi beberapa sebab.

Saya tidak setujulah dengan pendapat Ahli Yang Berhormat ini, memang terdapat perasaan tidak puas hati di kalangan setengah-setengah pelajar mengenai berbagai perkara. Ini tidak dapat dielakkan dan boleh berlaku di mana-mana sahaja dan tidak khusus di pusat-pusat pengajian tinggi sahaja. Kita harus ingat bahawa di pusat-pusat pengajian tinggi dilatih, di

antara lain, untuk mengkaji sesuatu dengan sikap yang kritis, tetapi ini tidaklah bermakna pelajar-pelajar kita telah menjadikan pusat pengajian tinggi sebagai pusat pertentangan antara golongan. Mereka ini ialah manusia biasa, jadi memanglah semestinya seseorang ataupun golongan manusia yang mencapai satu taraf umur yang tertentu mempunyai pandangan yang lain dan bertentangan di antara satu dengan lain. Ini boleh kita kira sebagai satu kemajuan juga kerana kalaulah seseorang itu atau golongan itu tidak mempunyai apa-apa pandangan, buah fikiran dan sebagainya maka tidak dapatlah kita mengharapkan sesuatu kemajuan daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah jawapan dan ulasan daripada saya kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya dan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja kali ini. Saya ingin juga menyatakan bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi yang tidak sempat saya sentuh dalam jawapan saya tadi akan juga diberi perhatian oleh Kementerian saya.

Memasang pukut di bulan terang,
Ikan dimuat ke dalam bakul;
Memang berat mata memandang,
Lebih berat bahu memikul.

Menjual papan kayu berkilat,
Hari Jumaat pergi ke huma;
Walaupun penjelasan tak sempat
kami buat;
Pendapat-pendapat Ahli Yang
Berhormat tetap berguna.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Penerangan.

5.51 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Dua orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan beberapa perkara yang memerlukan jawapan khusus.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menimbulkan ketidakpuasan rancangan yang disiarkan antara masa azan Maghrib dan Berita. Beliau mencadangkan supaya rancangan sesuai sahaja disiarkan antara masa tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, sukalah dinyatakan bahawa rancangan-rancangan TV yang disiarkan antara waktu Maghrib dan Berita telah dirombak kembali baru-baru ini. Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda menegur rancangan-rancangan komedi seperti "Here's Lucy", "WKRP in Cincinnati", "M.A.S.H."; "Facts of Life", "The Jeffersons" dan sebagainya yang disiarkan antara pukul 7.30 dan 8.00 malam. Rancangan-rancangan ini telah pun dikeluarkan dari jadual waktu itu dan waktu antara azan Maghrib dengan Berita hanya diisi dengan rancangan-rancangan nasyid, rencana dan pengetahuan am yang bertema serius.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang pula dalam ucapannya berkenaan nilai-nilai Islam telah menyentuh perkara seorang Pembaca Berita TV ditukarkan ke bahagian lain kerana ia memakai tudung. Berhubung dengan hal ini eloklah saya terangkan dahulu kedudukannya. Yang sebenarnya dua orang, bukan seorang Pembaca Berita TV telah ditukar bertugas ke Bahagian Radio dan secara kebetulan salah seorang daripada

mereka memakai tudung. Saya ingin tegaskan di sini bahawa penukaran kedua orang Pembaca Berita itu adalah atas sebab-sebab perkhidmatan semata-mata dan tidak ada kaitan langsung dengan pemakaian tudung. Berhubung dengan perkara ini Kementerian saya telah berunding beberapa lama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dengan tujuan meningkatkan taraf jawatan Pembaca Berita TV kepada Kumpulan Ikhtisas, iaitu Kumpulan A. Dengan itu diharapkan Pembaca Berita tidak hanya membaca, tetapi adalah seorang wartawan yang mempunyai pengkhususan dalam berita, seperti yang berlaku di stesen-stesen TV di luar negeri. Dengan hal yang demikian, Pembaca Berita diharapkan akan menjadi penyampai dan pengulas berita yang mempunyai kepakarannya sendiri selaku seorang, dengan izin, "news caster" sebagai bertentangan dengan "news reader" semata-mata. Jabatan Perkhidmatan Awam telah bersetuju dengan cadangan ini. Akhirnya tahun lalu 8 jawatan Penyampai Berita bertaraf Kumpulan A22 telah diwujudkan. Oleh itu, Pembaca Berita yang dipinjamkan buat sementara dari Radio dalam Kumpulan C telah ditukar balik ke Bahagian Radio kerana mereka yang dalam Kumpulan C tidak boleh diserapkan ke dalam jawatan A22 yang telah diwujudkan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun pegawai berkenaan yang bertudung itu tidak lagi menyampaikan berita, tetapi beliau masih muncul mengambil bahagian di kaca TV dalam rancangan yang lain, misalnya rancangan "Selamat Pagi Malaysia", insya Allah.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu mengenai usaha media Kerajaan seperti radio dan televisyen untuk mendidik rakyat mengenai masalah-masalah Kerajaan, terutamanya

masalah-masalah kewangan negara, saya ingin memaklumkan bahawa setengah daripada aspek yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan telah pun termasuk di dalam rancangan-rancangan seperti "Isu", "Tahukah Anda" dan "Ehwal Semasa".

Berhubung dengan penerimaan rangkaian RTM di Lawas dan Limbang yang pada masa ini tidak terang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, saya ingin menjelaskan bahawa rancangan untuk meningkatkan mutu siaran di kawasan Lawas dan Limbang telah pun termasuk di dalam projek menyeluruh untuk meluaskan kawasan siaran TV Malaysia dan memperbaiki penerimaan siaran TV di kawasan yang kurang baik siaran TV. Hal ini bergantung kepada peruntukan yang ada. Adalah dijangkakan perkara ini akan siap pada penghujung tahun 1985. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Buruh Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

5.57 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa teguran, pandangan dan cadangan mengenai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah meminta Kerajaan mengkaji semula penubuhan institusi-institusi latihan di bawah badan-badan berkanun, contohnya seperti Pusat Latihan FELDA Input di Trolak dan Pusat Latihan RISDA di Kuala Lumpur. Beliau menerangkan supaya

institusi-institusi ini dipusatkan untuk mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Institut Pembangunan Tanah atau Input di Trolak, Perak telah dibina dan memulakan khidmatnya pada awal tahun 1977. Ianya lahir dari dua kajian yang menyeluruh mengenai keperluan latihan FELDA. Kajian telah dimulakan dari tahun 1972 dan 1975. Hasil kajian menunjukkan perlunya ada satu institusi latihan yang lengkap disediakan untuk kakitangan peringkat pertengahan dan atasan. Institut ini telah dibina melalui kerjasama pihak UNDP dan FAO serta bantuan British Technical Aid di bawah Rancangan Colombo. Institut Pembangunan Tanah atau Input ditubuhkan dengan objektif-objektif antara lainnya ialah untuk:

- (1) melatih kakitangan-kakitangan di peringkat menengah dan atasan FELDA dan lain-lain agensi pembangunan tanah bagi membolehkan mereka melaksanakan dengan lebih berkesan program pembangunan tanah dan penempatan yang dirancangan;
- (2) merancang dan melaksanakan program penyelidikan sosio ekonomi mengenai masalah pembangunan tanah dan penempatan dengan tujuan untuk menggunakan hasil kajian itu sebagai panduan dalam menentukan dasar di masa hadapan.

Saranan daripada Yang Berhormat untuk mengurangkan bebanan kewangan dengan memusatkan institusi-institusi latihan itu adalah baik, tetapi untuk makluman Yang Berhormat, Institut Pembangunan Tanah atau Input mempunyai peranannya yang tersendiri yang perlu dimainkan dalam usaha pembangunan negara.

Yang Berhormat dari Saratok telah menggesa Kerajaan, iaitu Agensi-agensi Pembangunan Tanah Kerajaan membangunkan tanah-tanah, terutamanya tanah yang terbiar di Sarawak. Seterusnya Yang Berhormat juga telah menggesa Kerajaan di samping mengabaikan keperluan pembangunan manusia, yakni keperluan bagi penerusan sosial dan kebudayaan dalam konteks integrasi nasional. Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung dengan pembangunan tanah di Sarawak, setakat ini FELDA telah mengenal pasti 5,000 ekar kawasan yang boleh dimajukan. Bagi mewujudkan unit yang ekonomik, FELDA sedang berunding untuk mendapatkan 10,000 ekar lagi daripada Kerajaan Negeri Sarawak.

Mengenai tanah terbiar, Sarawak sendiri mempunyai satu agensi yang tugasnya hampir sama dengan FELCRA, iaitu Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority, dengan izin. Setakat ini FELCRA terlibat dengan Sarawak cuma untuk Kawasan Keselamatan iaitu RASCOM sahaja.

Berhubung dengan pembangunan manusia, Kementerian saya memang sedar tentang keperluan pembangunan manusia dari segi sosial dan mental para peneroka. Semua agensi-agensi pembangunan tani dan pembangunan di Wilayah pada masa ini menghadapi beberapa masalah sosial yang perlu dicari jalan untuk mengatasinya. Masalah tersebut adalah kesan daripada kejayaan pembangunan yang begitu pesat yang disediakan oleh agensi-agensi tersebut kepada peneroka-peneroka, peserta-peserta.

Menyedari kepada masalah-masalah pembangunan sosial maka Kementerian saya telah mengambil langkah membantu agensi-agensi dan mengeluarkan arahan-arahan serta panduan. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ialah

mengadakan Jawatankuasa Pembangunan Sosial dan Institusi. Fungsinya ialah menyelaraskan aktiviti-aktiviti program, pembangunan sosial dan perancangan dan termasuklah pembinaan infrastruktur sosial dan fizikal di rancangan yang dibangunkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian ini. Selaras dengan ini Kementerian saya telah mewujudkan satu unit yang khusus sebagai Unit Pembangunan Sosial dan Institusi untuk mengurussetiakan Jawatankuasa Pembangunan Sosial dan Institusi di Kementerian saya. Penubuhan unit ini amat penting untuk bekerjasama dengan unit-unit pembangunan sosial yang tersedia ada yang telah diluaskan fungsinya untuk meliputi pembangunan institusi di peringkat agensi-agensi. Di samping itu melalui unit ini juga Kementerian akan menjalankan kajian penilaian dan pembentukan dasar-dasar pembangunan sosial dan institusi yang akan dipatuhi oleh agensi-agensi pembangunan tanah dan pembangunan wilayah.

Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan mengenai jurang perbezaan dan pembangunan yang tidak seimbang di antara wilayah dan negeri masih lagi wujud sungguhpun sudah banyak program pembangunan wilayah dilancarkan melalui agensi-agensi pembangunan wilayah.

Untuk maklumat Yang Berhormat, Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah merupakan sebahagian sahaja usaha membaiki jurang perbezaan sosio-ekonomi antara negeri-negeri. Lembaga-lembaga Wilayah mempunyai kawasan operasi yang telah ditetapkan seperti DARA (Kawasan Pahang Tenggara), KEJORA (Kawasan Johor Tenggara), KETENGAH bagi Terengganu Barat dan KESEDAR bagi Kelantan Selatan.

Dalam kawasan operasinya selain dari Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah, agensi-agensi lain termasuk agensi-agensi di bawah Kementerian saya seperti FELDA, FELCRA dan RISDA bertanggungjawab membangunkan kawasan. Kawasan-kawasan operasi Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah yang mundur dan ketinggalan dari segi pembangunan. Dalam memajukan kawasan-kawasan tersebut, strateginya ialah pembukaan tanah untuk pertanian. Kedua, pembinaan pusat-pusat pertumbuhan yang dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan moden seperti bekalan elektrik, air, jalan dan sebagainya. Ketiga, pembangunan perniagaan dengan menyediakan ruang-ruang niaga seperti gerai, kedai dan sebagainya. Keempat, mengadakan kemudahan-kemudahan sosial seperti sekolah, klinik, Pejabat Pos, masjid dan sebagainya. Kelima, menggalakkan industri-industri dengan menyediakan tapak-tapak perindustrian serta juga menggalakkan perusahaan kecil yang menggunakan sumber-sumber tempatan. Keenam, strategi-strategi ini adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan juga untuk meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya penduduk-penduduk luar bandar.

Sungguhpun pencapaian fizikal Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah pada keseluruhannya tidak begitu menggalakkan kecuali pembangunan pertanian, tetapi apa yang penting ialah bahawa agensi-agensi tersebut telah dapat membuka satu kawasan yang agak luas dan mempunyai potensi pembangunan yang baik. Infrastruktur asas yang dilaksanakan telah meningkatkan accessibility kawasan-kawasan tersebut. Kini Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah harus memainkan peranan yang lebih sebagai penyelaras dan mengadakan program-program untuk menggalakkan pihak-pihak lain terutamanya pihak swasta

untuk membangunkan kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan di atas Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mendakwa bahawa Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) mengambil masa yang terlalu lama untuk meluluskan sesuatu hasil keluaran industri.

Saya ingin menjelaskan bahawa proses untuk mendapatkan kelulusan atau pengesahan dari SIRIM melibatkan prosedur-prosedur yang tertentu. SIRIM dikehendaki menyasat proses perkilangan kaedah-kaedah untuk kawalan kualiti serta menyeraman kualiti sesuatu produk. Prosedur itu tentu akan mengambil masa. Tempoh untuk mendapatkan pengesahan atau kelulusan SIRIM boleh dikurangkan dengan kerjasama daripada semua pihak pengilang seumpamanya menentukan semua maklumat yang dikehendaki disediakan, mematuhi garis-garis panduan SIRIM serta menentukan bahawa sistem kawalan kualiti yang baik diamalkan di dalam kilang-kilang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mengatakan bahawa barangan tempatan tidak perlu mendapat kelulusan SIRIM dan dalam pada itu saya ingin menjelaskan bahawa bagi produk yang dikeluarkan di Malaysia, skim pengesahan SIRIM adalah secara sukarela kecuali bagi beberapa produk

yang tertentu, sama ada produk itu dikeluarkan dengan modal tempatan atau asing, iaitu yang berkaitan dengan keselamatan awam seperti barangan elektrik dan alat kelengkapan rumah. Produk-produk seumpama itu diwajibkan untuk mendapatkan pengesahan SIRIM.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mendakwa bahawa double standard, dengan izin, diamalkan dengan tidak menghukum pengeluar tempatan yang tidak mendapat kelulusan SIRIM untuk barangan keluaran mereka, manakala pelabur asing mesti berbuat demikian. Ingin saya menegaskan bahawa Kerajaan tidak mengamalkan "double standard" oleh kerana skim pengesahan SIRIM adalah untuk menentukan bahawa barangan yang diimport dari luar negeri adalah bermutu tinggi dan selamat untuk digunakan oleh orang ramai. Tambahan pula, pengesahan SIRIM diperlukan supaya adanya kawalan untuk mencegah pelabur asing dari mencampakkan atau membuang barangan-barangan yang bermutu rendah atau tidak selamat digunakan di dalam pasaran Malaysia. Ia akan mencegah negara ini dari dijadikan dumping ground, dengan izin, bagi negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal perlindungan bagi hakcipta, ingin saya memaklumkan bahawa satu Akta yang dinamakan Akta Paten, 1984 telah pun diluluskan oleh Parlimen dan dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Akta itu akan memberi perlindungan yang secukupnya kepada pencipta-pencipta atau lain-lain pakar yang ingin mengeluarkan ciptaan-ciptaan baru atau inovasi sains dan teknologi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pertanian.

6.08 ptg.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Bismillahir-rahmannir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian dan teguran terhadap sektor pertanian khususnya Kementerian Pertanian.

Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda masih menaruh minat yang besar terhadap isu padi IR 42.

Sebenarnya sepertimana yang dijelaskan di Dewan ini IR 42 itu tidak pernah pun digalakkan secara rasmi atau diumumkan secara rasmi oleh MARDI. Tetapi setelah melihat hasilnya yang begitu tinggi petani-petani sendiri telah merasa yakin tentang jenis padi tersebut dan oleh yang demikian secara meluas menanam benih-benih padi jenis IR 42. Walaupun ada sedikit sebanyak masalah yang timbul berbangkit dengan isu IR 42 ini tetapi secara positif kita harus bersyukur kepada Allah s.w.t., kerana jenis ini telah dapat mengelakkan daripada penyakit bena perang dan juga penyakit merah (PMV). Kementerian sekarang tidaklah menggalakkan petani-petani menanam jenis IR 42 walaupun petani-petani tidaklah boleh dilarang daripada terus menanam benih ini terutama yang telah pun mempunyai benih-benih sendiri.

Pihak MARDI telah pun menggalakkan benih yang baru MR 73 yang kita namakan dengan nama "makmur", mudah-mudahan akan memberikan kemakmuran kepada petani-petani. Saya harap dengan penjelasan ini dapatlah perhatian dan persetujuan rakan-rakan yang nampaknya begitu keluh kesah tentang masalah IR 42 ini.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah membangkitkan masalah nelayan pantai. Memang ada satu rancangan yang lebih teliti dengan peruntukan yang lebih untuk membela hidup dan taraf sosio-ekonomi nelayan-nelayan pantai dan beberapa langkah dan program khusus telah pun diumumkan dan insya Allah akan terus di jalankan. Sebahagian kecil daripada mereka tentunya terpaksa dipindahkan ke sektor lain.

Ahli Yang Berhormat dari Seratok menimbulkan soal subsidi tanaman seperti koko agar dapat diteruskan. Sepertimana yang kita sedia maklum dasar Kerajaan sekarang adalah tidak menggalakkan pemberian subsidi sebegitu banyak. Akan tetapi, sektor pertanian terutama bagi faedah petani-petani dan nelayan-nelayan yang berpendapatan kecil tentunya berbagai bentuk subsidi terpaksa diteruskan. Walau bagaimanapun, bentuk pemberian subsidi tanaman koko sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seratok itu tidak dapat dikeluarkan. Insya Allah kita dapat memberi jaminan supaya bentuk-bentuk kemudahan yang lain sama ada dari segi infrastruktur, dari segi kemudahan khidmat nasihat, dari segi kemudahan memperkenalkan benih yang baik dan juga dari segi beberapa kemudahan lain yang kecil, insya Allah dapat diberikan kepada petani-petani kerana sepertimana juga kita sedia maklum tanaman koko dianggap tanaman utama bagi negara kita dan lebih-lebih lagi sekiranya tanaman koko itu diselang-seli di kawasan kelapa.

Ahli Yang Berhormat dari Tampin menyebut tentang peluang-peluang petani-petani yang menjalankan aktiviti pertanian yang bercorak komesyel. Dan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ini dihubungkan dengan peranan Bank Pertanian Malaysia agar dapat memberikan

bantuan pinjaman kewangan dengan kadar faedah yang lebih rendah. Bank Pertanian Malaysia telah pun memperkenalkan suatu cara baharu supaya dapat memberikan faedah dan kemudahan yang lebih kepada petani-petani dan nelayan-nelayan yang berpendapatan rendah dengan mengenakan wang perkhidmatan semata-mata mengikut peraturan dan kehendak syariah Islamiah dan untuk peringkat-peringkat seterusnya kajian yang teliti sedang dilakukan. Mudah-mudahan dengan bantuan tersebut melalui Pertubuhan Peladang, kawasan kegiatan-kegiatan komesyel akan dapat dijalankan.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa langkah-langkah yang lebih telah diambil untuk memberikan kesempatan kepada pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan, negeri dan juga NAFAS agar dapat mengendalikan pembahagian baja padi dan semua projek-projek kecil yang dapat dijalankan oleh petani-petani di peringkat mereka masing-masing. Dengan cara sedemikian taraf hidup mereka dan juga keuntungan yang akan diperolehi oleh PPK ini akan dapat ditambah. Kementerian juga menggalakkan penyertaan yang lebih dari kalangan pihak swasta supaya penglibatan mereka dalam bidang pertanian secara komesyel dapat dijalankan dengan lebih licin dan teratur, dengan syarat pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan dilibatkan bersama supaya mempunyai ekuiti saham dalam syarikat-syarikat tersebut.

Mengenai syor wakil dari Parit supaya diadakan kemudahan pemasaran di setiap kawasan yang mempunyai masalah pemasaran, Kementerian menerima baik saranan itu dan akan meminta supaya FAMA menyediakan kemudahan-kemudahan di tempat-tempat lain yang perlu. Sekarang ini FAMA mengawasi perjalanan pemasaran walaupun kita

dapati ada terdapat kelemahan-kelemahan yang mesti diperbaiki secara tegas oleh pegawai-pegawai FAMA. Saya ucapkan terima kasih atas kesudian Ahli Yang Berhormat membuat teguran tersebut.

Dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai mengenai pertindihan fungsi di antara Jabatan Pertanian dan LPP dalam melaksanakan sistem 2L tidak keseluruhannya tepat. Walaupun kita mengambil satu sikap terbuka kerana kita sedia maklum bahawa kadangkala agensi-agensi Kementerian Pertanian yang banyak yang mengawasi satu kawasan, asa ketikanya didapati bertindih. Memang terdapat usaha-usaha yang berterusan di peringkat Kementerian untuk memastikan agar perkara tersebut tidak diulangi. Tetapi senarai dasarnya eloklah saya tekankan bahawa aktiviti pengembangan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian mungkin meliputi kawasan-kawasan projek LPP tetapi pegawai LPP ditugaskan untuk projek-projek khusus di sekitar kawasan tersebut sahaja.

Jadi kalau pun ada terdapat kawasan yang tertentu dimana berlakunya pertindihan, saya tidak jangka bahawa perkara ini boleh dianggap serius. Begitu juga cadangan tentang penglibatan jentera dan agensi pertanian dalam aktiviti ladang bimbingan yang kini ditingkatkan, lebih-lebih lagi untuk menggalakkan petani-petani muda di kalangan belia-belia kekal di kawasan pertanian dengan jaminan taraf kehidupan yang lebih baik daripada dahulu.

Ahli Yang Berhormat dari Baling ada menyarankan tentang pegawai-pegawai yang terlibat di dalam usaha meningkatkan taraf hidup petani diberikan latihan yang sesuai dan mencukupi. Sebenarnya sukatan, kurikulum dan peraturan latihan di Institut Pertanian dan juga pusat-pusat latihan dalam agensi-agensi Kementerian Pertanian sedang dikaji

semula. Terdapat beberapa input dan saranan baru yang tentunya akan dapat membantu dan menjamin suatu prestasi yang lebih baik lagi buat masa akan datang. Di samping itu latihan termasuk bagi pegawai pengembangan dari dalam dan luar negeri akan ditingkatkan. Mudah-mudahan dengan peningkatan tersebut prestasi mereka dapat diperbaiki.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah juga menyebutkan tentang suatu perhubungan atau komunikasi yang berkesan di antara pihak perancang dan pelaksanaan melalui Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan peringkat negeri, daerah dan juga kawasan. Oleh kerana masalah itu dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, wajarlah saya tegaskan bahawa dari segi strukturnya memang ada bentuk yang tersebut tetapi malangnya terdapat beberapa kelemahan dan langkah-langkah lain akan diambil untuk menjamin supaya kelemahan-kelemahan yang disebutkan itu tidak berlaku.

Saya ingin juga memberitahu bahawa umumnya dalam jentera pentadbiran Kerajaan ini beberapa struktur dan peraturan itu didapati amat baik. Cuma bila dilaksanakan di peringkat yang serendah-serendahnya sepertimana yang ditegur oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kadang-kadang peraturan yang dibuat yang begitu indah itu tidak diikuti dan semangat pelaksanaan itu tidak ada. Jadi tugas kita termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat adalah membuat teguran dan meneliti serta mengawasi agar dapat sama-sama kita membantu jentera pentadbiran dan pelaksanaan pentadbiran yang lebih berkesan lagi.

Sekarang ini, bagi menjamin penyelarasan pentadbiran yang lebih berkesan di peringkat kawasan dan negeri, pihak Kementerian sendiri diberi tanggungjawab secara langsung untuk mengawasi dan meneliti agar pelaksanaan, penyelarasan di

peringkat kawasan dan negeri itu dijamin lebih berkesan daripada apa yang pernah didapati sebelumnya.

Wakil dari Betong mencadangkan agar Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) diperbanyakkan dan kalau boleh meliputi satu kawasan yang lebih besar daripada yang ada sekarang. Tentunya pada dasarnya saya bersetuju dengan hasrat beliau dan perkara ini telah pun diminta dan dikemukakan oleh banyak kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari masa ke semasa. Cuma kita terpaksa merancang supaya kegiatan-kegiatan kita ini dapat dijalankan dengan berkesan, dengan perencanaan yang teliti dan dengan peruntukan yang mencukupi. Dan masalahnya sekarang ialah mendapatkan satu peruntukan yang cukup sebelum kawasan-kawasan itu dapat diperluaskan. Insya Allah dalam Rancangan Malaysia Kelima, ada kawasan-kawasan dan fasa kedua dalam kebanyakan IADP yang akan meliputi kawasan yang lebih luas daripada yang wujud sekarang. Di kawasan-kawasan yang tidak punyai rancangan IADP, saya ingin menjamin bahawa kawasan-kawasan itu tidaklah boleh dianggap sebagai kawasan-kawasan yang terbiar atau dianaktirikan kerana mengikut perancangan Kementerian apa yang akan dilakukan ialah penekanan dalam pembangunan *in situ* dengan memastikan bahawa seluruh jentera dari Jabatan dan agensi itu dapat ditumpukan di kawasan tersebut.

Begitu juga mengikut teguran Ahli Yang Berhormat tadi, kajian kemungkinan projek IADP ataupun Limbangan Sungai Samarahan dan Kalaka-Saribas bagi Sarawak, satu projek yang jauh lebih besar daripada apa yang didapati di Semenanjung sekarang adalah di peringkat akhir dan kita akan mendapat keputusan muktamad mengenai kedudukan Projek Limbangan Sungai Samarahan dan Kalaka-Saribas.

Wakil dari Batang Lupar mengemukakan tentang panduan dan asuhan yang sesuai yang boleh diberikan kepada petani-petani di Sarawak, memandangkan corak hidup mereka masih belum berubah. Perlu saya tegaskan bahawa melalui Jabatan Pertanian dan agensi-agensi yang lain, khidmat nasihat dari masa ke semasa akan diberi dan ditingkatkan untuk petani-petani di Sabah dan Sarawak khususnya.

Untuk maksud ini juga dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti insya Allah kita dapat mengemukakan satu perencanaan yang lebih teliti dan peruntukan pembangunan negeri Sarawak yang boleh memenuhi sebahagian daripada cadangan wakil dari Batang Lupar tersebut.

Saya ingin mengakhiri dengan sekali lagi menyatakan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan. Dalam jawapan ini nampaknya saya tidak dapat menyentuh secara khusus atau spesifik beberapa perkara kecil yang lain yang dikemukakan tetapi saya berhajat untuk memberikan penjelasan yang lebih teliti kerana beberapa perkara yang dibangkitkan itu juga dibangkitkan dalam soalan-soalan mulut untuk hari-hari berikutnya. Tetapi atas minat yang bertambah di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan pandangan yang menyentuh kepentingan petani dan nelayan amatlah dihargai dan kita percaya dengan minat dan kesungguhan ahli-ahli Yang Berhormat mengambil berat dan membela nasib petani dan nelayan ini, usaha-usaha kita akan beroleh kejayaan yang lebih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Kehakiman.

Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Kewangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya kita terpaksa menanggungkan mesyuarat kita sehingga esok. Saya minta seorang Menteri bangun mencadangkan mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) supaya mesyuarat ditangguhkan sekarang.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan suatu usul kepada Majlis bagi diputuskan bahawa Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.26 petang.